

KESEMBILAN

Ninth

PERTAMA

First

Jilid 1 Bil. 32 Hari Khamis 26hb Oktober, 1995

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
(Ruangan 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1995) (No.2) 1995

Jawatankuasa:

Jadual -

| | |
|----------------------|----------------|
| Maksud B. 1 dan B. 7 | (Ruangan 39) |
| Maksud B. 18 | (Ruangan 90) |
| Maksud B. 26 | (Ruangan 90) |
| Maksud B. 28 | (Ruangan..116) |
| Maksud B. 35 | (Ruangan 126) |
| Maksud B. 42 | (Ruangan 150) |
| Maksud B. 46 | (Ruangan 167) |
| Maksud B. 50 | (Ruangan 177) |
| Maksud B. 51 | (Ruangan 178) |

Maksud B. 54

(Ruangan 182)

...(ii)/-

(ii)

USUL:

Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. .3) 1995

Jawatankuasa:

| | |
|-----------------------|---------------|
| Maksud P. 7 | (Ruangan 39) |
| ...Maksud P. 14 | (Ruangan 84) |
| Maksud P. 17 | (Ruangan 89) |
| Maksud P. 28 dan P.3 | (Ruangan 116) |
| Maksud P. 37 dan P.40 | (Ruangan 126) |
| Maksud P. 44 | (Ruangan 155) |
| Maksud P. 46 | |
| Maksud P. 47 | (Ruangan 173) |
| Maksud P. 50 | (Ruangan 177) |
| Maksud P. 54 | (Ruangan 182) |

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada
Peraturan Mesyuarat

(Ruangan..132)

Oktober, 1995.

DEWAN RAKYAT YANG KESEMBILAN

PENYATA RASMI PARLIMEN

Penggal Yang Pertama

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Mohamed Zahir bin Haji Ismail, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu)

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)

“ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ Haji Abu Hassan bin Haji Omar, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S., S.M.T. P.I.S. (Kuala Selangor)

Yang Berhormat Menteri Pendidikan, Dato’ Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)

“ Menteri Penerangan, Dato’ Mohamed bin Rahmat, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)

“ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)

“ Menteri Sumber Manusia, Dato’ Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)

“ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

“ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.P. (Gopeng)

“ Menteri Pertahanan, Dato’ Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)

“ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)

“ Menteri Luar Negeri, Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)

“ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)

“ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh)

“ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)

Yang Berhormat Menteri Kesihatan, Tuan Chua Jui Meng, P.I.S. (Bakri)

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik)

“ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)

“ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Ong Tee Keat, S.M.S. (Ampang Jaya)

“ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin (Kinabatangan)

“ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Megat Junid bin Megat Ayob, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak)

“ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)

“ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)

“ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)

“ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)

“ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Raja Dato’ Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)

“ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)

“ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dr. Leo Michael Toyad, J.B.S. (Mukah)

“ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)

Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan, Dato’ Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)

“ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)

“ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tuan Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)

“ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato’ Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)

“ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Kerk Choo Ting (Taiping)

“ Timbalan Menteri Pertanian, Dato’ Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)

“ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)

“ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)

“ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)

“ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., .D.P.M.S. (Selayang)

“ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Tuan Ong Ka Ting (Pontian)

“ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah)

“ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)

“ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)

Yang Berhormat Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)

“ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)

“ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)

“ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)

“ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)

“ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Cik Siti Zainab binti Abu Bakar (Tebrau)

“ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Tuan Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato’ M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Tuan Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dato’ Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)

“ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Azmi bin Khalid, S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Chor Chee Heung (Alor Setar)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Hishamuddin bin Tun Hussein (Tenggara)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato’ Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Tan Chai Ho, K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Puan Shahrizat binti Abdul Jalil (Lembah Pantai)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)

“ Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)

“ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)

“ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)

“ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)

“ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)

“ Tuan Abdul Rahin bin Dato’ Mohd. Said (Kuala Nerus)

Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S.,
A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)

Yang Berhormat Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A.,
S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)

“ Dato’ Haji Abu Dahari bin Osman, D.I.M.P., A.M.P., P.J.K
(Lipis)

“ Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M, J.P., B.K.T. (Alor
Gajah)

“ Tuan Haji Abu Zahar bin Dato’ Nika Ujang, A.M.N. (Kuala
Pilah)

“ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P.
(Tambun)

“ Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria, P.J.K.
(Jerantut)

“ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K.
(Bagan Datok)

“ Puan Ainon Khariyah binti Dato’ Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P.
(Parit)

“ Tuan Akbarkhan bin Abul Rahman (Libaran)

“ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)

“ Tuan Asmat Nungka (Beluran)

“ Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin, B.K.M., P.J.K. (Yan)

“ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz (Hulu Langat)

“ Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)

- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)

Yang Berhormat Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)

- “ Dato’ Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tun Daim bin Haji Zainuddin, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Dato Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Ilani binti Dato’ Haji Isahak (Kota Bharu)

- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato’ Dr. Haji Jamaluddin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)

Yang Berhormat Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)

- “ Datuk Joseph Pairin Kitingan (Keningau)
- “ Dato’ Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan Kamarudin bin Ahmad (Arau)
- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Tuan Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)
- “ Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
- “ Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
- “ Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
- “ Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
- “ Tuan Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)

- “ Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Tuan Haji Mahbud bin Haji Hashim, A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
- “ Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)

Yang Berhormat Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)

- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
- “ Tuan Mohamed Khaled bin Nordin (Johor Bahru)
- “ Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P. (Larut)
- “ Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)
- “ Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)
- “ Tuan Ong Tin Kim (Teluk Intan)
- “ Tuan Othman bin Abdul, A.M.P., P.P.T. (Pendang)

- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Noutin, A.D.K. (Penampang)
- “ Tuan Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato’ Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)

Yang Berhormat Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)

Yang Berhormat Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)

- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Rohani binti Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Tuan Salamon bin Selamat, S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Datuk S’ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Dato’ Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P.. (Machang)
- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)

“ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)

“ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)

“ Tuan Tiong Thai King (Lanang)

“ Tuan Tue Si @ Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)

“ Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)

“ Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)

Yang Berhormat Tuan Haji Wan Mohd Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)

“ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)

“ Dato' Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)

“ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)

“ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)

“ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)

“ Tuan Yunof Edward Marinking (Tuaran)

“ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)

“ Dr.Haji Yusof bin Haji Yacob, A.D.K. (Sipitang)

“ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)

“ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)

“ Dato' Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali,
D.P.M.T., A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T.,
A.S.D.K.

Ketua Penolong Setiausaha: Said bin Sidik

Pmk. Ketua Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab

Penolong Setiausaha Kanan: Zamani bin Haji Sulaiman

CAWANGAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Pegawai Penerbitan: Azhari bin Hamzah

Ketua Pelapor Perbahasan Parlimen: Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.
Haji Suhor bin Husin

Pelapor Perbahasan Parlimen: Mohd Saleh bin Mohd. Yusop
Hajah Supiah binti Dewak
Hajah Kalsom binti Ghazali
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Zaharah binti Naim
Norwahidah binti Azizi
Rozita binti Abd. Samad
Jainah binti Sakimin
Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop

Bentara Mesyuarat: Lt Kol(B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Khamis, 26hb. Oktober, 1995

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**PENDATANG ASING MENYEBARKAN
AJARAN SESAT - TINDAKAN**

1. **Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah tindakan kerajaan terhadap pendatang-pendatang asing sama ada yang datang secara haram ataupun melalui permit kerja yang datang dengan tujuan menyebarkan dakwah-dakwah yang sesat ataupun berdakwah agama yang lain daripada agama Islam.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Tuan Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, pendatang-pendatang asing yang datang secara haram sama ada mereka menyebarkan dakwah-dakwah yang sesat atau tidak akan diusir daripada negara ini. Manakala yang datang dengan secara sah, tindakan pengusiran dan juga undang-undang akan diambil jika dinasihati oleh Jabatan Agama Islam.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebagaimana yang kita tahu pendakwah-pendakwah sesat yang datang daripada luar negeri ini kebanyakannya berkepentingan diri, merosakkan

masyarakat kita dan juga mengancam keselamatan negara. Jadi, saya ingin tahu adakah kementerian ini selepas tangkapan ini menyiasat segala pendapatan dan merampas segala pendapatan mereka dan menghukum seberat-beratnya?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, jika sekiranya pendakwah-pendakwah yang datang dari luar ini selepas siasatan terbukti bahawa mereka ini telah mendatangkan akibat yang sangat serius terhadap ketenteraman ataupun keharmonian di negara ini, kerajaan tidak teragak-agak mengambil tindakan undang-undang, termasuk juga Akta Keselamatan Dalam Negeri digunakan.

Datuk Joseph Pairin Kitingan: Tuan Speaker, untuk mengelakkan daripada kekeliruan, adakah tindakan mengusir daripada negara kita ini termasuk orang-orang yang dikatakan 'permit holders' tetapi yang dijemput untuk datang mengajar mengenai dengan agama yang tertentu yang memang berasaskan agama yang sudah diterima oleh negara kita di Malaysia ini?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang asal ini berkaitan dengan sama ada mereka masuk secara haram atau sah, tetapi mereka tidak ikut peraturan-peraturan negara kita dan telah menyebarkan agama. Bagi mereka yang mempunyai permit ataupun Pas Lawatan Iktisas atau 'Professional Pass', dengan izin, yang dikeluarkan oleh pihak Jabatan Imigresen untuk tujuan agama, mereka ini memang bolehlah menjalankan kegiatan mengikut syarat-syarat yang ditentukan.

PERSIDANGAN GLOBAL 500 FORUM - KESAN TERHADAP EKONOMI

2. Puan Seripah Noli binti Syed Hussin minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan berhubung dengan Forum Antarabangsa “Global 500 Forum” yang akan membincangkan topik-topik alam sekitar yang berhubung kait dengan peranan badan-badan korporat yang akan diadakan di ibu negara pada Oktober 1995, apakah kesan serta faedahnya terhadap perkembangan ekonomi negara khasnya bagi sektor korporat dan bagaimanakah ianya dapat dicapai. Sekiranya dapat diukur tahap kesedaran dan usaha-usaha yang telah dibuat oleh semua pihak, apakah tahap kesedaran dan usaha-usaha pemeliharaan alam sekitar di negara ini.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato’ Abu Bakar bin Daud]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Persidangan Global 500 Forum telah diadakan pada 17 hingga 20 Oktober 1995 yang baru lalu di Kuala Lumpur. Tema persidangan tersebut ialah “Towards Corporate Environmental Excellence - Challenge and Opportunities in Asia-Pacific”, dengan izin, anjuran Global 500 Forum dan Golden Hope Plantations Bhd. dengan kerjasama Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dan United Nations Environment Programme. Pembukaan persidangan dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Dato’ Seri Anwar Ibrahim, Timbalan Perdana Menteri Malaysia. Jumlah peserta daripada 40 buah negara termasuk Malaysia adalah hampir 450 orang.

Persidangan ini telah menghasilkan kesan-kesan yang positif yang menggalakkan. Pertama sekali ianya telah berjaya meletakkan Malaysia di dalam peta kecemerlangan alam sekitar dunia dan dapat juga menunjukkan kepada negara-negara lain bahawa di samping melaksanakan pembangunan, pertimbangan

alam sekitar juga diberi keutamaan. Ia juga akan dapat membantu Malaysia mengambil langkah yang lebih konkrit untuk memenuhi kehendak-kehendak Agenda 21 hasil daripada Persidangan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Pembangunan dan Alam Sekitar di Rio de Janeiro.

Bagi pihak swasta, persidangan ini akan menggalakkan badan-badan korporat dan perniagaan untuk memberi lebih perhatian kepada isu-isu alam sekitar di samping menggerakkan mereka mengambil pendekatan yang 'holistic' dan bukan 'piecemeal' untuk menangani isu-isu alam sekitar. Ia juga memberi peluang kepada badan-badan korporat untuk menggambarkan serta menyebarkan kejayaan-kejayaan yang membanggakan di dalam pengurusan alam sekitar dan secara tidak langsung memperolehi 'competitive edge' di dalam dunia perniagaan.

Pendek kata, persidangan ini telah berjaya menarik perhatian dan meningkatkan kesedaran sektor perniagaan dan industri terhadap kepentingan alam sekitar mengenai dasar korporatnya agar dapat menghadapi cabaran-cabaran dan persaingan akibat dari 'Green Consumerism'. Ini adalah kali pertama persidangan Global 500 Forum diadakan yang melibatkan penyertaan sektor korporat, perniagaan dan industri, badan-badan bukan kerajaan, agensi-agensi kerajaan dan individu-individu yang lain.

Puan Seripah Noli binti Syed Hussin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sejauh manakah peranan yang telah dimainkan oleh pihak agensi kerajaan seperti Palm Oil Research Institute of Malaysia (PORIM), FELDA dan

lain-lain dalam menyumbang ke arah mencapai pembangunan yang seimbang dengan pemeliharaan alam sekitar?

Dato' Abu Bakar bin Daud: Tuan Yang di-Pertua, mereka ini telah memainkan peranan yang begitu aktif sekali.

JALAN RAYA DI SARAWAK - PEMBINAAN

3. Tuan Joseph Mauh anak Ikeh minta Menteri Kerja Raya menyatakan:-

- (a) berapa batang jalan raya akan dibina dalam Rancangan Malaysia Ketujuh di seluruh negeri Sarawak dan berapakah kosnya;
- (b) adakah jalan raya di kawasan Selangau seperti jalan raya ke Ulu Mukah (Rh. Anjan) Jalan raya Stapang ke Ulu Oya, Jalan raya Dijih, Sebakong ke Ulu Teluan-Mukah, Jalan raya ulu/hilir Arip Balingian, Jalan raya Bandat- Tatau ke Kakus dan Anap-Daerah Tatau akan dimasukkan dalam rancangan itu; dan
- (c) bilakah jalan raya kelapa sawit LKTS-Mukah/Balingian akan diturapkan serta dinaikkan taraf dan berapakah kosnya.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Dato' Railey bin Haji Jaffrey]:Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, Kerajaan Persekutuan telah mencadangkan sebanyak 60 batang jalan raya untuk dibina dengan kos sebanyak RM1,356 juta bagi seluruh negeri Sarawak. Kerajaan Negeri Sarawak telah

mencadangkan pembinaan 227 batang jalan dengan kos sebanyak RM1,623 juta;

- (b) Kementerian Kerja Raya difahamkan, jalan-jalanraya yang termasuk di dalam kawasan Selangau ialah:
- (i) Jalan raya ke Ulu Mukah (Rh. Anjan);
 - (ii) Jalan raya Stapang ke Ulu Oya;
 - (iii) Jalan raya Stapang ke Ng. Tajam Hilir Oya, Dalat;
 - (iv) Jalan raya Dijih, Sebakong ke Ulu Teluan, Mukah;
- dan
- (v) Jalan raya Bandat Tatau ke Kakus dan Anap dalam Daerah Tatau telah dicadangkan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh di bawah pembiayaan Kerajaan Negeri, kecuali Jalan raya Ulu ke Hilir Arip dan Balingian yang mana termasuk dalam jagaan Kerajaan Persekutuan;
- (c) Projek menaikkan taraf dan menurap jalan raya kelapa sawit LKTS Mukah/ Balingian sedang dilaksanakan di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri.

4. Tuan Haji Buniyamin bin Yaacob minta Menteri Pendidikan menyatakan berapa ramaikah bilangan pelajar-pelajar yang terlibat dengan gejala dadah, bohsia dan bohjan di negeri-negeri di Malaysia ini bagi tahun 1994 dan 1995.

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Dr. Fong Chan Onn]: Tuan Yang di-Pertua, jumlah pelajar yang terlibat dengan gejala dadah di Malaysia pada tahun 1994 ialah 110 orang dan pada tahun 1995 pula seramai 73 orang.

Setakat ini, Kementerian Pendidikan tidak mempunyai maklumat yang tepat mengenai bilangan pelajar yang terlibat dalam kegiatan bohsia dan bohjan kerana kebanyakan gejala negatif tersebut dilakukan di luar waktu persekolahan, terutamanya ada cuti sekolah dan pada malam hari.

Kementerian Pendidikan sangat prihatin tentang perkara ini dan sentiasa bekerja rapat dengan agensi-agensi seperti Polis, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan seumpamanya untuk menangani gejala ini.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, sama ada angka-angka yang diberi tadi adakah termasuk pelajar-pelajar kita yang sedang menuntut di luar negeri pada hari ini kerana dari laporan yang diterima dan saya biasa melawat ke tempat-tempat ini, ada pelajar-pelajar kita yang moral mereka agak menurun? Ada kaum lelaki yang memakai subang dan ada lelaki yang memakai tudung kepala dan sebagainya. Jadi, ini juga adalah budaya yang akan merosakkan akhlak rakyat Malaysia. Jadi, apakah tindakan kerajaan seterusnya untuk membanteras gejala-gejala ini bagi pelajar-pelajar yang menuntut di luar negara kita pada hari ini?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, bilangan yang saya sebutkan ialah untuk pelajar-pelajar dalam negara ini. Berkaitan dengan kegiatan-kegiatan pelajar di luar negeri, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Yan kerana sangat prihatin terhadap imej yang dilakukan oleh mereka. Kementerian Pendidikan akan meminta kerjasama dari pegawai-pegawai kita di MSD atau Malaysian Student's Department, dengan izin, di luar negara kita supaya mengambil perhatian tentang perkara ini dan selalunya memberi nasihat kepada pelajar-pelajar supaya mereka boleh mempertahankan imej dan maruah negara kita.

Tuan Hashim bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak kementerian untuk mengembalikan mereka yang terlibat ini ke jalan yang benar?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, melalui usaha kita, Kementerian Pendidikan memang selalu memberi bimbingan dan nasihat kepada pelajar-pelajar kita supaya mereka boleh mempertahankan diri mereka dari dipengaruhi oleh kegiatan-kegiatan yang tidak sihat seperti dadah dan sebagainya.

Kita juga bekerjasama dengan agensi-agensi yang lain, khususnya dengan agensi seperti Polis, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan sebagainya supaya kita boleh bersama-sama memberi pertolongan dan bantuan kepada remaja-remaja yang terlibat dalam kegiatan-kegiatan seperti ini.

Ingin saya tegaskan di Dewan yang mulia ini bahawa peranan yang penting juga harus dimainkan oleh ibu bapa dan untuk mendapat kerjasama dan sokongan

dari ibu bapa, sekolah-sekolah, khususnya guru besar kita akan terus menghubungi dan terus mempertingkatkan taraf dan peranan PIBG supaya mereka boleh memberi pertolongan dan bantuan kepada pihak sekolah di dalam usaha kita ini.

“STRATA TITLES” - PEMBERIAN/PENGELUARAN

5. Dr. Tan Kee Kwong minta Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi menyatakan:-

- (a) adakah kerajaan akan mempercepatkan pengeluaran geran penempatan (strata titles) memandangkan terdapat tuan punya flat yang telah menunggu selama atau lebih 10 tahun untuk mendapatkannya; dan
- (b) untuk flat dan pangsapuri, selepas geran penempatan dikeluarkan, apakah hukuman undang-undang yang boleh dikenakan kepada mereka yang enggan membayar bayaran am dan perkhidmatan.

Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi [Dr. Goh Cheng

Teik]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) untuk makluman Yang Berhormat, pengeluaran hak milik strata bagi bangunan berbilang tingkat seperti rumah pangsa hanya boleh dibuat jika pemaju membuat permohonan untuk hak milik strata dan segala kehendak

Akta Hak Milik Strata 1985 dan Peraturan-peraturan Ukur telah dipatuhi.

Dalam kebanyakan kes, tuan punya flat yang telah menduduki flat masing-masing selama 10 tahun atau lebih, pemaju tidak mengemukakan permohonan untuk

hak milik strata. Oleh yang demikian, hak milik strata tidak dapat dikeluarkan kepada mereka.

Bagi kes-kes di mana permohonan pernah dibuat, tetapi telah ditolak atas sebab permohonan tidak lengkap atau tidak mematuhi kehendak Akta Hak Milik Strata 1985, permohonan tidak dikemukakan semula. Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab pemaju untuk mengemukakan semula permohonan untuk hak milik strata bagi pertimbangan dan jika diluluskan, hak milik strata akan dikeluarkan.

Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi memang sedar, terdapat banyak kes rumah pangsa lama yang belum dibuat permohonan untuk hak milik strata. Oleh yang demikian, bangunan-bangunan lama seperti ini di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah disenaraikan dan lawatan sedang diatitkan untuk mengadakan sesi dialog dengan pemaju dan penghuni rumah pangsa agar masalah yang dihadapi seperti pelan bangunan yang diluluskan tidak dapat dikesan dan sebagainya dapat diatasi.

Baru-baru ini pada 12hb. Oktober 1995, lawatan telah dibuat ke bangunan Unit 56 Jalan Sentul Kuala Lumpur dan keputusan yang dicapai di sesi dialog adalah pemaju akan membuat permohonan untuk hak milik strata dalam tempoh sebulan dan pihak Jabatan Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dengan kerjasama Jabatan Ukur Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur akan mengeluarkan hak milik strata dalam tempoh 6 bulan jika

permohonan itu lengkap dan mematuhi segala kehendak undang-undang hak milik strata. Lawatan ke bangunan-bangunan berbilang tingkat di Kuala Lumpur yang belum dibuat permohonan untuk hak milik strata sedang diaturkan dan pemaju yang berkenaan akan digesa untuk membuat permohonan untuk hak milik strata dengan secepat mungkin.

- (b) Bagi flat dan pangsapuri yang telah dikeluarkan hak milik strata, Perbadangan Pengurusan (Management Corporation) wujud secara otomatis untuk menguruskan bangunan tersebut. Setiap pemilik flat atau pangsapuri adalah diwajibkan untuk membuat bayaran caruman kepada Kumpulan Wang Pengurusan. Sekiranya mana-mana pihak pemilik flat atau pangsapuri enggan membayar caruman yang dikenakan, tindakan yang boleh diambil terhadapnya adalah:-
- (i) tindakan mahkamah untuk mendapat kembali hutang-hutang tersebut di bawah Seksyen 53 Akta Hak Milik Strata 1985;
 - (ii) tindakan di bawah Seksyen 53(A) Akta Hak Milik Strata di mana waran untuk menahan harta alih (moveable property) pemilik flat atau pangsapuri yang berkenaan boleh dikeluarkan oleh pejabat tanah dan seterusnya Perbadanan Pengurusan boleh mengambil tindakan untuk melaksanakan waran tersebut; dan

- (iii) tindakan di bawah Seksyen 53 Civil Suit dan Waran Penahanan di bawah Seksyen 53(A) Akta Hak Milik Strata 1985.

Dr. Tan Kee Kwong: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta Yang Berhormat Timbalan Menteri, benarkah sebab kakitangan di pejabat Jabatan Tanah Wilayah Persekutuan tidak mencukupi. Jikalau benar, bolehkah kakitangan ditambahkan?

Dr. Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, ada banyak sebab kerana kelambatan wujud, salah satunya bukan yang paling penting ialah kekurangan kakitangan dan tindakan sedang diambil untuk mengatasi kekurangan ini.

Dato' Hon Choon Kim: Tuan Yang di-Pertua, mengikut jawapan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri, merupakan tanggungjawab pemaju untuk mengemukakan permohonan untuk mendapat strata title. Jadi, bagaimana cadangan Yang Berhormat untuk mengambil tindakan ke atas pemaju-pemaju yang tidak berfungsi atau yang tidak dapat dikesan lagi? Sebab saya dapat tahu bahawa beberapa pangsapuri-pangsapuri, bangunan bertingkat, pemajunya telah tidak dapat dikesan. Jadi, inilah merupakan satu masalah. Apa cadangan Yang Berhormat untuk mengatasi masalah ini?

Dr. Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, saya ucap terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat atas maklumat itu. Saya rasa untuk tindakan tepat oleh pihak yang berkenaan, saya mintalah bahawa butir-butir dikemukakan kepada

pejabat tanah yang berkenaan supaya kami boleh siasat dan menimbang apakah tindakan yang sesuai.

BURSA SAHAM KUALA LUMPUR - PENCAPAIAN

6. **Dr. Tan Seng Giaw** minta Menteri Kewangan menyatakan setakat mana beliau berjaya membawa Bursa Saham Kuala Lumpur ke tahap dunia. Apakah tahap BSKL sekarang. Apakah langkah-langkah yang digunakan untuk mempromosi dan memperkukuh BSKL sebagai pusat sekuriti yang boleh dipercayai.

31. 10. 1995

15. **Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman** minta Menteri Kewangan menyatakan hasil “road show” Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) di London dan di New York baru-baru ini.

20. 11. 1995

4. **Tuan Tan Kok Wai** minta Menteri Kewangan menyatakan sejauh manakah sambutan pelabur asing selepas Perdana Menteri dan rombongan mengadakan beberapa BSKL road show di luar negara baru-baru ini.

6. 12. 1995

7. **Tuan Hashim bin Ismail** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah kejayaan yang telah dicapai setakat ini dan kejayaan yang dijangka akan diperolehi daripada pameran bergerak BSKL seperti yang telah diadakan di Hongkong pada 18.8.1995 yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan dan pada 26.9.1995 yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri dan pameran-pameran seterusnya di lain-lain kota utama dunia, khususnya dalam konteks mengembalikkan semula keyakinan pelabur-pelabur luar terhadap kewibawaan iklim pelaburan di negara kita dan kewibawaan BSKL sekaligus.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wong See Wah]: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan pertanyaan mengenai perkara yang sama turut dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Parit Buntar, Ahli Yang Berhormat

dari Cheras, Ahli Yang Berhormat dari Ledang yang masing-masingnya dijadual dijawab pada 31hb. Oktober 1995, 20hb. November 1995, 6hb. Disember 1995; saya memohon menjawab pertanyaan-pertanyaan itu serentak.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Baiklah.

Dato' Wong See Wah: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, pencapaian Bursa Saham Kuala Lumpur pada masa ini adalah sangat membanggakan kerana setakat bulan Ogos 1995, BSKL telah menduduki tangga ke 15 terbesar di dunia dan ketiga terbesar di Asia, tidak termasuk Jepun.

Nilai pasaran semasa adalah pada tahap RM548 ribu juta iaitu telah meningkat sebanyak 33% berbanding dengan tahun 1990.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa langkah telah diambil untuk menggalak dan memperkukuhkan BSKL sebagai pusat pasaran modal. Ini termasuk:-

- (i) Dengan mengadakan garis panduan pengurus dana oleh pengurus dana asing. Ini merupakan satu pelonggaran industri pengurusan dana, fund management security, dengan izin, adalah bertujuan untuk memperkembangkan lagi industri pengurusan dana di Malaysia di samping menjadikan Malaysia sebagai pusat serantau pengurus dana asing. Garis panduan penubuhan syarikat pengurusan dana asing telah dikeluarkan pada 4hb. Ogos 1995. Di antara tujuan kita membenarkan syarikat pengurusan dana asing beroperasi di Malaysia adalah untuk menggalakkan dan memudahkan lagi

pemindahan pengalaman, kemahiran dan meninggikan lagi tahap profesionalisme di kalangan pengurus dana tempatan.

- (ii) Bagi memperkukuhkan kestabilan jangka panjang Bursa Saham Kuala Lumpur dengan menginstitusikan urusan perseorangan melalui tabung amanah. Memandangkan lebih kurang 70% daripada perniagaan di BSKL merupakan urusan perseorangan yang selalunya mirip spekulatif dan hanya 30% merupakan urusan pihak institusi. Ini telah dikenal pasti sebagai satu faktor yang secara tidak langsung telah menjejaskan kestabilan dan kekukuhan jangka panjang BSKL. Maka Suruhanjaya Sekuriti sedang giat untuk memperkembangkan lagi penyertaan pelaburan perseorangan di dalam tabung amanah. Buat masa ini pelaburan saham tabung amanah BSKL hanya di tahap yang rendah, lebih kurang 7% daripada permodalan pasar berbanding dengan 13% di Amerika Syarikat. Pihak Suruhanjaya Sekuriti berharap dapat meningkatkan peranan Tabung Amanah dalam menggemblengkan simpanan dan pelaburan pelabur individu ke pasaran modal.
- (iii) Dengan mengadakan garis panduan projek infrastruktur. Garis panduan terbaru mengenai penyenaian projek infrastruktur adalah untuk membolehkan projek-projek

infrastruktur yang besar mempunyai gestation lama dan tidak mempunyai track record selama lima tahun untuk disenaraikan di BSKL. Di samping itu dapat memenuhi beberapa syarat-syarat yang lain. Penyenaraian projek infrastruktur di BSKL akan memperkukuhkan lagi pasaran modal dengan mendalam dan meluaskan lagi tahap BSKL dengan penambahan jumlah serta jenis saham yang akan diniagakan dan juga penambahan sektor-sektor baru. Dengan itu pelabur-pelabur berpeluang menambahkan serta mempelbagaikan pelaburan mereka di pasaran modal.

- (iv) Dengan mengadakan Sistem Depositori Pusat. Implementasi Sistem Depositori Pusat oleh BSKL merupakan satu faktor penting dalam memperkukuhkan lagi prestasi dan kredibiliti BSKL. Sistem Depositori Pusat juga akan menambahkan kecekapan BSKL dalam sistem pembayaran dan penjelasan sekuriti di Malaysia supaya setaraf dengan tahap antarabangsa.

Dengan implimentasi SDP dijangka akan selesai pada akhir 1996, BSKL setakat ini telah dapat menyempurnakan 83 syarikat di Papan Utama BSKL, dipindahkan ke SDP dan kesemua saham-saham 157 syarikat di Papan Kedua BSKL telah dipindahkan ke SDP. Mulai dari 1hb. Oktober 1995, semua syarikat-syarikat baru yang akan

disenaraikan di Papan Utama BSKL akan dimasukkan ke SDP secara automatik.

- (v) Dengan meningkatkan taraf profesionalisme peserta-peserta di dalam industri sekuriti dan industri niaga hadapan. Suruhanjaya Sekuriti telah menubuhkan Security Industry Development Centre ataupun Pusat Perkembangan Industri Sekuriti yang diberi tanggungjawab untuk merancang serta mengatur program-program yang sesuai di dalam bidang industri sekuriti dan niaga hadapan dengan tujuan untuk meningkatkan taraf profesionalisme para peserta di dalam industri ini.
- (vi) Baru-baru ini telah diadakan satu pameran bergerak BSKL di bandaraya-bandaraya yang berikut iaitu Hong Kong, London dan New York. Tujuannya ialah untuk memberi penjelasan tentang dasar ekonomi dan sosial kerajaan dan juga untuk menyampaikan maklumat kepada peserta tentang perkembangan baru dalam arena dan pasaran modal di Malaysia dan juga antara lain menjemput pengurus dana institusi antarabangsa untuk melabur di Malaysia yang mempunyai kestabilan, ekonomi dan politik.
- (vii) Dengan adanya satu cara iaitu untuk kita meningkatkan struktur kawalselia dengan memperkemaskan lagi peraturan-peraturan dan perundangan yang sedia ada termasuk pindaan ke atas akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 baru-baru ini.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Nampaknya ada banyak langkah yang diambil termasuk SDP dan pameran ketiga-tiga negara itu tetapi ini tidak semestinya masalah-masalah seperti insider trading, rigging, cornering dan sebagainya dapat diselesaikan. Apakah jadual (timetable) yang digunakan oleh pihak kementerian untuk memastikan penglibatan institusi sampai 70% berbanding dengan penglibatan individu di dalam Bursa Saham Kuala Lumpur dan juga untuk mengawalselia operasi-operasi syarikat pengurusan dana asing?

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, Suruhanjaya berharap dapat meningkatkan jumlah peratus daripada 70% dari unit trust kepada lebih kurang 30% dalam masa 3 hingga 5 tahun yang akan datang.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin meminta Yang Berhormat Timbalan Menteri mengulas berita hari ini dalam *Business Times* yang mengatakan bahawa pertama kalinya modal yang dikumpul daripada pinjaman persendirian telah melebihi modal yang terkumpul melalui pasaran ekuiti dalam konteks kemantapan dan kedudukan Bursa Saham Kuala Lumpur.

Dato' Wong See Wah: Saya minta kalau dapat ulang sekali lagi soalan itu.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Saya ada terbaca hari ini dalam *Business Times* bahawa pada pertama kalinya modal yang dikumpul melalui pinjaman persendirian (private loan) atau bon telah melebihi modal yang terkumpul melalui pasaran ekuiti, melalui pembelian saham dalam Bursa Saham

Kuala Lumpur. Jadi, saya ingin ulasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai hakikat ini.

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, modal yang diperolehi melalui pinjaman itu biasanya adalah digunakan untuk mengimport modal-modal capital iaitu capital goods seperti yang digunakan untuk membeli aircraft, kapal dan juga machinery dan untuk intermediary goods yang digunakan untuk pengeluaran untuk menghasilkan finish goods untuk pengeksportan. Manakala ekuiti yang kita perhatikan dalam apa?.....Saya tidak faham.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Sebab kita selalu lazimnya menganggap bahawa dua cara untuk firma-firma mengumpul modal ialah

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Saya hendak menjelaskan soalan saya. Firma yang mengumpul modal sama ada meminjam ataupun melalui pasaran ekuiti.

Dato' Wong See Wah: Itulah mengapa diadakan satu garis panduan di mana kita mengadakan supaya membenarkan projek infrastruktur dapat disenaraikan supaya modal itu dapat diperolehi melalui saham-saham BSKL iaitu satu instrument di mana bolehlah kita menambahkan modal di dalam pasaran kita.

RAKYAT TERMISKIN - PENEMPATAN SECARA BERKELOMPOK

7. **Tuan Haji Mustafa bin Muda** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan seperti yang pernah diumumkan, kementerian telah merancang untuk menempatkan rakyat-rakyat termiskin (bawah PPRT secara berkelompok).

Adakah pihak kementerian telah membuat perundingan dengan kerajaan negeri untuk mendapatkan persetujuan kerajaan negeri untuk memperolehi tanah-tanah kerajaan untuk tujuan penempatan berkelompok.

Menteri Pembangunan Luar Bandar [Dato' Haji Annuar bin Haji Musa]: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang kita maklum kerajaan memberikan keutamaan yang tinggi dalam usaha-usaha pembasmian kemiskinan terutama sekali bagi golongan rakyat termiskin. Kerajaan, khususnya Kementerian, berpendapat satu daripada cara yang patut dilaksanakan ialah dengan menempatkan kumpulan sasaran di penempatan-penempatan secara berkelompok agar pakej program pembasmian kemiskinan akan dapat dilaksanakan dengan lebih tersusun. Bagi tujuan ini saya telah pun bertemu dengan hampir kesemua Menteri Besar dan Ketua Menteri dan pihak kerajaan negeri untuk menerangkan rancangan yang berkenaan. Di peringkat pegawai juga, pegawai-pegawai kementerian dari Bahagian Pembasmian Kemiskinan telahpun membentangkan kaedah penyediaan pelan bertindak bagi program pembasmian kemiskinan khususnya termasuk program menempatkan kumpulan sasaran secara berkelompok. Tentunya program ini hanya akan dapat dilaksanakan dengan berkesan dengan kerjasama kerajaan negeri kerana penempatan itu akan melibatkan keperluan tanah-tanah yang akan digunakan untuk membina rumah-rumah dan penempatan yang berkenaan. Oleh itu, kita harap kerajaan negeri akan memberi kerjasama dan setakat ini penyediaan pelan tindakan terutamanya bagi 40 daerah termiskin dalam negara kita sedang

dalam proses penyediaan dan kita berpuas hati dengan kerjasama yang diberikan oleh kerajaan negeri setakat ini.

Tuan Kamarudin bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, kita mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar kerana telah mengambil perhatian untuk membasmi kemiskinan melalui Projek Pembangunan Rakyat Termiskin secara berkelompok. Menyentuh tentang perkara ini nampaknya program yang dilaksanakan telah berjaya tetapi ada sebahagiannya telah diresapi oleh pengaruh-pengaruh pembangkang. Ini menunjukkan mereka tidak berterima kasih dan bersyukur kerana telah diberikan nikmat dan kebahagiaan oleh pihak kerajaan. Apakah langkah kerajaan untuk memastikan perkara ini dapat diatasi dan adakah kerajaan akan mengadakan Kursus-kursus Bina Insan bagi mereka bersyukur dan berterima kasih?

Dato' Haji Annuar bin Haji Musa: Tuan Yang di-Pertua, masalah sekiranya benar ada kumpulan sasar diresapi oleh pengaruh pembangkang, saya ingat ini perkara biasa dan terpulanglah kepada kita semua untuk membuktikan kewibawaan kita.

Kerajaan yakin sekiranya sesuatu program itu dijalankan dengan baik, insya-Allah akan diterima baik oleh rakyat. Program Bina Insan sebenarnya akan menjadi satu program teras yang utama mulai Rancangan Malaysia Ketujuh selaras dengan falsafah baru dan strategi baru pembangunan luar bandar yang akan dimulakan Januari ini. Walau bagaimanapun, Program Bina Insan itu adalah mempunyai tujuan yang umum untuk menggilap kualiti tenaga sumber manusia di

luar bandar, agar mempunyai daya inisiatif dan keyakinan diri yang lebih tinggi agar selain daripada menerima bantuan langsung dari kerajaan. Kita mengharapkan mereka mempunyai daya untuk berdikari dan memperbaiki kehidupan masing-masing.

Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor: Tuan Yang di-Pertua , soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Berhormat Menteri Pembangunan Luar Bandar tadi, ada menyebut 40 daerah yang telah dikenal pasti untuk kawasan-kawasan rakyat termiskin. Bolehkah Yang Berhormat sebutkan nama daerah-daerah berkenaan?

Dato' Haji Annuar bin Haji Musa: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat dari Pasir Mas, daripada 40 buah district yang termiskin itu saya boleh beri list semua sekali pada Yang Berhormat. Cuma untuk makluman, daripada 40 yang termiskin, kesemua ialah daerah (district) di Kelantan termasuk district Yang Berhormat sendiri dalam senarai termiskin.

[Ketawa]

RAKYAT TEMPATAN DI KAWASAN TAWAU - MASALAH KESELAMATAN

8. **Puan Chua Soon Bui** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan masalah keselamatan masih menjadi satu kekhawatiran di kalangan rakyat tempatan di kawasan Tawau. Adakah kerajaan bercadang akan terus menambah jumlah anggota-anggota keselamatan di Tawau untuk meningkatkan mutu pengawalan dan mencegah kemasukan pendatang-pendatang haram dari negara-negara jiran.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Tuan Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua , keadaan keselamatan di negeri Sabah secara amnya adalah terkawal.

Rakyat khususnya di kawasan Tawau tidak harus khuatir mengenai keselamatan mereka, kerana pasukan keselamatan sentiasa mengikuti perkembangan semasa mengenai kejadian-kejadian jenayah atau lain-lain hal berbangkit dari kehadiran pendatang haram.

Kerajaan akan mengkaji dari semasa ke semasa terhadap keperluan untuk menambah anggota-anggota keselamatan di kawasan tersebut mengikut keperluan dan keutamaan.

Tuan Noh bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan isu pendatang haram ini sering diperkatakan, jadi adakah pihak kementerian Yang Berhormat telah membuat satu kajian yang terperinci sebab-sebab utama, mengapa pendatang-pendatang haram ini suka datang ke negara ini dan kesan baik atau buruknya daripada kehadiran mereka di negara kita ini?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini sebenarnya terkeluar daripada soalan asal, tetapi secara ringkasnya kita semua maklum ramai pendatang tanpa izin datang ke Malaysia, kerana di sini ada banyak peluang untuk mereka mencari kerja, mendapatkan nafkah dan ramai sangat majikan di sini pun sanggup memberi pekerjaan kepada mereka. Di Malaysia ini memang merupakan satu negara yang begitu menarik hati semua orang luar dan boleh dikatakan ini macam satu tempat 'syurga'. *[Ketawa]*

Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sejak akhir-akhir ini, kejadian aktiviti yang mungkin menjejaskan keselamatan awam serta negara dan aktiviti pendatang asing begitu lambat dikesan atau lambat

diambil tindakan. Sebagai contoh kisah ‘Petrus’ ataupun kisah ‘Nabi Petrus’ dengan pengikut pendatang asingnya di Sabah sempat mengumpul orang baru boleh dikesan.

Contoh yang kedua iaitu kes kad pengenalan palsu yang sudah begitu lama didengar baru ada tangkapan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, soalan tambahan itu dihadkan kepada satu sahaja.

Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Soalannya satu. Apakah langkah kerajaan untuk mengatasi masalah ini?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kerajaan tidak lambat atau lewat dalam menjalankan tindakan terhadap sebarang kegiatan yang tidak dibenarkan oleh pendatang tanpa izin.

Banyak tindakan telah diambil, kecuali pada masa peringkat awal dari segi strategi dan dari segi kepentingan pihak polis bertindak, sesuatu maklumat itu tidak terdedah lebih awal, sehingga baru-baru ini dapat kita dedah.

Sebenarnya kegiatan-kegiatan yang disebut itu pihak polis telah pun mengawasi sejak tahun 1993 lagi termasuk kad pengenalan palsu (Ops Kenal II) iaitu telah dimulakan sejak tahun 1993. Apa yang didapati lebih intensif sejak bulan Jun sampai hari ini ialah satu operasi pada tahap kemuncak, iaitu seluruh negara bukan sahaja Sabah, seramai 111 orang telah ditangkap oleh pihak polis. Seramai tujuh puluh lebih sedang disoal siasat dan seramai 32 sepertimana yang dimaklum daripada Sabah dan pada malam tadi baru kita dedah. Sebanyak 22,000

kad pengenalan palsu dipercayai telah pun dikeluarkan oleh sindiket-sindiket pada pendatang tanpa izin.

ULAMA BERKELAYAKAN TERLIBAT DALAM IJTIHAD - LANGKAH KERAJAAN

9. **Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah sikap kerajaan terhadap dakwaan bahawa sudah sampai masa pintu ijtihad dibuka semula; dan
- (b) apakah langkah-langkah kerajaan bagi menyediakan ulama-ulama yang berkelayakan untuk terlibat di dalam ijtihad.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasihlah kerana Semangat 46 membuat soalan ini.

Tuan Yang di-Pertua, pintu ijtihad tidak pernah ditutup dari zaman Rasulullah S.A.W sampai pada hari ini. Islam telah menetapkan bahawa salah satu daripada sumber hukum ialah ijtihad kerana darinya lahirlah 'ijmak dan qias'. Ini bermakna jika ada orang yang difahamkan pintu ijtihad telah ditutup, ia adalah satu pandangan semata-mata yang tidak selaras dengan realiti dan kehendak Islam sendiri. Walau bagaimanapun, mereka yang layak berijtihad ini hendaklah terdiri dari ahli-ahli yang sudah diketahui menguasai selok-belok ilmu Islam dan juga dapat memahami masalah yang hendak diijtihadkan.

Dalam kontek dunia sekarang, 'ijtihad' selalunya dilaksanakan secara kolektif atau disebut 'Ijtihadul jama'i'. Mereka yang layak berijtihad hendaklah dari kalangan alim-ulama yang menguasai secara mendalam berbagai ilmu Islam di

samping memahami masalah semasa dengan jelas. Dalam konteks ini mereka yang telah mendapat pelajaran Islam di pusa-pusat pengajian tinggi di seluruh dunia dan terus mendalami bidang berkenaan adalah layak untuk berijtihad secara kolektif. Kumpulan ini kebanyakan berada di institusi pengajian tinggi yang membuat kajian terhadap perkara-perkara berkaitan dengan hukum-hakam. Mereka adalah golongan yang layak yang berijtihad.

Kerajaan menggalakkan usaha berijtihad ini dengan meningkatkan insentif kepada kerja-kerja penyelidikan sehingga membolehkan mereka menjadi ‘mujtahid’ sekalipun secara kolektif.

Kerajaan mengadakan institusi pengajian tinggi bagi melahirkan ahli-ahli ilmu yang mampu berfikir dan berhujah untuk membuat sesuatu keputusan bagi faedah awam yang tidak bertentangan dengan kehendak Islam.

Puan Hajah Ilani binti Dato’ Haji Isahak: Soalan tambahan. Berapa ramaikah ulama yang telah dikesan dipihak kerajaan di Malaysia ini yang mampu melibatkan diri di dalam ijtihad?

Dato’ Haji Muhamad bin Abdullah: Ramai. *[Ketawa]*

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, supaya ijtihad ini benar-benar suatu perkara yang secara bertanggungjawab, apakah syarat-syarat keizinan untuk berijtihad yang ditetapkan oleh kerajaan bagi mengawasinya, dari aspek akademik dan moral?

Dato’ Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah sebut tadi, maknanya orang yang hendak berijtihad mestilah alim-ulama yang

benar-benar mengetahui selok-belok Islam dan juga perkara-perkara am. Saya tidaklah hendak menyebut yang itu. Tetapi kita tidak mahu ulama yang masuk ke jalan ijihad ini ialah di antaranya orang-orang yang sudah hudaah, yang suka menipu. Aruadibah, ertinya orang yang tidak mampu bercakap perkara umum. Sebab itulah orang yang hendak berijihad ini mestilah ulama yang mengetahui benar-benar ilmu. Kalau sekiranya orang itu bukan ulama yang mengetahui ilmu, kadang-kala dia membuat hukum ataupun membuat pandangan itu tidak tepat. Inilah termasuk adanya ahli-ahli anti Hadis dan Quran, sebab dia tidak begitu mahir bagaimana untuk menjadi seorang ahli mentafsirkan Al-Quran, dia mengikut akal nya sahaja, maka sudah barang tentu perkara yang dikemukakan itu tidak tepat. Sebab itulah, orang yang berijihad ini syarat yang amat penting, yang paling utama ialah ulama-ulama yang benar-benar ulama yang kita akui dan mempunyai ilmu-ilmu am sebagaimana yang saya nyatakan tadi.

SIARAN TELEVISYEN 24 JAM - LARANGAN

10. **Tuan Lim Si Cheng** minta Menteri Penerangan menyatakan:
- (a) sebab-sebab melarang penyiaran televisyen 24 jam dan sama ada polisi yang diputuskan tersebut adalah tetap; dan
 - (b) sama ada polisi ini akan menyekat skop dan peluang sektor perkhidmatan pengiklanan untuk terus berkembang melalui pengiklanan media televisyen.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]: Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan pertama, Kementerian

Penerangan telah membuat kajian tentang perlu atau tidak perlu mengadakan siaran televisyen 24 jam sehari. Kajian itu merumuskan bahawa purata masyarakat Malaysia masih belum mencapai ke tahap untuk memanfaatkan kemudahan siaran televisyen 24 jam. Mereka lebih menggunakan sepenuh diri mereka kepada televisyen daripada menggunakan televisyen untuk mendapat maklumat dan pendidikan.

- (a) Kajian siaran televisyen 24 jam di Amerika Syarikat merumuskan bahawa salah satu punca sebahagian anggota masyarakat menjadi gemuk kerana amalan banyak menonton televisyen sambil menguyah makanan. *[Ketawa]* Manakala salah satu punca rakyat Britain kurang produktif kerana ketagih menonton televisyen. Di Malaysia, oleh sebab kita memberi penekanan kepada produktiviti dan kualiti, maka siaran televisyen 24 jam akan menjejaskan tahap yang ada sekarang.
- (b) Kajian yang telah dibuat merumuskan bahawa pengiklan memberikan tumpuan kepada waktu siaran yang ramai penonton. Mengikut kajian, waktu siaran selepas pukul 11 malam dan sebelum pukul 5 petang kurang penonton. Ini bermakna siaran televisyen 24 sehari tidak dapat membantu pertumbuhan industri pengiklanan.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, di Singapura penonton-penonton boleh dapat berpuluh channel melalui kabel televisyen 40, 50 dan tak lama lagi 60 channel. Adakah kerajaan sedar bahawa perlu ada satu liberalisasi mengenai dasar-dasar kerajaan terhadap stesen-stesen televisyen seperti memperbanyakkan saluran-saluran (channels) dan juga membenarkan stesen-stesen TV menetapkan dengan sendiri masa prime time news, tak perlu Kabinet tetapkan prime time news iaitu pukul 8.00 malam, dan juga membenarkan stesen-stesen televisyen dan penontotn-penonton menetapkan bila prime time news supaya ada satu liberalisasi dalam dasar-dasar kerajaan terhadap stesen-stesen televisyen?

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan ini, saya rasa dahulu kita telah pun menjawab bahawa kita ada rancangan untuk mengadakan satelit TV, meaning that we will have at least 20 channels, dengan izin. It doesn't mean that we are not liberal, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, our government in particular Kementerian Penerangan cukup prihatin tentang melihat masyarakat, corak mana yang kita hendak lahirkan.

Pada hakikatnya, pada hari ini kita faham bahawa keadaan seperti yang saya jelaskan memerlukan bahawa kita perlu sedikit-sebanyak membendung keadaan masyarakat yang terpesong pemikirannya. We are liberal, dengan izin.

Tuan Lim Kit Siang: 'Prime time news' belum dijawab, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, dia juga menyoal tentang prime time news.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Satu soalan sahaja. Tetapi dia

Tuan Lim Kit Siang: Soalan satu, liberalisasi. Itu satu soalan.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Okay, kita sudah jawab tadi soalan dia. Anyway okay, what is your second question, dengan izin?

Tuan Lim Kit Siang: Bukan second question. Question satu ada liberalisasi, semacam prime time news ditetapkan oleh stesen-stesen televisyen, dan bukan oleh Kabinet, mengapa Kabinet mahu tetapkan pukul 8.00 malam?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Dia cuba hubungkaitkan kedua-dua sekali, iaitu prime time news dengan liberalisasi.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Kita telah diamanahkan untuk menyelaras penyiaran di negara ini. Kita berpendapat bahawa prime time must be news itu diadakan pada jam 8.00, bukan waktu kehendak pihak pembangkang. We think the maklumat....[Disampuk]....sekurang-kurangnya dengan adanya rangkaian TV1, TV2, TV3 dan juga TV4 rangkaian yang sama untuk menyiarkan Berita, variation of news, dengan izin, rakyat akan mendapat.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Ke arah liberalisasi yang akan dilaksanakan oleh kerajaan, apakah tidak ada perancangan ataupun niat daripada pihak kerajaan untuk membenarkan selain daripada pihak swasta, pihak parti-parti pembangkang atau organisasi-organisasi lain mengadakan stesen televisyennya yang tersendiri

sebagaimana yang dilaksanakan, apa yang saya tahu di antaranya seperti di Turkey. Saya melihat di Turkey, misalnya dia membenarkan kepada parti Repah untuk mengadakan siaran televisyennya tersendiri dan juga kepada Jamaatul Nur, sedangkan saya kira Turkey ini lebih tidak Islamic daripada Malaysia. Kenapa Malaysia yang lebih Islamic ini tidak membenarkan kepada pihak pembangkang?.[Ketawa]

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan ini, Kementerian Penerangan tidak mempunyai pendekatan. Kita memilih mana-mana parti sokongan mereka. Mereka apabila membuat permohonan tidak memperlihatkan bahawa itu adalah permohonan daripada parti UMNOkah, daripada parti PBSkah, ataupun PASkah. Tidak ada pun dalam permohonan itu yang tertulis menyatakan bahawa ini permohonan daripada parti-parti itu. Pihak yang bersoal boleh membuat permohonan, dan jika didapati oleh pihak kementerian bahawa wajar untuk dipertimbangkan, kita boleh pertimbangkan. Tetapi memandangkan keadaan pada hari ini banyak daripada tindak-tanduk pihak pembangkang tidak dapat memberi manfaat langsung kepada rakyat dan negara kita.[Tepuk]

11. **Tuan Hoo Seong Chang** minta Perdana Menteri menyatakan setelah Jabatan Pemegang Amanah Raya dan Pejabat Pusaka diperbadankan kelak sebagai Syarikat Amanah Raya Berhad (ARB):

- (a) berapa orang pegawai dan kakitangan JPAR menyertai ARB;
- (b) berapa jumlah modal disediakan untuk pelaburan; dan
- (c) apa jenis pelaburan telah dilaburkan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jabatan Pemegang Amanah Raya dan Pentadbir Pusaka Malaysia (JPAR) telah diperbadankan pada 1hb. Ogos, 1995 dengan nama Amanah Raya Berhad (ARB). Sebelum diperbadankan, Jabatan Pemegang Amanah Raya (JPAR) mempunyai seramai 212 orang pegawai dan kakitangan, dan kesemua mereka telah ditawarkan option untuk menyertai Amanah Raya Berhad. Daripada jumlah tersebut, seramai 198 orang telah memilih untuk menyertai Amanah Raya Berhad, manakala 14 orang lagi telah menolak option tersebut.
- (b) Jumlah modal Amanah Raya Berhad ialah sebanyak RM6 juta dan digunakan sebagai modal pusingan bagi membiayai kos operasi Amanah Raya Berhad di seluruh negara ini.
- (c) Tiada modal khas disediakan bagi tujuan pelaburan.

Walau bagaimanapun, Amanah Raya Berhad sedang menjaga wang amanah sebanyak RM350 juta dan wang tersebut dilaburkan sebagaimana dibenarkan di bawah Seksyen 4 dan 5, Akta Pemegang Amanah 1949 seperti berikut:

- (i) 30% dalam ekuiti syarikat jenis trustee stock yang tersenarai di BSKL;
- (ii) 40% daripada stok pinjaman kerajaan; dan

(iii) 30% dalam simpanan tetap dan pasaran wang.

Tuan Hoo Seong Chang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi, Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menyatakan bahawa tidak ada secara pelaburan yang akan dilaburkan oleh Amanah Raya Berhad. Jadi, saya ingin bertanya, bagaimana ia akan memanfaatkan kepada pewaris-pewaris jika tidak ada keuntungan yang diberi oleh Amanah Raya Berhad?

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, jawapan saya sebenarnya sebentar tadi berkenaan dengan (b), kerajaan tiada modal khas ataupun satu peruntukan khas yang diberikan kepada ARB untuk melabur, cuma yang kita melabur ialah wang amanah itu. Jadi, memang ada pelaburan tetapi pelaburan ialah kepada wang amanah yang sebanyak RM350 juta. Maka daripada hasil wang amanah yang sebanyak RM350 juta inilah yang kita melabur dan mendapat keuntungan untuk dibahagi-bahagikan kepada mereka yang patut mendapatnya di bawah pemegang amanah ini.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di bawah peruntukan yang sedia ada, apakah hak-hak yang diberikan oleh peraturan-peraturan sekarang kepada pewaris-pewaris untuk menentukan pelaburan mana yang lebih sesuai kerana kita tahu wang-wang ini adalah akhirnya akan pergi kepada pewaris. Jadi, apakah hak pewaris-pewaris untuk menentukan jumlah atau jenis pelaburan mana yang sesuai, yang perlu dibuat oleh pihak Amanah Raya Berhad.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan iaitu bahawa Amanah Raya Berhad ini merupakan sebuah syarikat yang dimiliki oleh kerajaan dan sahamnya dipegang oleh Menteri Kewangan, bermakna segala pelaburan itu adalah dibuat di atas nasihat yang diberikan oleh mereka yang berada di dalam Kementerian Kewangan dan jawapannya ialah tidak ada di sini bagi mereka yang menjadi pewaris kerana sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, sudah tentulah jumlah pewarisnya merupakan begitu banyak dan kalau kita hendak mendapat arahan daripada mereka mungkin agak sukar untuk kita menanganinya.

PEMBANGUNAN LUAR BANDAR DI PENAMPANG - PERUNTUKAN

12. **Tuan Paulis Nointien** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan:-

- (a) berapa jumlah wang yang telah dibelanjakan oleh kementerian untuk kebaikan penduduk-penduduk luar bandar kawasan Penampang dari bulan April 1994 hingga sekarang;
- (b) berapakah jumlah wang diperuntukkan oleh kementerian untuk pembangunan luar bandar di kawasan Penampang dari sekarang hingga akhir tahun 1996; dan
- (c) apakah projek-projek atau program-program yang sedang dilaksanakan atau dirancang oleh kementerian demi untuk kebaikan penduduk-penduduk luar bandar di kawasan Penampang dan bilakah projek-projek atau program-program itu dimulakan/dikendalikan.

Dato' Haji Annuar bin Haji Musa: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian telah membelanjakan sebanyak RM2.4 juta bagi kawasan Penampang sahaja dari bulan April

1994 hingga sekarang. Dan ini termasuklah bagi bekalan elektrik luar bandar sebanyak RM160,000, bekalan air luar bandar sebanyak RM1.25 juta, jalan kampung (PJK) sebanyak RM796,000, pemuliharaan rumah PPRT - RM97,500, peningkatan ekonomi kampung kira-kira RM59,000 dan jalan luar bandar sebanyak RM50,000, berjumlah semua sekali sebanyak RM2.413 juta.

- (b) Kementerian belum lagi menentukan peruntukan pembangunan luar bandar bagi mana-mana kawasan untuk tahun 1996. Yang Berhormat perlulah bersabar sehingga Belanjawan dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan besok.
- (c) Program yang sedang dilaksanakan oleh kementerian di kawasan Penampang adalah seperti berikut, di antara lainnya:-
 - (i) Program jalan luar bandar daripada Kampung Ulutan, Kampung Mensiang yang akan menelan belanja kira-kira RM1 juta; dan
 - (ii) Program jalan luar bandar, jalan dewan serbaguna ke Putatan yang akan menelan belanja sebanyak RM450,000. Kedua-dua projek ini telah dimulakan pada bulan Januari tahun ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Masa untuk
Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah pun suntuk.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 13 hingga 35 akan dimasukkan ke dalam naskhah bercetak kelak]

**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1995)
(NO.2) 1995**

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMB.)(BIL.3)1995

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas “Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1995)(No.2) 1995 dan Usul Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil.3) 1995 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis” *[HariKedua]*

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Maksud B.1 dan B.7 [Jadual] -

Maksud P.7 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.3) 1995] -

Tuan Lim Guan Eng [Kota Melaka]: Point of order, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Saya hendak merujuk kepada ...

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang ke berapa, Yang Berhormat?

Tuan Lim Guan Eng: 36(10). Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada ucapan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Yan semalam.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, nanti sekejap, sepatutnya Ahli Yang Berhormat kena bangkitkan point of order sebelum cokmar diturunkan.

Tuan Lim Guan Eng: Macam saya telah sebutkan point of order itu 36(10).

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, sila sebutkan.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Pengerusi, 36(10)(c) ada menyatakan bahawa adalah salah kepada Peraturan Mesyuarat menggunakan perkataan-perkataan yang harus menaikkan perasaan bersakit-sakit hati atau bermusuh-musuhan di antara satu kaum dengan satu kaum dalam Malaysia.

Di sini saya merujuk kepada satu ayat kesat yang dikeluarkan oleh Ahli Yant Berhormat dari Yan semalam, di mana dia mengulangi sekali lagi apa yang dinyatakan pada minggu lepas di mana semasa ucapan beliau, beliau menyatakan bahawa ucapan yang dibuat oleh Ahli Pembangkang adalah ucapan macam 'wanita putus haid'. Saya rasa ini adalah satu penghinaan ke atas kaum wanita dan saya rasa itu bukanlah isi kandungan dan mutu yang kita harapkan daripada Ahli Parlimen dari Barisan Nasional.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, saya rasa maksud Yang Berhormat cukup jelas. Saya akan buat keputusan.

Tuan Lim Guan Eng: Perkara ini adalah sangat penting, Tuan Pengerusi. Kerana ini bukan terhadap kita dari pembangkang tetapi ke atas kaum wanita keseluruhannya.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Saya tahu, saya tidak menafikan hak Yang Berhormat untuk membangkitkannya.

Tuan Lim Guan Eng: Saya rasa itu tidak sopan sama sekali.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, saya rasa biarlah saya buat keputusan.

Tuan Lim Guan Eng: Baik.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Sebenarnya, kes sepertimana yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka ini pernah ditimbulkan dahulu dan biasanya sekiranya terdapat sebarang pertikaian ataupun mana-mana ungkapan ataupun perkataan yang digunakan itu didapati menyinggung perasaan, pada ketika itulah Ahli yang berkenaan ataupun Ahli yang lain patut membangkitkannya. Dan bukannya kita membangkitkannya selepas kejadian itu berlaku. Inilah yang saya hendak ingatkan Ahli Yang Berhormat, sebab kes ini pun bukan kes yang baru, pernah berlaku dahulu. Sama ada ianya penting atau tidak, saya rasa itu bukanlah soal pokok. Saya berharap Ahli Yang Berhormat faham dan sekiranya Ahli Yang Berhormat tetap hendak mempertikaikannya, saya rasa ada cara yang lain, termasuk juga membuat Usul sepertimana yang pernah Ahli Yang Berhormat buat dahulu.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Pengerusi, bolehkah saya dapat panduan lagi daripada Tuan Pengerusi kerana apabila ungkapan ini dikeluarkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Yan semalam, saya sudah keluar. Kalau Yang Berhormat baca *Hansard* pada muka surat 153 ia hanya disebutkan selepas saya keluar. Oleh sebab itu saya tidak berpeluang untuk membangkitkan pada masa itu.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, saya rasa sama ada Yang Berhormat masa itu berada dalam Dewan atau tidak, itu terpulang kepada Ahli Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Bolehkah saya buat satu ruling? Kerana saya rasa dari segi ..

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Yang Berhormat tidak boleh buat ruling.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Lim Guan Eng: Saya minta Tuan Pengerusi buat satu ruling, sama ada niat ungkapan ini, ‘wanita putus haid’ yang dibuat dengan penuh hina, ini yang kurang sopan terhadap wanita, sama ada ini dibolehkan atau tidak?

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, saya faham niat Yang Berhormat, saya rasa ..

Tuan Lim Guan Eng: Saya rasa ini mencemarkan kaum wanita.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Jawapan ataupun keputusan saya itu cukup jelas, Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Adakah ini dibenarkan oleh Dewan, oleh seorang Ahli Yang Berhormat yang mencemarkan semua kaum wanita.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Tetapi Yang Berhormat, cuma saya hendak memberitahu Yang Berhormat dan juga Dewan yang mulia ini, ungkapan sedemikian tidak pernah saya dengar dalam Dewan ini. Dan saya berharap Yang Berhormat akur kepada keputusan saya.

Tuan Lim Guan Eng: Saya memang akur kepada keputusan Tuan Pengerusi. Tetapi kalau saya boleh merujuk kepada muka surat 153 di mana ia

diulangi lagi oleh Ahli Yang Berhormat dari Yan. Saya rasa ini amat menghinakan dan menjatuhkan martabat Ahli Parlimen dan kaum wanita di Malaysia.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, saya rasa Yang Berhormat pernah bangkitkan perkara ini juga kelmarin dan sekiranya Yang Berhormat tetap hendak mempertikaikannya, ada cara yang lain, termasuk juga membawa Usul.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Pengerusi, kelmarin saya tidak menyebut kerana ungkapan ini tidak ada keluar, tetapi ini adalah sebagai satu balasan di mana Ahli Yang Berhormat dari Jelutong pada minggu lepas terdengar bahasa luhah dan kesat yang dikeluarkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Yan. Tetapi sekarang ini terkeluar dalam *Hansard* di muka surat 153.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, saya sudah buat keputusan dan itulah dia. Saya tidak mahu nanti.....Yan bangun! Saya rasa elok kita sekarang ini beralih kepada.....

Tuan Lim Guan Eng: Saya hendak tahu apakah keputusan Tuan Pengerusi, adakah ucapan yang tidak sopan ini dibenarkan atau tidak? Saya hanya hendak tahu itu sahaja.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat.....

Tuan Lim Guan: Kerana saya rasa ini mencemarkan maruah kaum wanita, mana wanita Barisan Nasional ini? Tidak bangkit langsung.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, nanti dahulu. Yang Berhormat boleh minta ruling, sekiranya ungkapan yang dimaksudkan itu disebutkan pada ketika ini dan saya dengan serta merta akan membuat satu keputusan, sama ada ianya dibenarkan atau tidak. Tetapi sekarang ini pula Yang Berhormat hendak membangkitkan sesuatu yang sudah berlaku. Saya rasa ini tidak kena.

Tuan Lim Guan Eng: Tetapi, Tuan Pengerusi, pada masa itu saya sudah keluar dari Dewan.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Cukuplah, Yang Berhormat. Itu bukan soal pokok, Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Bukan, Tuan Pengerusi, kalau kita semasa meminda peraturan mesyuarat itu

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Tidak, Yang Berhormat, semasa itu Yang Berhormat tidak ada, itu bukan silap orang lain.

Tuan Lim Guan Eng: Tetapi pernah berlaku juga, Tuan Pengerusi, di mana Tuan Pengerusi merujuk kembali kepada apa yang telah disebutkan di dalam *Hansard*

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, kalau tidak berpuas hati, Yang Berhormat boleh buat usul sepertimana yang saya nyatakan.....

Tuan Lim Guan Eng: Saya tidak mahu buat usul terhadap Tuan Pengerusi kerana Tuan Pengerusi tidak sebut wanita 'putus haid', Yang Berhormat itu yang sebut.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Tidak, Yang Berhormat.....

Tuan Lim Guan Eng: Jadi, saya bukan tidak berpuas hati dengan Tuan Pengerusi. Tetapi bagi pihak wanita, saya amat marah dengan Yang Berhormat dari Yan.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Yan. Satu demi satu.

Tuan Lim Guan Eng: Dia ini tidak boleh pakailah.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Ini disebabkan dia yang bangkitkan Peraturan Mesyuarat, Yang Berhormat jangan menyampuk. Dan Yang Berhormat saya rasa kelmarin pun Yang Berhormat sudah bangkitkan perkara yang sama dan juga melepaskan kemarahan Yang Berhormat, saya rasa.....

Tuan Lim Guan Eng: Tetapi ini diulangi lagi. Yang saya takut nanti, dia akan diulangi semula.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Cukuplah, Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Dan ini bukan peribahasa. Ini bahasa lucah dan kesat.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Kerusi itu satu sahaja, Yang Berhormat.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya, Tuan Pengerusi *[Ketawa]*.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, saya ingat Tuan Pengerusi perlu keluarkan satu ruling kerana saya rasa ini satu perkara yang malu kepada Dewan ini. Saya ingin meminta satu ruling dan mungkin Tuan Pengerusi boleh menyelesaikan satu perkara dengan meminta Yang Berhormat dari Yan meminta maaf kepada Dewan ini, maaf kepada kaum wanita dan saya harap ada Menteri di sini di mana kalau beliau berbuat begitu Menteri boleh buat satu pendirian bahawa untuk repudiate dissociate kerajaan daripada perkataan-perkataan yang menghina kaum wanita di sini.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, cukuplah. Yang Berhormat, cukuplah.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Pengerusi.....

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, cukuplah. Perkataan yang beremosi itu saya rasa tidak membina dan lagi pun Kota Melaka, saya berharap Yang Berhormat faham kelaziman ataupun normal practice dalam Dewan yang mulia ini. Yang saya huraikan tadi itu adalah cukup jelas. Takkan Yang Berhormat sekarang ini pula hendak minta satu ruling dan menetapkan sama ada perkataan ataupun ungkapan itu sopan atau tidak. Saya rasa kalau macam ini, setiap hari mungkin ada ungkapan yang boleh dipertikaikan.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Pengerusi, seharusnya pada masa itu perkara ini diberhentikan, tetapi yang saya bimbang kalau perkara ini diulangi sekali lagi, apa yang akan berlaku? Kalau kita tidak ada.....

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Saya rasa, Yang Berhormat, cukuplah.

Tuan Lim Guan Eng: Bolehkah saya tahu apakah saluran lain.....

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Saya cuma hendak memberitahu Yang Berhormat, bahawa perkataan atau ungkapan yang demikian cubalah Yang Berhormat yang berkenaan janganlah menggunakannya sebab ianya saya rasa tidak setimpal dengan budaya ataupun martabat kita di sini. Itu cukup jelas.

Tuan Lim Guan Eng: Itu saya memang akui.....

Tuan Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: Tuan Pengerusi, rasanya kita sudah lama mempersoalkan hal ini. Izinkan saya menarik perhatian Tuan Pengerusi kepada Peraturan Mesyuarat 44 (1) dan (2).....

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Saya faham itu.

Tuan Haji Abu Zakar bin Dato' Nika Ujang:bahawa kalau sekiranya ada Ahli yang membawa haru-biru dan Tuan Pengerusi telah membuat ruling sebentar tadi, tetapi ia degil juga, elok rasanya kita gunakan Peraturan Mesyuarat 44 ini.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Baiklah, Yang Berhormat, terima kasihlah.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, saya sudah beri nasihat dan saya rasa sekarang berilah peluang kepada orang lain untuk berbahas.

Tuan Lim Guan Eng: Ya, ya, saya tidak akan mengambil masa yang panjang. Tetapi kalau saya hendak membetulkan perkara ini, apakah saluran lain, kerana itu bukan terhadap keputusan Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi tidak membuat satu keputusan kerana itu bukan diucapkan oleh Tuan Pengerusi. Ini disebutkan oleh Yang Berhormat dari Yan dan kita tidak boleh membenarkan ungkapan yang terhina dan terjijik ini ada dalam *Hansard*.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, saya rasa Yang Berhormat tahu juga Peraturan Mesyuarat, termasuk Peraturan Mesyuarat 44 seperti yang disebutkan tadi, saya memang tidak hendak menggunakannya, Yang Berhormat, sekadar itu sahaja.

Tuan Lim Guan Eng: Saya bukan hendak lawan, Tuan Pengerusi, tetapi ini yang kita kena betulkan, Tuan Yang di-Pertua .

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, Kuantan bangun.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Peraturan Mesyuarat 43, “Keputusan Pengerusi adalah muktamad”. Saya minta janganlah membazir masa yang seperti emas bagi kami.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Baiklah.

Tuan Lim Guan Eng: Maruah wanita tidak pentingkah?

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Maruah wanita seluruh negara tidak penting?

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Menyampuk]*

Tuan Lim Guan Eng: Ini tidak ada prinsip, tidak ada prinsip.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat. Kalau tidak akur kepada keputusan, saya terpaksa bertindak tegas. Yang Berhormat, kesabaran ada hadnya.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Pengerusi, saya bangkit atas point of order. Bolehkah saya mendapat nasihat daripada Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Sudah cakap tadi.

Tuan Lim Guan Eng: Kalau buat usul, usul untuk mempersoalkan keputusan Tuan Pengerusi, saya tidak mahu buat kerana itu bukan ada kaitan dengan Tuan Pengerusi, tetapi kalau untuk membetulkan perkara ini supaya perkataan yang terhina ini terkeluar, macam mana?

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, sabar Yang Berhormat. Yang saya maksudkan usul itu bukannya ditujukan kepada saya, tidak. Saya tidak bermaksud demikian. Tetapi kalau sekiranya Yang Berhormat hendak tahu dengan lebih lanjut lagi, saya rasa apa salahnya, Yang Berhormat bolehlah minta nasihat nanti, tetapi bukannya sekarang.

Tuan Lim Guan Eng: Ya, sekarang saya minta nasihat dalam Dewan yang mulia ini secara terbuka.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Saya rasa cukuplah, Yang Berhormat, cukup.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Pengerusi, kalau macam ini bolehkah saya bangkitkan atas point of order 26(1).

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Sebutkan Peraturan 26 yang ke berapa?

Tuan Lim Guan Eng: 26(1) di mana saya ingin membuat satu usul, “Kecuali jika ada syarat-syarat lain dalam Peraturan-peraturan Mesyuarat ini, usul-usul yang hendak dibawa ke dalam mesyuarat hendaklah didahulukan dengan Pemberitahuan kecuali usul-usul yang tersebut di bawah ini:

usul berkenaan dengan hak dan kebebasan”.

Saya rasa itu sahaja yang tertinggal kepada saya. Di sini saya ingin merujuk tentang hak dan kebebasan seorang Ahli Parlimen, kalau hak dan kebebasannya terbuka untuk mencemarkan maruah wanita, sama ada ini boleh dibenarkan.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, jangan ambil kesempatan, Yang Berhormat. Yang Berhormat jangan ambil kesempatan untuk berucap, saya faham itu.

Tuan Lim Guan Eng: Bukan, itu yang saya hendak dapat satu ruling daripada Tuan Pengerusi, kerana perkara ini penting.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Baiklah.

Tuan Lim Guan Eng: Ini satu ucapan yang tidak sopan langsung daripada Yang Berhormat dari Yan, saya tidak tahu macam mana boleh disokong oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Barisan Nasional.....[*Pembesar suara dimatikan*]

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat!

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Saya rasa biarpun Yang Berhormat bangkitkan Peraturan Mesyuarat 26, tetapi saya rasa sekiranya Yang Berhormat hendak membuat usul, buatlah secara bertulis sebab ianya akan memudahkan pertimbangan dan juga perbahasan, sekiranya ada. Baik! Dan ini pernah berlaku dahulu, bukan sesuatu yang baru. Yang Berhormat dari Kepong diminta sambung.

3.48 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, sangat malanglah Yan yang tidak bersopan.....

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Dia bangun. Cukuplah Yang Berhormat. Saya rasa, sama ada dia sopan atau tidak, itu bukan sesuatu yang kita kena bahaskan di peringkat ini.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, itu cuma mukaddimah sebelum saya melanjutkan ucapan *[Ketawa]*. Kita tidak boleh menerima orang yang menghina kaum wanita, kaum perempuan *[Tepuk]*

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Pengerusi, Point of order.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, point of order, yang ke berapa?

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: 36(6), sangkaan jahat. Tuan Pengerusi, saya minta dia tarik balik, sebab bukan saya ada niat sangkaan jahat, itu

perangai dia, perangai pembangkang memang macam itu, jadi, seolah-olah macam orang tua, mok-mek, mok-mek. Jadi, dia kena tahu bahawa ini peribahasa.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Cukuplah. Tidak payah Yang Berhormat, mengulaslah.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: Dia tidak faham bahasa, Tuan Pengerusi, jadi, dia mengungkit-ungkit ayat ini.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Cukuplah, Yang Berhormat.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: Masih point of order, 36(6), Tuan Pengerusi. Minta Kepong duduk, Tuan Pengerusi .

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Baik, saya akan buat keputusan. Yang Berhormat Kepong, saya rasa tidak payahlah bermukaddimah yang menyinggung perasaan. Tidak payahlah, Yang Berhormat, masa berjalan.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya tahu, Tuan Pengerusi. Bila saya membuat kesilapan, saya meminta maaf dan menarik balik.

Tuan Pengerusi, semalam saya menyentuh mengenai begitu perlunya untuk meningkatkan bangunan-bangunan di Parlimen termasuk di Bilik Pembangkang. Dengan zaman yang berubah dan pergolakan hidup manusia dan dunia penuh pancaroba, mana tahu kalau kita adakan Bilik Pembangkang yang cantik, yang sophisticated, mungkin lain kali Barisan Nasional bila kalah dalam pilihanraya, Ahli-ahli Barisan Nasional boleh masuk ke Bilik Pembangkang dengan serba lengkap. *[Ketawa]*

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan. Adakah Yang Berhormat dari Kepong apabila sebut mengenai kemudahan-kemudahan untuk Ahli-ahli Parlimen tahu bahawa kita sangat tidak puas hati dengan kemudahan-kemudahan sebagai contohnya dalam library tidak boleh dapat surat khabar *The Sun*. Surat khabar *The Sun* pun tidak ada 'sun'. Nampaknya tidak ada matahari, tidak ada *The Sun*, ini sangat luar biasalah. Kenapa library Parlimen, satu Dewan yang begitu agung, library tidak ada *The Sun* pun?

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Tanjong, banyak masalah dan kemudahan yang tidak memuaskan. Kalau tidak ada *The Sun* dan juga akhbar-akhbar dan majalah-majalah lain, kita mesti memperbaiki keadaan ini.

Tuan R. Karpal Singh: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, Jelutong bangun.

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Pengerusi, saya meminta sedikit penjelasan dari rakan saya dari Kepong. Adakah benar dalam library sekarang tidak ada apa-apa buku mengenai peribahasa Melayu, oleh kerana untuk menentukan apa yang dikatakan oleh Yan. [*Ketawa*] Pembelaan dia adalah ini, apabila dalam Dewan yang mulia ini dia menyatakan apa yang dibuat oleh Tanjong sebagai seorang wanita putus haid.

Apabila saya membangkitkan perkara itu dan menentang apa yang dikatakan oleh dia oleh kerana menghina kaum wanita dalam negara ini, beliau menyatakan, 'Ini jadi peribahasa'. Tetapi ini bukan peribahasa. Saya sudah cuba

untuk dapatkan dalam library di mana-mana, adakah ini peribahasa? *[Ketawa]*
 Sehingga hari ini saya tidak dapat. Adakah kemudahan seperti itu dalam library
 dan adakah apa yang dikatakan oleh Yan adalah benar? Jikalau tidak benar, he has
 mislead the House, iaitu apa yang dinyatakan oleh dia adalah peribahasa. Dalam
 fikiran saya, ini bukan peribahasa Melayu. Saya mahu menyatakan di sini, jikalau
 benar mendapat satu buku dari mana-mana, bukan library di sini juga, di mana-
 mana yang ada terletak peribahasa seperti ini yang menghina wanita di seluruh
 negara, bukan negara tetapi dunia. *[Ketawa] [Tepuk]*.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Tetapi Yang Berhormat, saya
 rasa ini bukan kerja Jabatan Perdana Menteri.

Dr. Tan Seng Giaw: Ada kait-mengait.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Perpustakaan? *[Ketawa]*
 Teruskan, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, memang baiklah bagi perpustakaan
 kita untuk dilengkapi dengan buku-buku peribahasa. Satu peribahasa yang
 baik, yang banyak peribahasa di dalamnya ialah diterbitkan oleh Dewan Bahasa
 dan Pustaka dan penulisnya, kalau tidak silap saya, Hassan Abdullah, kalau tidak
 Abdullah Hassan. Tetapi di dalamnya susahlah hendak cari kononnya peribahasa
 yang disebutkan oleh Yan. Penggunaan perkataan ini cuma mungkin di
 sebahagian kampung Yang Berhormat Yan sahaja.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, dia bangun. Yan bangun, hendak beri jalan?

Dr. Tan Seng Giaw: Tetapi tidak boleh gunakan perkataan yang tidak sopan. Kena hormat wanita. Kalau hendak tarik balik, saya beri jalan. Hendak minta maaf, saya beri peluang sedikit.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih, Kepong. Kepong ini sungguhpun merungut, tetapi bagus, Tuan Pengerusi. Yang lain-lain pun kawan saya tetapi oleh kerana perangai mereka teruk, saya pun naik angin juga kadang-kadang.

Tuan Pengerusi, kelmarin Yang Berhormat Kepong memuji tentang kebaikan perpustakaan di Parlimen tetapi hari ini Ketua Pembangkang pula bangun mengatakan tidak ada surat khabar *The Sun*. Jadi, adakah Yang Berhormat bersetuju surat khabar *The Sun* itu di mana-mana pun boleh dapat. Takkanlah Ketua Pembangkang hendak membaca surat khabar *The Sun* terpaksa datang ke Dewan Rakyat. Itu satu.

Yang keduanya, adakah Yang Berhormat Kepong bersetuju, memang betul tadi Yang Berhormat dari Jelutong membangkitkan soal peribahasa saya itu. Tetapi Yang Berhormat kena ingat, banyak peribahasa-peribahasa tempatan Melayu yang masih perlu dibelajar oleh Yang Berhormat. Jadi, peribahasa Melayu ini, macam kita kata, “orang yang suka merungut”, dia kata, “orang tua yang suka merungut dan berleter”. Jadi, ini adalah peribahasa orang Melayu. Peribahasa

tempatan (localise). Ini Yang Berhormat kena belajar sedikit dan saya sedia, seperti yang saya katakan kepada Kepong, untuk memberi kursus.....

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Yan, hendak beri penjelasankah?

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: Di samping bertanya, Tuan Pengerusi, memberi pandangan dan penjelasan. Terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, ini injury time kerana dia mengambil masa saya dan saya pun beri dia peluang untuk meminta maaf dan menarik balik tetapi tidak menggunakan masa itu dengan baik.

Cadangan dari Yang Berhormat Tanjong supaya perpustakaan kita mengadakan akhbar dan juga majalah dan buku, itu cadangan yang baik. Kita mesti adakan rujukan kerana saya sebutkan semalam, kita mesti menjadikan perpustakaan kita sebagai perpustakaan nasional, sebagai satu pusat rujukan yang terbesar seperti Library of Congress yang terbesar di Amerika Syarikat. Library of Malaysian Parliament is the biggest, dengan izin, Tuan Pengerusi.

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan. Dengan tujuan itu adakah Yang Berhormat dari Kepong setuju bahawa masa sudah sampai bukan sahaja library Parlimen ada akhbar *The Sun* tetapi juga mengadakan surat khabar semua bahasa yang ada dalam tanah air kita seperti *Nanyang Siang Pau*, *Sin Chew Jit Poh*, *China Press* atau *Tamil Nisan* supaya boleh jadi bahan rujukan kepada Ahli-ahli Parlimen yang mungkin perlu rujuk untuk perbahasan mereka?

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, cadangan ini perlulah dipertimbangkan dan saya berharap Jabatan Perdana Menteri boleh memperuntukkan lebih banyak wang untuk maksud ini kerana kita boleh memperlengkapkan perpustakaan. Mungkin kita perlukan ruang yang lebih besar untuk menjadikan perpustakaan Parlimen Nasional. Ini memang satu cadangan yang perlu dipertimbangkan.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Tuan Pengerusi, mengenai kemudahan-kemudahan yang lain termasuk Bilik Berita, saya nampak dalam dua dekad ini Bilik Berita tidak berubah langsung. Saya bangkitkan masalah ini bukan kerana saya hendak pemberita-pemberita memuatkan cerita dan berita saya kerana ini tertakluk kepada editorial dan sebagainya. Cuma saya berpendapat, kita mesti mengkaji sama ada Bilik Berita yang ada sekarang cukup untuk menampung keperluan bagi pemberita-pemberita membuat liputan yang benar-benar membayangkan keadaan di Parlimen. Sebab itulah saya mencadangkan supaya Bilik Berita ini diperbaiki ataupun diubahsuai untuk menyahut zaman moden ini.

Tuan Pengerusi, itulah sahaja hujah saya mengenai ketiga-tiga maksud tersebut. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Jelutong.

4.00 ptg.

Tuan R. Karpal Singh [Jelutong]: Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Maksud B.7, Jabatan Perdana Menteri. Terlebih dahulu saya merujuk kepada

muka surat 6, Kertas Perintah 19 Tahun 1995 dalam perenggan 6, Maksud B.7, Jabatan Perdana Menteri.

Tambahan sebanyak RM65 juta lebih adalah dikehendaki untuk membiayai perberlanjaan mengurus bagi Bahagian Undang-undang yang telah diwujudkan di bawah Jabatan Perdana Menteri berikutan daripada keputusan kerajaan untuk memansuhkan Kementerian Undang-undang seperti yang diwartakan dalam P.U.A. 203.

Tuan Pengerusi, apabila kerajaan mengambil keputusan untuk memansuhkan Kementerian Undang-undang, pada fikiran saya itu adalah satu langkah yang tidak baik oleh kerana di mana-mana negara, Kementerian Undang-undang adalah satu kementerian penting oleh kerana apa yang diluluskan di dalam Dewan yang mulia ini adalah dipakai di dalam Mahkamah dan Kementerian Undang-undang adalah untuk menjaga kepentingan apa yang terlibat di dalam pelaksanaan undang-undang itu.

Tuan Pengerusi, apabila dalam negara kita ini Perdana Menteri adalah seorang peguam dan ketiga-tiga Perdana Menteri kita iaitu Allahyarham Tunku Abdul Rahman, Allahyarham Tun Abdul Razak dan Allahyarham Tun Hussein Onn adalah orang yang ada pengalaman sebagai peguam.

Di zaman beliau, apabila ketiga-tiga orang ini memegang jawatan sebagai Perdana Menteri, wujud apa yang harus diwujudkan iaitu satu Kementerian Undang-undang. Bukan sahaja Kementerian Undang-undang, tetapi dalam satu masa, Peguam Negara pun menjadi The Minister for Law, itu gelaran masa itu.

Apa yang diberi kepentingan adalah di dalam Dewan yang mulia ini oleh kerana kementerian itu adalah kementerian khas dan ada anggaran perbelanjaan bagi kementerian itu, bukan dalam satu kementerian tetapi di bawah Jabatan Perdana Menteri di mana ada diletakkan satu Timbalan Menteri yang baru - the man with the bow tie yang tidak ada apa-apa pengalaman langsung. Masuk di dalam Dewan yang mulia ini, freshman, tidak ada apa-apa pengalaman, walaupun luar dari Dewan ini bertindak sebagai seorang jaguh dan sebagai seekor harimau, tetapi bila dicornered - apologise. Seorang yang tidak ada prinsip yang harus ada di dalam diri seorang yang mempertahankan undang-undang dalam negara ini.

Baru-baru ini, apa yang terjadi di dalam skandal kes Ayer Molek, walaupun pembangkang kelmarin cuba untuk menyarankan agar kerajaan mengambil langkah untuk mengeneipkan apa yang tidak berperlembagaan iaitu keputusan oleh Mahkamah Persekutuan.

Walaupun ada diakui oleh Timbalan Menteri ini, kelmarin juga, when it was cornered, dengan izin, oleh Yang Berhormat dari Tanjong, ada mengaku bahawa kuorum yang dibicarakan di dalam kes Ayer Molek, iaitu di dalam Mahkamah Persekutuan tidak sah. Itu adalah diakui. Tetapi apabila ada dicadangkan untuk memberi satu langkah untuk mengelakkan what has gone wrong, tidak ada apa-apa jawapan dari dia, apa yang ada wujud is perfectly allright walaupun di sini ada diakui tidak allright. Tetapi apa yang diletakkan di dalam precedent yang harus diikuti oleh sesuatu Mahkamah Rendah, satu precedent penting ada di sana.

Walaupun ada diakui di sini bahawa itu precedent yang tidak baik dan tidak berperlembagaan.

Jikalau precedent itu ada diikuti oleh Mahkamah lain sekarang, oleh kerana wujud, dengan izin, what is not set aside stands and what stands can be applied by a lower court, adakah itu satu keadaan yang baik? Saya cadangkan kepada kerajaan untuk kembali kepada keadaan dahulu iaitu Kementerian Undang-undang harus diadakan dalam negara kita ini oleh kerana apa yang saya nyatakan tadi, ada beberapa masalah-masalah penting yang kadang-kadang ada kaitan dengan nyawa yang timbul dan jikalau tidak ada seorang Menteri yang kuat dalam satu Kementerian yang kuat untuk mempertahankan apa yang harus dipertahankan, itu bukan bagi kepentingan rakyat in the end.

Dalam hal ini, apa yang wujud sekarang dalam negara kita ialah satu hukuman hingga seorang mati seumur hayat - bukan seumur hidup, but natural life, yang diperuntukkan dalam dua undang-undang. Undang-undang pertama adalah The Fire Arms' Act 1960 dan apa yang diperuntukkan dalam seksyen 2 adalah ini,

“Imprisonment for life means notwithstanding section 3 of the Criminal Justice Ordinance 1953 and any of the written law to the contrary imprisonment for the duration of the natural life of the person's sentence.”

Peruntukan yang sama terletak dalam seksyen kedua juga dalam The Fire Arms (Increased Penalties) Act. Dalam fahaman saya, ada lebih kurang 30 orang - and I stand corrected - termasuk beberapa orang muda yang menjalani hukuman

ini iaitu hukuman di mana beliau tidak boleh keluar dari penjara sehingga mayat keluar. Itu pun saya tidak tahu keluar atau tidak, sama ada dikebumikan di dalam penjara, I am not very sure.

Bolehkah keadaan seperti itu wujud? Is it not a cruel and and unjust punishment? Is it not worth than that? Is it not a living dead, dengan izin? Tidak ada apa-apa harapan yang terletak di dalam dada seorang yang menjalani hukuman seperti ini. Tidakkah ini merbahaya oleh kerana the human atau orang yang menjalani hukuman seperti itu adalah banduan-banduan yang merbahaya oleh kerana, they had nothing to lose, dengan izin, mereka tentu untuk cuba melarikan diri.

Ini ada terjadi dalam satu kes di penjara utama di Kajang di mana beberapa orang banduan yang menjalani hukuman penjara sepanjang hayat cuba untuk melarikan diri. Melarikan diri itu tidak apa, tetapi melarikan diri dengan niat jikalau perlu, untuk membunuh pegawai-pegawai dalam penjara dan di luar penjara kepada sesiapa pun yang mengelakkan cubaan itu.

Kerap kali saya ada bangkitkan perkara ini, Tuan Pengerusi, dalam Dewan ini dan jaminan ada diberi oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri iaitu hukuman ini akan disemak (review), tetapi sampai hari ini tidak ada apa-apa keputusan yang dicapai oleh kerajaan. Walaupun baru-baru ini saya ada terbaca di akhbar *The Star* dan ini ada dilafazkan oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri iaitu barangkali dalam masa yang tidak berapa lama lagi, kerajaan bercadang untuk menggantikan hukuman sepanjang hayat dengan hukuman penjara lebih kurang 25 tahun. Saya

mahu dapat tahu daripada Timbalan Menteri yang berkenaan, adakah ini benar? Jikalau benar, bila hukuman itu akan digantikan? Oleh kerana Tuan Pengerusi, dalam fikiran saya ini adalah satu langkah yang harus diambil dengan serta-merta. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Tanjong.

4.12 ptg.

Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]: Tuan Pengerusi, saya sebut pertamanya Maksud B.1 Parlimen. Antara lain ialah untuk bayaran elaun bagi Ahli-ahli Dewan Rakyat yang baharu. Di sini kita perlulah ambil perhatian dan menumpukan perhatian kita terhadap isu dan perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka. Mengenai perkataan-perkataan seorang Ahli Parlimen dari Yan yang sudah menghinakan kaum wanita.

Pagi ini kita ada satu mesyuarat semua parti yang dianjurkan oleh UMNO untuk protes ujian semula nuklear Perancis, yang menunjukkan ada perkara-perkara di mana semua parti boleh berdiri bersama dan inilah antara perkara di mana ada orang yang menghinakan kaum wanita. Semua parti tidak kira dalam kerajaan atau dalam pembangkang perlu boleh berdiri bersama untuk mengutuk sekeras-kerasnya penghinaan kaum wanita oleh Yang Berhormat dari Yan dan kita tidak boleh membiarkan perkara ini lepas semacam ini. Inilah Parlimen yang patut menjadi Dewan yang tertinggi di mana semua rakyat akan hormat. Tetapi kalau seorang Ahli Parlimen oleh kerana beliau boleh memutar belitkan bahasa, kata ini peribahasa, saya tidak tahu sama ada itu peribahasa atau bukan. Tetapi kalau itu

adalah peribahasa, ini menunjukkan peribahasa itu perlu dihapuskan oleh kerana terlalu tebal dengan sentimen-sentimen anti wanita dan saya harap dalam hal ini, dalam perkara ini....

Tuan Noh bin Omar: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, Tanjong Karang bangun, Yang Berhormat. Sekejap, Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat ada apa Yang Berhormat? Minta jalankah?

Tuan Noh bin Omar: Minta penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang: Tidak ada masa untuk itu. Orang yang mahu sokong perbuatan semacam itu tidak perlu dapat hormat.

Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Dia tidak mahu beri Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Tidak patut dapat hormat sehingga hari ini...

Tuan Noh bin Omar: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, sekejap ya. Dia tidak beri jalan, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Tidak beri jalan. Tidak hormat kaum wanita, kenapa kita mahu hormat orang semacam ini?

Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, dia tidak beri, Yang Berhormat. Minta duduk, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Sampai hari ini tidak hormat. Sampai hari ini kita belum dengar seorang Ahli Parlimen Barisan Nasional bangun untuk kutuk sekeras-kerasnya perbuatan semacam ini. Kalau Yang Berhormat mahu berdiri untuk mengutuk sekeras-kerasnya, saya beri jalan. Kalau tidak mahu mengutuk sekeras-kerasnya, saya tidak beri jalan.

Tuan Noh bin Omar: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, dia tidak mahu beri jalan, Yang Berhormat Tanjong Karang.

Tuan Lim Kit Siang: Oleh kerana tidak layak untuk minta penjelasan. Nanti peluang untuk berucap.

Tuan Noh bin Omar: [*Menyampuk*]

Tuan Lim Kit Siang: Saya ajar Peraturan Mesyuarat. Lepas itu saya beri chance Yang Berhormat untuk kutuk. Nanti ada chance. Sampai hari ini belum ada seorang Ahli Parlimen Barisan Nasional berdiri untuk mengutuk sekeras-kerasnya perkataan-perkataan Yang Berhormat dari Yan. Ini malu.

Tuan Noh bin Omar: [*Menyampuk*]

Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Dia tidak mahu beri Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Nanti kutuk. Selepas dikutuk baru kutuk. Boleh! Selepas dikutuk baru kutuk. Boleh! Nanti. Nanti.

Tuan Noh bin Omar: [*Menyampuk*]

Tuan Lim Kit Siang: Saya akan beri peluang apabila saya duduk dan habis ucapan saya.

Tuan Noh bin Omar: [*Menyampuk*]

Tuan Lim Kit Siang: Dan saya harap dalam perkara ini semua pertubuhan-pertubuhan NGO, khasnya pertubuhan-pertubuhan wanita bangun untuk protes dan untuk mengutuk Yang Berhormat dari Yan oleh kerana ucapan beliau semacam itu. Ini perkara yang serius...

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat Yan hendak minta jalan Yang Berhormat. Hendak berikah tidak?

Tuan Lim Kit Siang: Mahu minta maaf? Kalau mahu minta maaf, saya boleh beri jalan. Mahu minta maaf? Mahu memohon maaf daripada Dewan ini, mahu minta maaf daripada kaum wanita Malaysia? Kalau mahu minta maaf saya boleh beri jalan. Mahu minta maafkah? Mahu minta maafkah? Tidak mahu minta maaf, apa kelayakan berdiri? Ada muka berdiri. Ada muka berdiri.

Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, kalau tidak beri jalan, tidak beri jalan.

Tuan Lim Kit Siang: Ini malu. Tidak mahu minta maaf masih ada muka berdiri.

Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat Yan minta duduk. Dia tidak bagi jalan Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Itulah sikap orang yang lebih angkuh. Dia boleh mencacat kaum wanita tidak apa, Menteri pun tidak berani untuk tahannya. Inilah, ini cacat. Inilah sikap Yang Berhormat dari Yan. Saya harap, pagi ini semua parti boleh berkumpul kata sepakat kutuk Perancis oleh kerana resume nuclear testing. Saya harap hari ini kita semua boleh kata sepakat, kutuk Yang Berhormat dari Yan oleh kerana menghinakan kaum wanita [*Tepuk*] dan selain daripada dia meminta maaf daripada Dewan ini, meminta maaf daripada kaum wanita, kalau tidak saya harap NGO semua bangun untuk protes dengan sekeras-kerasnya. Saya tidak berhasrat untuk ambil bahagian tetapi oleh kerana apa yang saya dengar dan lihat kelakuan itu perlulah diperbetulkan untuk menyelamatkan maruah Dewan yang mulia ini untuk menunjuk kita tidak ada apa-apa association dengan perbuatan yang menghinakan kaum wanita dan saya harap seorang Ahli Parlimen tadi yang kata dia akan berdiri untuk mengutuk, akan sekarang berdiri untuk mengutuk sekeras-kerasnya. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Tuan ya. Selepas ini minta kementerian menjawab.

Tuan Lim Kit Siang: Mana Ahli Parlimen itu yang kata mahu mengutuk?

Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Tidak apa Yang Berhormat. Dia akan bangun.

Tuan Lim Kit Siang: Hilang.

Tuan Noh bin Omar: [*Bangun*]

Tuan Lim Kit Siang: Oh, inilah standard.

Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, sekarang Tuan hendak berucap.

Beberapa Ahli: Tidak berani duduklah.

Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Minta duduk, Yang Berhormat. Tuan.

4.18 ptg.

Tuan Edward Yunof Maringking [Tuaran]: Terima kasih, Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil bahagian membahas kedua-dua peruntukan untuk pembangunan iaitu Parlimen dan juga mahkamah.

Saya ingin menyentuhkan yang pertama mengenai peruntukan untuk elaun Ahli-ahli Parlimen. Tuan Pengerusi, kita telah menyaksikan beberapa perkara yang sungguh menarik melalui perbahasan-perbahasan yang begitu hangat dalam Dewan yang mulia ini dan bagi saya walaupun hanya berada di dalam Parlimen kurang daripada enam bulan, keadaannya tidaklah begitu membanggakan. Saya dapati bahawa Ahli-ahli yang baru terutama daripada Barisan Nasional seolah-olah mereka hanya bertanggungjawab kepada pihak Barisan Nasional. Yang saya tahu tugas kita sesudah dipilih dan mengangkat sumpah sebagai Ahli Dewan yang mulia ini ialah kepada kawasan kita sendiri dan yang kedua kepada negara keseluruhannya. Kita tidak lagi mahu memandang tentang parti-parti oleh kerana kita sudah dipilih oleh rakyat dan kita tidak tahu betul-betul di dalam kawasan kita sendiri pun....

Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat bangun atas apa Yang Berhormat? Point of order ya. Sebentar, minta penjelasan apa dia.

Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: 36(1) Tuan Pengerusi, kita telah banyak berbincang perkara yang terkeluar daripada Jawatankuasa ini. Jadi, saya minta kita pergi balik kepada point of order 36(1) - Seseorang Ahli hendaklah menghadkan percakapannya kepada perkara-perkara yang dibincangkan sahaja.

Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, Maksud B.1 ini merangkumi Ahli-ahli Parlimen, Yang Berhormat. Jadi, dia boleh membincangkan berkaitan dengan Ahli-ahli Parlimen dan kebajikan Parlimen. Ada termaktub dalam Maksud B.1. Sila, Yang Berhormat. Teruskan.

Tuan Yunof Edward Maringking: Jadi, inilah yang tidak kena Tuan Pengerusi. Ahli Parlimen pun tidak tahu apa yang hendak dibahas. *[Tepuk]*

Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Sila semak B.1 Yang Berhormat.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, ada yang bangun lagi Yang Berhormat. Sekejap ya, point of order atau minta penjelasan?

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Point of order.

Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Tuan Pengerusi, point of order yang sama 36(1). B.1 merujuk kepada perbelanjaan kemudahan Bangunan Parlimen, lif dan sebagainya.

Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, di sini ada disebut berkaitan elaun Ahli-ahli Parlimen. Jadi, kita boleh berbincang berkaitan dengan tertib ataupun dengan kegiatan Ahli-ahli Parlimen di dalam Parlimen Yang Berhormat.

Tuan Yunof Edward Maringking: Tidak payah usik dia Tuan Pengerusi. *[Ketawa]* Tuan Pengerusi, perbelanjaan yang disediakan di sini adalah wang rakyat dan dia tidak mengatakan hanya diberikan kepada pihak Barisan Nasional ataupun pihak pembangkang. Jadi, ini menunjukkan bahawa wang rakyat harus dibelanjakan sebaik-baiknya. Kita yang dipilih ini bukan hanya diberi elaun semasa bertugas sebagai Ahli Parlimen malah sehingga sudah tamat tempoh pun masih dibayar elaun. Tetapi adakah kita bangga dengan sumbangan kita dengan Dewan yang mulia ini dan kepada negara dan juga kepada kawasan kita sendiri.

Jadi, untuk memendekkan masa di dalam hal ini Tuan Pengerusi, saya harap sangatlah supaya kita Ahli-ahli Parlimen sesudah kita masuk ke Dewan yang mulia ini janganlah terlalu angkuh. Biar kita sama-sama cuba-cuba membina negara yang kita inginkan bukan sahaja untuk kita sendiri tetapi juga kepada generasi kita yang akan datang. Jangan kita selalu juga menghina kepada parti-parti pembangkang ataupun ahli-ahli dari parti pembangkang. Oleh kerana ini ada diperuntukkan di dalam Perlembagaan kita dan mereka juga berhak untuk menyuarakan kepentingan rakyat. Jadi, itulah yang saya harapkan daripada elaun Tuan Pengerusi.

Bagi perkara yang kedua, mengenai peruntukan untuk Parlimen ialah kita mempunyai satu naskhah pemberitahuan peraturan-peraturan mesyuarat ataupun jadual yang diberi pada awal tiap-tiap persidangan. Jadi, saya menghargai tindakan-tindakan yang diambil oleh pihak pentadbiran Parlimen di dalam hal itu. Tetapi saya berpendapat bahawa kita boleh menjimatkan wang dengan menetapkan satu jadual persidangan sahaja mengenai soalan-soalan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli. Tidak perlu lagi diubah-ubah supaya dapat diijimatkan perbelanjaan, melainkan usul-usul atau lain-lain pemberitahuan yang mungkin diberitahu mengikut keadaan masa ataupun keperluan. Saya harap ini akan diambil perhatian.

Saya ingin membahas tentang peruntukan mahkamah iaitu keadaan bangku ataupun kemudahan-kemudahan bangku di Mahkamah Tinggi Kota Kinabalu yang begitu tidak baik sekali. Kadang-kala kita ada pelawat-pelawat ataupun peguam-peguam dari luar negara yang masuk di dalam mahkamah kita. Tetapi keadaannya sungguh begitu buruk dan tidak boleh membanggakan kepada penghormatan keadilan. Ada yang sudah rosak bangku, tidak ada tempat duduk, tidak cukup dan tidak ada pula kantin di Kota Kinabalu. Bagi peguam dan juga kakitangan mahkamah tinggi. Jadi, saya haraplah supaya sebahagian daripada peruntukan yang ada ini bolehlah disalurkan kepada keperluan Mahkamah Tinggi Kota Kinabalu supaya bukan sahaja kakitangan dapat mengurus pentadbiran kehakiman di mahkamah di situ, khususnya di Kota Kinabalu dan juga di seluruh Sabah dan mungkin juga di Sarawak ataupun di seluruh Malaysia.

Jadi, harapan saya Tuan Pengerusi, ialah kita prihatin tentang keadaan kebajikan kakitangan kehakiman dan saya bersetuju dengan pendapat dari Jelutong jika Kementerian Kehakiman diwujudkan oleh kerana ini perlu supaya jabatan-jabatan yang berkenaan ataupun mahkamah-mahkamah khususnya boleh merujuk kepada kementerian yang berkenaan jika wujud bila ada keperluan. Baik daripada keperluan-keperluan yang timbul oleh kerana tidak dijangka ataupun untuk pembesaran bangunan ataupun pentadbiran. Jadi, saya bersetuju dan haraplah dapat diambil perhatian oleh pihak kerajaan tentang perkara ini.

Saya tidak ingin memanjangkan ucapan saya Tuan Pengerusi, saya ucapkan dengan ribuan terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Jabatan Perdana Menteri minta jawab.

4.27 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Pengerusi, pertamanya saya ingin mengucapkan banyak terima kasih kepada Yang Berhormat dari Kepong, Jelutong, Tanjong dan juga Tuaran yang telah mengambil bahagian di dalam perkara B.1, B.7 dan P.7 yang dibincangkan sekarang ini.

Pertamanya saya ingin menjawab soalan daripada Kepong yang bertanya apakah semenjak Kementerian Undang-undang telah dimansuh dan dijadikan sebagai Bahagian Undang-undang, apakah ada daripada segi kakitangannya, ianya dikurang atau pun tidak. Saya ingin maklumkan perjawatan bagi bahagian hal

ehwal undang-undang dan jabatan-jabatan di bawahnya adalah dikekalkan tanpa sebarang perubahan berikutan dengan pemansuhan Kementerian Undang-undang. Hanya perjawatan di pejabat Yang Berhormat Menteri Undang-undang sahaja yang dimansuhkan iaitu 9 jawatan seperti berikut:-

| | |
|--------------------------------------------|-----------|
| Jawatan Menteri, Setiausaha Politik | 1 jawatan |
| Setiausaha Sulit Kanan Gred 3 | 1 jawatan |
| Pegawai Kanan Perhubungan Akhbar | |
| Pegawai Penerangan Gred S3 | 1 jawatan |
| Setiausaha Sulit Gred 4 | 1 jawatan |
| Pembantu Tadbir Kesetiausahaan N9 | 2 jawatan |
| Pembantu Tadbir Perkeranian dan Operasi N9 | 1 jawatan |
| Pembantu Am Rendah N13 | 1 jawatan |

Jadi, jawapannya ialah hanya diperkecilkan dengan dimansuhkan 9 jawatan berikutan daripada pertukaran ini.

Bagi soalan kedua yang dibangkitkan sewaktu Yang Berhormat Kepong berucap diminta penjelasan oleh Yang Berhormat dari Tanjong berkenaan dengan perpustakaan Parlimen yang tidak mempunyai sebuah akhbar *Sun* ataupun akhbar-akhbar lain seperti akhbar Cina dan India.

Saya ingin menyatakan di sini, bahawa Perpustakaan Parlimen dari masa ke semasa mengedar surat dan borang kepada Ahli-ahli Parlimen mencadangkan nama-nama tajuk buku-buku, majalah dan surat khabar yang perlu dilanggan.

Perpustakaan sentiasa cuba memenuhi setiap permintaan untuk dibekalkan bagi rujukan Ahli-ahli Parlimen. Maka saya berharap di masa akan datang, kalau diedarkan surat atau borang ini, ataupun tidak diedarkan surat atau borang ini Yang Berhormat boleh memohon kepada pihak Perpustakaan untuk mendapatkan langganan terhadap akhbar-akhbar dan majalah-majalah yang menjadi minat kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Jelutong ada bertanya berkenaan dengan keputusan memansuhkan Kementerian Undang-undang ini.

Pertamanya saya ingin menjelaskan di sini iaitu adalah tidak benar kalau Yang Berhormat beranggapan Jabatan Undang-undang ini diketuai oleh seorang Timbalan Menteri - itu adalah tidak benar. Kalau Yang Berhormat melihat kepada gazet yang dikeluarkan, menteri yang bertanggungjawab ialah Yang Berhormat Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha. Jadi, tidak betul kalau Yang Berhormat memikirkan iaitu jabatan ini hanya ditangani oleh seorang Timbalan Menteri sahaja.

Yang keduanya, berkenaan dengan ia ditukar daripada satu kementerian kepada satu jabatan. Sebenarnya ia bukanlah merupakan satu usaha untuk memperkecilkan kepentingan undang-undang di dalam negara kita pada hari ini. Kalau kita melihat secara positif, kita boleh ambil tahu bahawa apabila ia diletak di bawah Jabatan Perdana Menteri, bermakna Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri ingin mengambil perhatian berkenaan dengan perjalanan undang-undang dalam negara kita. Oleh sebab itu, kalau kita mahu melihatnya sebagai

satu penurunan status daripada kementerian kepada jabatan, tetapi kita harus ingat bahawa jabatan itu bukan diletakkan di bawah kementerian atau jabatan-jabatan lain, jabatan itu diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri, bermakna bahawa Menteri yang bertanggungjawab dengan hal-hal undang-undang ini ialah pada akhirnya nanti Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia itu sendiri.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat juga menyebutkan bahawa semalam saya ada membuat 'stand'. Saya tidak membuat 'stand' sebenarnya. Apa yang telah berlaku ialah saya menjawab soalan yang telah dibangkitkan di waktu mesyuarat peringkat jawatankuasa. Jadi, tidak benar bahawa saya membuat 'stand'. Saya cuma menjawab soalan yang telah dibangkitkan hasil daripada perkara yang dibangkit berkenaan dengan Perlembagaan.

Tuan Pengerusi, yang terakhir sekali saya telah mendengar ucapan yang telah dibuat oleh Yang Berhormat dari Tuaran berkenaan dengan bagaimana sepatutnya kita mengambil serius.....

Tuan R. Karpal Singh: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, Jelutong minta jalan, hendak beri?

Tuan R. Karpal Singh: Saya ada membangkitkan perkara 'umur hayat' tadi, bolehkah saya mendapat jawapan atas perkara itu?

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat, 'umur hayat' apa ini, cuba terangkan sedikit?

Tuan R. Karpal Singh: Saya ada membaca dari dua undang-undang The Arms Act dan The Increased Penalties Act tidak faham itu semua, penjara ‘seumur hayat’? Adakah kerajaan berhasrat untuk menghapuskan itu atau menggantikan itu dengan apa-apa lain?

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Pengerusi, saya mendengar ucapan Yang Berhormat dari Tanjong tadi dan dia menyebut perkara yang ada kaitan dengan Kementerian Dalam Negeri. Jadi, saya kira itu luar dari kementerian saya dan saya tidak mendengar sebenarnya apa yang disebut oleh Yang Berhormat berkenaan dengan ‘umur hayat’ itu. Walau bagaimanapun, saya kira oleh kerana kita berbincang perkara-perkara khas di sini, saya rasa adalah lebih baik kalau Yang Berhormat untuk mendapatkan jawapan yang lebih tepat, mungkin di masa akan datang boleh dijadikan satu soalan mulut dan kita boleh memberi jawapan yang tepat sebagaimana Yang Berhormat mahu, tidak tergesa-gesa dalam suasana seperti ini, yang mana kita berbincang tentang masalah perbelanjaan bagi Jabatan Perdana Menteri.

Dato’ Haji Sukri bin Haji Mohamad: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, Machang bangun.

Dato’ Haji Sukri bin Haji Mohamad: Saya hendak minta penjelasan. Saya menyokong pandangan Yang Berhormat dari Jelutong mengenai satu valid point atau satu point yang cukup bernas.

Sekarang ini dalam undang-undang kita, makna 'seumur hidup' ini ada kekeliruan sedikit, di bawah Penal Code misalnya 'seumur hidup' itu maknanya 20 tahun penjara - itu maksudnya. Tetapi The Arms Act dan The Increased Penalties - seumur hayat. 'Seumur hayat' itu maknanya dia kena berada dalam penjara sampai mati baru keluar, sedangkan di bawah undang-undang lain, Penal Code misalnya ada juga hukuman seumur hidup. Tetapi seumur hidup itu means atau ditakrifkan dengan jelas iaitu iaitu 20 tahun penjara.

Baru-baru ini ada pengumuman daripada pihak kerajaan hendak mengkaji semula peruntukan 'umur hayat' ini di bawah The Arms Act dan The Increased Penalties, hanya dua Akta ini sekarang. Satu lagi kalau tidak silap saya di bawah The Kidnapping Act yang juga bermakna 'seumur hayat' itu 'seumur hidup' mesti berada dalam penjara. Jadi, hukuman seperti ini adalah sangat zalim. Oleh itu adakah kerajaan berhasrat untuk meminda dua peruntukan undang-undang ini supaya menjadikan 'seumur hayat' itu maksudnya 20 tahun seperti yang terdapat di bawah peruntukan di bawah Penal Code - itu maksudnya.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Pengerusi, saya bersetuju dengan Yang Berhormat dari Machang bahawa perkara ini memang satu perkara yang serius. Perkara yang serius bermakna bahawa kita harus bincang khusus tentang perkara itu. Di dalam Jawatankuasa ini kita berbincang masalah berkenaan dengan perbelanjaan yang dibuat untuk Jabatan Perdana Menteri, yang saya kira bukan tempat dan forumnya untuk kita membincang perkara yang begitu serius di sini, kerana dia lari daripada tajuk. Sebab itu saya mencadangkan kepada

Yang Berhormat dari Tanjong peruntukkan ianya sebagai satu soalan jawab-mulut dan kita akan mendapat jawapan daripada pihak yang tertentu dan akan memberikan jawapan yang betul daripada Yang Berhormat secara spontan ‘off the cuff’ bertanya kepada saya. Ini perkara undang-undang, saya perlu rujuk dahulu sebelum boleh saya menjawab dengan tepat sepertimana yang akan menepati selera Yang Berhormat yang bertanya.

Saya minta understanding Yang Berhormat dari Machang supaya ianya boleh dibangkitkan di dalam masa-masa lain sebagai satu peruntukan soalan jawab-mulut.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Tuaran ada membangkitkan berkenaan dengan kita harus mengambil serius bukan sahaja di kalangan ahli-ahli dalam Barisan Nasional, tetapi juga ahli-ahli dari Pembangkang. Saya ingin menyatakan di sini bahawa kita memang mengambil seriuslah perkara ini. Oleh sebab itu, kadang-kala Yang Berhormat dari Pembangkang memberi hujah-hujah dan kita mendengar hujah-hujah itu walaupun kadang-kala saya rasa seolah-olah Pembangkang tidak mahu mereka itu diambil dengan serius, sebab apabila saya duduk dan mendengar dengan teliti, kadang-kala ada perkataan yang mengatakan dengan izin, ‘sitting mute’, ‘silent’. Saya bukan ‘sitting mute’ dan bukan ‘silent’ saya mendengar hujah dari Yang Berhormat kerana saya hendak mendengar dengan serius apa yang

Tuan Noh bin Omar: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat dari Tanjong Karang bangun.

Tuan Noh bin Omar: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya hendak minta sedikit penjelasan. Tadi, Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyatakan untuk kelengkapan Perpustakaan di Parlimen ini, semua Ahli Parlimen ada diberi borang-borang untuk membuat cadangan-cadangan. Kemudian Ketua Pembangkang ada berhujah dan membangkitkan mengenai berbagai-bagai surat khabar.

Saya ingin mendapat penjelasan selama 26 tahun Ketua Pembangkang duduk dalam Parlimen ini, pernahkah beliau mengisi borang-borang itu sebagai satu cadangan bertulis kepada pihak Parlimen, bukan hanya bercakap untuk mendapat publisiti murah? Terima kasih.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Sebenarnya saya pun tidak boleh menjawab dan kalau hendak menjawab pun Yang Berhormat dari Tanjong tidak ada di sini.

Saya tidak mahulah menyatakan sesuatu kalau dia tidak ada di sini, oleh sebab itu saya rasa kalau kita lihat daripada apa yang kita boleh perlihatkan di sini, jika Yang Berhormat dari Tanjong bertanya tentang perkara itu bermakna dia mungkin sama ada tidak pernah menerima borang ataupun kalau dia pernah menerima borang pun dia tidak pernah mengisikan. Oleh sebab itu, mungkin saya rasa dia bertanya di Dewan yang mulia ini berkenaan dengan perkara kecil seperti surat khabar itu.

Tuan Pengerusi, saya telah menyatakan iaitu saya mengambil serius dalam jawapan saya dan oleh kerana itu saya kira kalau seseorang itu mahu mereka itu diambil dengan serius dan dihormati, saya percaya respect must be earned, not demanded. Dengan izin, you have to earn your respect.

Jadi, kalau kita mahu orang menghormati kita, kita mesti tahu menghormati orang. Sebab itulah kalau tidak hormat-menghormati, inilah kadang-kala berlaku yang kita lihat pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan jadual soalan yang dibangkit oleh Yang Berhormat dari Tuaran, saya rasa bahawa apa yang dibangkit oleh Ahli Yang Berhormat dari Tuaran itu ada juga, dengan izin, valid pointnya, dan mungkin kita boleh mengambil kira ataupun mengambil perhatian untuk di masa-masa yang akan datang.

Soalan Yang Berhormat dari Tuaran yang terakhir sekali membangkitkan berkenaan dengan soalan kerusi di Mahkamah Tinggi di Kota Kinabalu. Sebenarnya, di bawah perbelanjaan ini, ada dibelanjakan untuk ubahsuai Mahkamah Tinggi di Kota Kinabalu. Kalau luar pengetahuan saya, iaitu tempat duduk dalam Mahkamah Tinggi itu mungkin tidak selesa dan sesuai, tetapi saya boleh selepas ini, mengambil perhatian ini dan mengarahkan pihak jabatan saya untuk melihat, dan jika perlu, maka kita pastikan supaya apa yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat itu dapat diperbetulkan. Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja jawapan saya.

Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM7,500,000 untuk Maksud B.1 dan RM65,436,854 untuk Maksud B.7 di bawah Jabatan Perdana Menteri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM7,500,000 untuk Maksud B.1 dan RM65,436,854 untuk Maksud B.7 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM33,542,500 untuk Maksud P.7 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga bagi tahun 1995 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM33,542,500 untuk Maksud P.7 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.3) 1995.

Maksud P.14 [Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.3) 1995] -

Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kepala Pembangunan P.14 di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan terbuka untuk dibahas. Kepong.

4.43 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, peruntukan ialah untuk projek-projek di kawasan-kawasan penguatkuasa tempatan, termasuk Pulau

Langkawi, Tioman, Labuan, Pangkor, semua ini adalah kawasan untuk pelancong dan juga di Terengganu bukan untuk pelancong. Walau bagaimanapun, Tuan Pengerusi, saya pun tertarik juga kerana ini ada termasuk incinerator. Meaning incinerator, bolehkah Yang Berhormat menerangkan apakah incinerator ini untuk maksud projek-projek, sebab kalau kita hendak dapat inciunerator untuk misalnya Kuala Lumpur, harganya sekurang-kurangnya RM1 bilion untuk incinerator. Saya berharap kementerian ini dapat menerangkan apakah yang dimaksudkan sebagai incinerator untuk pulau-pulau peranginan tersebut?

Tuan Yang di-Pertua, bagi Pulau Tioman, saya nampak semasa menjalankan projek ini, masalah pencemaran ada berlaku. Apabila kenderaan-kenderaan yang mengangkut tanah, pasir dan juga bahan-bahan binaan bagi projek-projek di pulau-pulau tersebut, termasuk Pulau Tioman, maka timbullah masalah batu karang dimusnahkan. Saya mencadangkan supaya lebih banyak langkah-langkah yang lebih ketat diadakan untuk semua kawasan ini supaya alam semulajadi tidak termusnah. Apabila kita ada pembangunan, kawasan seumpama ini memang, kalau pembangunan tidak dirancang dengan teratur dan juga tidak ada penguatkuasaan yang ketat, maka timbullah masalah pencemaran.

Kalau tidak silap, saya pada dua bulan yang lepas semasa satu projek untuk memperbesarkan lapangan terbang di Pulau Tioman, maka bot, kapal-kapal untuk mengangkut bahan-bahan binaan dan sebagainya telah mencemarkan kawasan-kawasan batu karang, coral reef, sehingga menimbulkan ketidakpuasan para penduduk dan orang-orang yang prihatin kepada alam sekitar Pulau Tioman itu.

Saya berharap pihak kementerian dapat mengambil tindakan untuk menyekat kegiatan yang boleh mencemarkan kawasan-kawasan tersebut.

Sebenarnya, Pulau Tioman ialah sebagai marine park, taman marin, di mana zon yang digezettekan atau diwartakan itu ialah bot-bot ataupun kapal-kapal tidak boleh menjejaskan batu-batu karang dan tidak boleh menggunakan senjata untuk memancing ataupun untuk memusnahkan makhluk di sekitar kawasan marine park ini. Juga speed boat dan spear-fishing dan sebagainya perlulah diharamkan. Saya berharap semua ini dapat dikuatkuasakan dengan baik.

Tuan Pengerusi, mengenai Pulau Langkawi adakah satu projek untuk desalination yang telah pun dibangkitkan bagi pulau itu diterima oleh pihak LADA ataupun kerajaan. Sebab semasa kita mengadakan projek-projek dan menarik pelancong pada pulau-pulau peranginan ini, maka bekalan air tidak cukup. Apabila bekalan air tak cukup, memang kita mesti mencari jalan untuk menambahkan bekalan air, dan salah satu projeknya ialah untuk desalination plant bagi Langkawi dan projek yang keduanya untuk mengambil air daripada Sanglang, Perlis melalui paip. Itu memang memakan belanja beratus juta ringgit, dan ini adalah satu kesusahan untuk mendapat bekalan air. Sebab saya dari semasa ke semasa pergi ke Langkawi, dan tiap-tiap kali saya pergi, saya pun ada menyaksikan perkembangan semasa. Saya berharap projek-projek yang baik termasuk desalination plan dapat diadakan di Langkawi.

Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Minta kementerian menjawab.

Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Diminta kementerian menjawab.

4.50 ptg.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Peter Chin Fah Kui]: Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kepong tentang cadangan dan huraian beliau, sebenarnya perkara tentang mini incinerator ini telah diuruskan dan tujuannya ialah untuk membantu pihak berkuasa tempatan untuk mengurus sisa-sisa pepejal yang dipungut di atas pulau-pulau tersebut supaya sisa-sisa pepejal ini boleh diurus dengan baik dan seperti yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi supaya sisa-sisa pepejal ini tidak mencemarkan alam sekitar di pulau-pulau berkenaan. Dan projek-projek ini sedang dijalankan dan sebenarnya masa ini pihak syarikat-syarikat tender-tender tersebut sudah diperiksa dan tidak lama lagi saya harap satu keputusan boleh dibuat di atas siapa yang akan diberi kontrak tersebut.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, baik juga kalau kita boleh mengadakan incinerator di situ, bolehkah Yang Berhormat terangkan apakah kos sesuatu incinerator ini, kerana di Wilayah Persekutuan misalnya, dengan sampah sarap sampai 3,000 tan sehari, incinerator seperti ini tidak boleh digunakan, kita terpaksa menggunakan incinerator raksasa yang menelan belanja sekurang-kurangnya RM1 bilion setiap incinerator sehingga sampai sekarang pihak DBKL pun tidak dapat membuat keputusan untuk mengadakan incinerator.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ini adalah sebagai projek percubaan, memancangkan kita sedar kos incinerator ini memang tinggi, oleh sebab itu maka kita memilih pulau-pulau ini sebagai satu projek percubaan, kalau projek ini boleh berjaya dan boleh juga menggunakan teknologi baru ini maka kita akan menggunakan pengalaman ini supaya kita boleh menimbangkan permohonan membina incinerator kepada bandar-bandar yang lain.

Tentang projek di Pulau Langkawi, saya rasa projek yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi adalah dikeluarkan dari Perbekalan Tambahan kali ini dan saya rasa saya tidak ada maklumat tentang projek desalination plant yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong tadi.

Selain daripada itu, saya rasa tidak ada lain yang dihuraikan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong

Dr. Tan Seng Giaw: Memang ada, Tuan Pengerusi, pencemaran di Pulau Tioman.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Ya, itu juga terkeluar daripada tajuk yang dibincangkan sekarang, kerana pencemaran atas batu karang itu memang tidak dikendali oleh pihak kementerian ini dan ini juga bukan sebagai satu tajuk atau sebagai satu maksud yang kita hendak menggunakan incinerator ini dan batu karang macam mana kita hendak mengelakkan pencemaran dan macam mana kita hendak mengekalkan marine park itu selama-lamanya, ini memang satu perkara dalam perbincangan yang lain. Sekian.

Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM14,160,010 untuk Maksud P.14 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga bagi tahun 1995 di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM14,160,010 untuk Maksud P.14 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.3) 1995.

Maksud P.17 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.3) 1995] -

Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Maksud Pembangunan P.17 di bawah Kementerian Belia dan Sukan terbuka untuk dibahas.

[Tiada perbincangan]

Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM10 untuk Maksud P.17 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga bagi tahun 1995 di bawah Kementerian Belia dan Sukan hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM10 untuk Maksud P.17 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.3) 1995.

Maksud B.18 [Jadual] -

Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kepala Bekalan B.18 di bawah Kementerian Perusahaan Utama terbuka untuk dibahas.

[Tiada perbahasan]

Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM6,670,000 untuk Maksud B.18 di bawah Kementerian Perusahaan Utama jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM6,670,000 untuk Maksud B.18 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Maksud B.26 [Jadual] -

Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kepala Bekalan B.26 di bawah Kementerian Pendidikan terbuka untuk dibahas. Kepong.

4.57 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, saya tidak boleh lepaskan peluang ini untuk membahaskan B.26 Universiti Malaysia Sabah.

Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Sila.

Dr. Tan Seng Giaw: Selepas ini saya harap juga rakan-rakan dari Sabah akan mengambil kesempatan untuk memperbincangkan masalah Universiti Sabah ini.

Tuan Pengerusi, sejak pilihanraya di Negeri Sabah ada janji untuk mengadakan satu Universiti di Sabah. Janji ini memang dari permulaannya ada

tergugat sedikit untuk memulakan pembinaan universiti ini. Tetapi saya nampaknya bukan seperti yang dijanjikan pada mulanya dijanjikan lebih RM500 juta untuk Universiti Sabah tetapi ada juga bukan semua tidak ada, diadakan satu permulaan di Gaya Centre dan Kampus Sementara di College Community Yayasan Sabah. Baik juga kalau boleh bermula dengan universiti ini. Sebenarnya, bagi pihak DAP patut kita adakan universiti di setiap negeri, sekurang-kurangnya satu universiti di setiap negeri. Kami memang bersetuju kalau boleh memperuntukkan wang bagi universiti seperti ini.

Walau bagaimanapun, saya hendak menanya di sini bilakah wang yang sepenuhnya dapat diadakan kerana bagi Sarawak lebih RM1 bilion untuk UNIMAS di Sarawak tetapi di Sabah saya percaya lebih RM1 bilion diperlukan tetapi bilakah RM500 juta dapat diadakan untuk universiti tersebut. Setakat ini bolehkah kementerian menerangkan kursus-kursus yang diadakan bagi Universiti Sabah ini dan adakah cadangan untuk mengadakan kolej perubatan bagi Universiti Sabah, ini satu kursus yang diperlukan bagi rakyat di Sabah, kalau tidak silap saya UNIMAS sekarang pun sedang merancang untuk mengadakan kursus perubatan bagi universiti itu dan adakah kemungkinan kursus yang serupa diadakan di Universiti Sabah.

Tuan Pengerusi, bolehkah kementerian ini menerangkan UMS (Universiti Malaysia Sabah), siapakah yang menentukan nama Universiti Malaysia Sabah ini? Adakah ini ditentukan oleh pihak Kementerian Pendidikan atau pun ditentukan dan dinamakan oleh kerajaan negeri atau pun oleh rakyat Sabah?

Tuan Pengerusi, saya telah diberitahu oleh pihak Universiti Malaysia Sabah akan menumpukan kepada kursus-kursus yang baru, yang tidak didapati di universiti-universiti yang lain. Bolehkah Yang Berhormat menerangkan apakah kursus-kursus baru ini untuk Universiti Malaysia Sabah dan bilakah Universiti Malaysia Sabah ini boleh menjadi sebuah universiti yang lengkap dan adakah benar bahawa Sepangar Bay akan dipilih untuk menjadi tapak universiti? Kalau itu benar, bilakah projek untuk Sepangar Bay ini akan dilaksanakan? Sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Keningau.

5.02 ptg.

Datuk Joseph Pairin Kitingan [Keningau]: Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kerana memberi peluang untuk saya memberi komen terhadap perkara yang dimaksudkan dalam Maksud B.26 yang dipohon oleh Kementerian Pendidikan, tambahan sebanyak RM12.7 juta bagi maksud menyambung perbelanjaan mengurus Universiti Malaysia Sabah. Saya rasa, walaupun saya memang menyokong tambahan ini, tetapi nampaknya tambahan ini tidak mencukupi. Kerana, yang sebenarnya untuk mewujudkan Universiti Malaysia Sabah, yang sudah lama dilaung-laungkan dan sudah lama ditunggu-tunggu ini tentu sekali peruntukan sebanyak RM12.7 juta ini tidak mencukupi. Mungkin barangkali dengan peruntukan yang begitu sedikit, projek untuk mewujudkan Universiti Malaysia Sabah dengan sepenuhnya akan menjadi projek yang hangat-hangat tahi ayam sahaja.

Saya menyatakan demikian, kerana permohonan negeri Sabah untuk meminta supaya dibangunkan Universiti Malaysia Sabah ini sudah lama sehingga tapak untuk tujuan membangunkan universiti di Sabah sudah pun disediakan dahulu, tetapi oleh kerana janji untuk mewujudkan bangunan universiti ini tidak dilaksanakan, walaupun sudah dipersetujui dalam musim kerajaan BERJAYA lagi, tanah itu pun tidak diambil kira, sehinggalah sekarang tanah itu tidak diberi penghormatan pun. Kami difahamkan bahawa tapak untuk bangunan universiti ini masih belum ditentukan, sama ada di sana akan dibangunkan di daerah Tawau atau di daerah Kota Kinabalu. Itu belum lagi dipastikan.

Apa yang menyedihkan kepada rakyat di negeri Sabah ialah bahawa, pada dahulunya, walaupun sudah dimulakan kampus-kampus Universiti Malaya, di mana tapak pengurusan untuk kampus itu disediakan untuk Jabatan Telekom dahulu, kalau saya tidak silap, tetapi sekarang ini kampus Universiti Malaya sudah pun di usir dari tempat itu, kerana kononnya Universiti Malaysia Sabah ini akan diwujudkan. Setelah kita membelanjakan begitu banyak kewangan untuk memulakan kampus Universiti Malaya, sekarang ini digantikan dengan pengurusan, kononnya untuk membangunkan Universiti Malaysia Sabah ini, kita khuatir bahawa projek Universiti Malaysia Sabah di Sabah ini tidak akan wujud kerana tidak ada tanda-tanda perbelanjaan yang secukupnya diperuntukkan.

Mudah-mudahan kita akan lihat peruntukkan yang secukupnya di keesokan hari, apabila dibentangkan perbelanjaan.

Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: *[Bangun]*

Tuan Pengrusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Sipitang bangun, hendak beri jalan?

Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Minta jalan.

Datuk Joseph Pairin Kitingan: Saya harap dia bantulah.

Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Sila, Yang Berhormat.

Dr. Haji Yusof bin Haji Yaacob: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Ini mengenai ucapan Yang Berhormat dari Keningau, saya merasa terkilan juga. Apakah beliau pasti bahawa tapak di Menggatal itu adalah tapak kampus Universiti Malaya. Sebagai seorang rakyat Sabah mesti tahu keadaan di Sabah. Terima kasih.

Datuk Joseph Pairin Kitingan: Kalau tidak silap saya itu kampus untuk Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), kalau saya tidak silap. Namanya itu tidak menjadi masalah, saya rasa, Tuan Pengerusi, apa yang penting ialah untuk betul-betul kali ini janji yang diberi oleh kerajaan Barisan Nasional dapat dipasti, kerana sudah banyak janji-janji yang telah dibuat tetapi tidak dilaksanakan. Sedangkan hospital di daerah Sipitang seperti yang dijanjikan oleh bekas Timbalan Perdana Menteri untuk diwujudkan dengan menggunakan perbelanjaan RM100 juta, tetapi hanya RM37 juta sahaja yang digunakan. Jadi, Tuan Pengerusi, saya memang menyokong perbelanjaan tambahan ini, tetapi saya pohon supaya peruntukan yang secukupnya di dalam Belanjawan yang akan datang ini akan dapat kita lihat dengan sejelas-jelasnya untuk memenuhi janji yang dibuat oleh Barisan Nasional. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Sipitang.
5.09 ptg.

Dr. Haji Yusof bin Haji Yaacob: Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil bahagian sedikit mengenai dengan perbincangan di bawah Maksud B.26 iaitu peruntukan sebanyak RM12.7 juta untuk Kementerian Pendidikan. Kita mengucapkan berbilang terima kasih kepada kerajaan Barisan Nasional atas prihatin kerajaan yang telah pun meluluskan pembinaan Universiti Malaysia Sabah. Ini merupakan untuk menunaikan janji-janji Barisan Nasional dalam janji pilihanraya yang lalu. Tetapi apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Keningau tadi, ini hangat-hangat tahi ayam, tetapi ini bukanlah hangat-hangat tahi ayam, ini adalah satu kenyataan. Dahulu parti-parti pembangkang di Sabah menyatakan bahawa janji Barisan Nasional ini adalah janji palsu yang mengelirukan rakyat Sabah, tetapi pada hari ini ternyata kesungguhan kerajaan Barisan Nasional untuk menunaikan janji-janji ini.

Tuan Yunof Edward Marinking: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, Tuan bangun.

Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Kawan, saya beri chance.

Tuan Yunof Edward Marinking: Terima kasih, Sipitang kerana kawan, bukan? Jadi, Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Sipitang kata peruntukan ini adalah sebahagian daripada menunaikan janji tetapi adakah Yang Berhormat dari Sipitang sedar bahawa sebelum Universiti Sabah Malaysia ini ditubuhkan, cawangan kampus Universiti Kebangsaan pula sudah ditutup. Jadi, ini tidak ada

erti langsung. Sekarang mulai lagi, selalu mulai sahaja. Adakah ini pembangunan ataupun satu pembaziran? Saya minta penjelasan, Yang Berhormat.

Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Terima kasih. Nampaknya Yang Berhormat Tuan keliru juga, tidak faham perkembangan negeri Sabah. UKM di Menggatal belum ditutup lagi, masih lagi ada dan Universiti Sabah (UMS) telah pun mula ada fakultinya sekarang, Tahun Satu dan meminjam Bangunan Yayasan Sabah di Likas. Inilah janji Barisan Nasional yang sekarang ini telah pun mula ditunaikan, walaupun diperuntukkan daripada peruntukan awal, tetapi saya difahamkan bahawa peruntukan keseluruhan untuk membina UMS ini bernilai lebih kurang RM800 juta. Itu khabar yang saya dapat tahu. Ini memang Kerajaan Barisan Nasional telah pun menunaikan janji-janji yang lalu dan seperti yang dikatakan tadi, belum ada permulaan. Memang sudah mula, saya ingin tegaskan sekali lagi. Ini saya nampak sendiri.

Memanglah kita tidak dapat meluluskan sekali gus kerana peringkat awal, peringkat perancangan, peringkat membuat pelan ataupun design masih lagi dalam pengurusan. Jikalau ia sudah diluluskan kesemuanya barulah saya rasakan Kementerian Pendidikan ataupun Kementerian Kewangan memberi peruntukan sepenuhnya untuk membina kampus UMS di Sabah. Permulaan Universiti Sabah ini telah pun mula dibuat di mana pecah tanah telah dilakukan oleh Timbalan Perdana Menteri pada bulan Ogos yang lalu dan ini sekali lagi menunjukkan kesungguhan Barisan Nasional untuk memulakan UMS ini.

Mengenai dengan tapak, saya ingat Yang Berhormat dari Keningau dan Tuaran juga tentu tahu bahawa tapak itu telah pun dikenal pasti di kawasan sebelah Menggatal, kalau saya tidak silap dan ini tentunya amat sesuai. Bukanlah yang di Tawau. Ini telah pun diputuskan oleh Kerajaan Barisan Nasional.

Tuan Pengerusi, untuk pembinaan UMS ataupun Universiti Sabah ini, saya inginlah meminta penjelasan sedikit daripada kementerian, apakah peringkat ataupun di manakah kedudukan sekarang ini, sama ada telah pun dipastikan apakah design ataupun pelan mengenai dengan UMS itu telah siap ataupun masih dalam perancangan? Bilakah kerja-kerja ini sepatutnya dimulakan?

Mengenai dengan pembinaan, kita berharap bahawa pembinaan UMS ini boleh ataupun kontraktor ini boleh diberi keutamaan kepada kontraktor-kontraktor yang berkeupayaan daripada Sabah kerana kita tahu bahawa banyak kerja-kerja di Sabah memanglah akan diberikan kepada kontraktor yang berwibawa di seluruh Malaysia tetapi kalau boleh, kita minta keutamaan kontraktor dari Sabah kerana inilah juga peluang-peluang untuk rakyat Sabah menyertai dalam melaksanakan kerja-kerja untuk projek-projek Persekutuan. Kalau tidak pun, seperti yang kita tahu bahawa ada kontraktor-kontraktor dari Semenanjung ataupun luar negeri, kita minta supaya usahasama ataupun sistem joint-venture ini dapat dilakukan yang sebenar-benarnya agar peluang-peluang melaksanakan projek ini dapat diberikan kepada kontraktor tempatan.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Tuan Pengerusi, saya juga ingin mencadangkan dan ingin bertanya kepada kementerian, seperti yang dikatakan oleh kawan kita tadi, jenis-jenis kursus. Kalau boleh biarlah kursus-kursus yang bertaraf profesional juga diperbanyakkan di Sabah. Bukan cuma kursus-kursus yang kecil, yang boleh dibuat di mana-mana. Kalau boleh, kita minta juga kursus-kursus perubatan, kursus-kursus kejuruteraan, kursus-kursus perundangan, kursus-kursus pengurusan perniagaan dan juga akauntan dapat dilaksanakan di Universiti Sabah ini.

Tuan Pengerusi, saya rasa dengan terlaksananya kursus-kursus ini nanti, Sabah juga akan menjadi tumpuan, bukan sahaja orang-orang dari Semenanjung, Sarawak tetapi juga akan menjadi satu universiti yang terkenal dan menjadi sumber ataupun gedung ilmu untuk negeri-negeri ataupun negara-negara di rantau yang berdekatan dengan Sabah yang mana seterusnya juga akan menjadi sumber pengembang utama ekonomi Sabah di masa akan datang.

Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yunof Edward Marinking: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Ya, Tuaran. Selepas ini, Yang Berhormat Menteri menjawab.

5.16 ptg.

Tuan Yunof Edward Marinking [Tuaran]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya bangun untuk membahaskan Maksud B.26 sebanyak RM12,780,000 bagi maksud pembayaran emolumen sewa bangunan dan

pentadbiran tiga centre dan juga kampus-kampus sementara Kolej Komuniti Yayasan Sabah untuk memulakan Universiti Malaysia Sabah ini.

Tuan Pengerusi, kita di Sabah merasa terima kasih atas tindakan ini oleh kerana kerajaan akhirnya sedar juga keperluan mengadakan sebuah universiti di Sabah dan kita semua faham bahawa universiti di Sabah ini bukanlah untuk penuntut-penuntut di Sabah juga tetapi ia akan mengambil penuntut-penuntut dari seluruh negara dan memang sedemikianlah yang kita harap-harapkan.

Saya juga menyokong pendapat daripada Kepong, Sipitang dan Keningau di mana kursus-kursus yang diadakan seharusnya ia disediakan untuk tujuan-tujuan profesionalisme supaya kita akan dapat mencapai matlamat kita mewujudkan masyarakat yang berkemampuan membina negara dan saya harap supaya pembangunan sebuah universiti ataupun bangunan tetap Universiti Malaysia Sabah ini akan dimulakan dengan secepat mungkin oleh kerana saya difahamkan bahawa response, dengan izin, Tuan Pengerusi, daripada penuntut sungguh menggalakkan tetapi tidak cukup tempat dan tidak cukup tenaga pengajar. Yang kita hairan, sebelum bangunan dimulakan untuk bangunan tetap didirikan, kampus cawangan Universiti Kebangsaan sudah mula ditutup walaupun mungkin seperti yang dikatakan oleh Sipitang, belum ditutup sepenuhnya tetapi sebagaimana yang saya difahamkan, kakitangan pun sudah kucar-kacir tidak menentu oleh kerana tidak tahu pergi ke mana.

Inilah yang kita tidak begitu senang. Seharusnya pengwujudan sebuah universiti itu patut dilaksanakan dengan cara yang licin, bukan tergopoh-gapah supaya tidak membazirkan wang negara atau rakyat.

Tuan Radin Malleh: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Ya, ada yang bangun. Hendak beri jalan atau tidak?

Tuan Yunof Edward Maringking: Berilah.

Tuan Pengerusi: Hendak beri jalan, sila duduk.

Tuan Radin Malleh: Tuan Pengerusi, saya minta penjelasan dari Yang Berhormat Tuaran, sehubungan dengan ucapan Yang Berhormat dari Sipitang. Kalau mengikut Maksud B.26 ini, tujuan RM12 juta lebih ini adalah semata-mata untuk perbelanjaan mengurus dan bayaran emolumen, sewa bangunan pada masa ini dan ini bererti bahawa kampus ataupun pembinaan UMS ini belum lagi dapat dimulakan.

Sepertimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Sipitang, khabarnya, dia bilang. Dia kata, khabar yang dia terima. Mungkinkah ini, “indah khabar dari rupa?”

Tuan Yunof Edward Maringking: Tuan Pengerusi, untuk penjelasan kepada Yang Berhormat dari Tenom, seperti yang saya katakan tadi, memang ini “indah khabar dari rupa”. Sesungguhnya belum dimulakan. Yang Berhormat dari Sipitang pun kata tadi, beliau belum tahu sama ada tapak dan pelan sudah disediakan atau belum dan siapa kontraktornya pun, mungkin itu sahaja soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Sipitang yang ingin tahu.....

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Ya, ada yang bangun, Yang Berhormat. Hendak beri jalan atau tidak?

Tuan Yunof Edward Maringking: Hai, ini kawan, selalu berikan saya jalan, berilah dia, Tuan Pengerusi.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih Tuan Pengerusi. Kawan saya ini, di Tuaran, dia contradict dirinya sendiri. Saya tak faham. Mula-mula dia kata, mesti dibuat dengan licin dan jangan dibuat tergopoh-gapah. Selepas itu dia kata lain pulak. Indah khabar dari rupa, benda belum siap, benda itu tidak dibuat dan sebagainya. Kita hendak usahakan benda dengan licin dan jangan tergopoh-gapah, bukan kita hendak bina rumah pondok untuk kambing, Yang Berhormat. Kita hendak bina universiti untuk melatih anak muda kita. Jadi, macam mana pandangan Yang Berhormat ini?

Tuan Yunof Edward Maringking: Tuan Pengerusi, inilah kawan saya dari Batang Lupar, dia cuma campur, dia tidak tahu apa yang berlaku di Sabah oleh kerana belum pernah datang ke Sabah! *[Disampuk]* Dia kata.....

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Dia bangun pula Yang Berhormat, fasal kata dia belum pernah ke Sabah! *[Ketawa]* Berapa kali dah pergi ke Sabah?

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Ini point of order, Tuan Pengerusi. Point of order. Sebenarnya saya sudah berjumpa dengan Yang Berhormat semasa Yang Berhormat dari Tambunan waktu itu menjadi Ketua Menteri Sabah. Saya datang ke kawasan dia sekali semasa Jambori Pengakap. Itu sekali. Yang kedua,

semasa pilihanraya, saya lama di sana - 8 hari! Ini kawan-kawan ramai tengok saya. Tolonglah kawan! Jangan buat sangkaan jahat, 36(6) ini!

Tuan Pengerusi: Cukuplah dua kali. Dia dah biasa pergi. Pernah dan biasa pergi ke Sabah, ya? *[Ketawa]*

Tuan Yunof Edward Maringking: Inilah, Tuan Pengerusi, kawan pun dia tak cari! Yang Berhormat pergi berkempen sahaja untuk Barisan Nasional! *[Ketawa]* Jadi itu tak mengapalah Tuan Pengerusi. Yang penting di sini, kita membahar tentang peruntukan Universiti Malaysia Sabah. Kita nampak di sini, sewa bangunan dan pentadbiran sahaja, tetapi di kampus Universiti Kebangsaan sudah ditutup. Maksud kita, jangan tergopoh-gopoh. Tidak perlulah tutup kampus dahulu, biar dilanjutkan dahulu sehingga tempat Universiti Malaysia Sabah ini betul-betul sudah ada, baru ditutup.

Oleh kerana kita menyewa sahaja ini dan seperti yang saya katakan tadi, pentadbiran pun tidak begitu tersusun. Oleh kerana pembentukan universiti ini.....

Tuan Haji Yusof bin Haji Yacob: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Ada yang bangun, Yang Berhormat. Hendak beri jalan atau tidak?

Tuan Yunof Edward Maringking: Manalah boleh berucap. Bolehlah!

Tuan Pengerusi: Boleh ya?

Tuan Haji Yusof bin Haji Yacob: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya minta penjelasan dari Yang Berhormat dari Tuan. Apakah beliau bersetuju untuk menunaikan janji - kita kena dilaksanakan dengan apa cara sekalipun! Kalau

bangunan belum siap, ke mana kita akan pergi? Tentunya kita harus menyewa bangunan yang belum siap. Semua hujah-hujah beliau ini bercanggah dengan idea beliau sendiri.

Tuan Yunof Edward Marinking: Tuan Pengerusi, hanya bercanggah bagi dia oleh kerana dia tak faham! [*Ketawa*] Maksud kita, kita mahu universiti ini dirancang betul-betul. Dia sendiri kata tadi, tapak pun tidak tahu sama ada sudah disediakan atau belum. Pelan pun belum tahu sama ada sudah disediakan atau belum. Jadi, adakah ini persiapan yang serius?

Jadi, maksud kita ialah kita hairan mengapa kampus Universiti Kebangsaan ditutup sedangkan ia juga mengadakan kursus-kursus yang mungkin boleh ditambah pengambilan penuntut buat sementara waktu dan selepas Universiti Malaysia Sabah sudah betul-betul sedia, ia boleh dipindahkan asalkan sahaja kursus itu diadakan di dalam universiti yang diadakan nanti.

Demikian juga tentang pentadbirannya. Jadi, kita sewa bangunan ini, kita tahu berapa sewanya setahun dan bila diisytiharkan akan berakhir peruntukan RM12,780,000 ini kita tidak tahu dari bila sampai bila. Jadi inilah yang kita tidak mahu, membazirkan wang rakyat. Saya setuju, seharusnya Universiti Malaysia Sabah ini sudah dibentuk lebih kurang 30 tahun yang lalu dan tapak pun sudah disediakan. Jadi inilah yang tergopoh-gapah dan tidak sedap ini.

Tuan Pengerusi, kita harap supaya pihak Kementerian Pendidikan akan benar-benar mengambil perhatian untuk merancang sebaik-baiknya pelaksanaan universiti dan saya harap juga, seperti yang disuarakan oleh Yang Berhormat dari

Sipitang supaya perlaksanaannya nanti tidak akan menjadi mangsa perebutan kontraktor sahaja. Oleh kerana nampaknya banyak projek di Sabah....

Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Ya, ada yang bangun, Yang Berhormat. Di belakang sana.

Tuan Yunof Edward Maringking: Ini pun kawan juga, Tuan Pengerusi. Jadi, berilah dia! *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi: Ya, sila.

Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman: Terima kasih. Saya cuma memohon penjelasan di sini, nampaknya Yang Berhormat ini pun minat juga untuk menyentuh tentang kontrak. Adakah untuk merebut peluang berniaga di Sabah?

Yang kedua, saya cuma ingin menjemput kawan saya ini supaya ikutlah Datuk Amirkahar untuk masuk Barisan Nasional, jadi pentadbiran kita ini baik. Fasal itulah Datuk Amirkahar masuk juga. Kita bukan janji. Datuk Amirkahar keluar dari PBS pun sebab dia kata pembangunan di Sabah pesat sekarang ini. Jadi kalau boleh, join-lah! *[Ketawa]*

Tuan Yunof Edward Maringking: Tuan Pengerusi, inilah masalah, lompat katak di Sabah tidak berakhir *[Ketawa]* oleh kerana digalakkan oleh UMNO. Jadi, bagi saya, lompat atau tidak lompat itu seperti yang saya katakan tadi, yang penting kita menyumbangkan tenaga dan buah fikiran kepada negara.

Mereka yang melompat itu hanya mengharapkan jawatan, angkat kaki *[Ketawa]* tetapi tidak tahulah bagaimana keadaan di Sabah. Tentunya Menteri di

Jabatan Perdana Menteri di situ pun ketawa oleh kerana saya rasa beliau terasa keadaan di Sabah sungguh unik dan memalukan kepada negara. Jadi, tidak perlulah saya ikut teladan yang tidak baik. *[Ketawa]*

Mungkin ada masa kita akan dapat bekerjasama. Tidak seharusnya hanya mahu ikut menjadi kontraktor! Kontraktor adalah bagi mereka yang menjadi businessman, bukan untuk orang politik supaya projek-projek kerajaan dapat dilaksanakan dengan sebaik-baiknya. Ahli-ahli politik janganlah campur tangan.

Jadi, saya buat saranan terakhir iaitu mintalah Barisan Nasional sediakan tapak universiti itu dan saya harap tapak universiti itu akan dibuat di satu tempat yang selesa seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Keningau tadi, belum tentu lagi di mana sebenarnya. Inilah masalah Barisan Nasional di Sabah. Jangankan buat pembangunan, menentukan tapak universiti pun tidak tahu! Tidak tahu, terpaksa pula minta pandangan dari orang lain. Susah sekali! Jadi, kalau dia minta pandangan dari PBS, senang dan cepat. Tetapi dia tak mahu! Aduhai, terlalu angkuh!

Tuan Pengerusi, saya difahamkan bahawa seperti Ahli Yang Berhormat dari Sipitang kata, khabar-khabar sahaja. Ini akan dibuat di Menggatal, berdekatan dengan KKIP. Tidak tahulah bagaimana pula nanti penuntut-penuntut akan belajar kalau KKIP juga akan dilaksanakan iaitu sebuah cadangan pembangunan raksasa seperti yang dikatakan oleh Menteri boleh mewujudkan lebih kurang 1,200 pekerjaan. Tidak tahulah bagaimana pelajar-pelajar akan menumpukan perhatian di dalam keadaan alam sekitar yang mungkin tercemar. Ini penempatan pun sudah

salah. Pengwujudan lokasi universiti itu memerlukan satu ketenangan yang membolehkan penuntut menumpukan perhatian. Nanti Kementerian Kesihatan pula lebih sukar, ia mewujudkan kursus perubatan di situ, hanya mengubat semua penuntut sahaja.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi: Ya, Batang Lumar bangun. Hendak beri jalankah tidak?

Tuan Yunof Edward Marinking: Cukuplah, Tuan Pengerusi. Nanti lain kali.

Tuan Pengerusi: Lain kali, Yang Berhormat. Yang Berhormat Batang Lumar, lain kali.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Sedikit sahaja, Yang Berhormat. Panjang ini sahaja.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, dia kata lain kali.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Berilah.

Tuan Yunof Edward Marinking: Berilah.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat ini penuntut dari England. Jadi, kalau kita pandang universiti-universiti di England macam Oxford University umpamanya raised dalam the city university. Cambridge University, raised dalam Cambridge. Jadi, macam mana pandangan Yang Berhormat dua universiti elit ini bangun daripada bandar. Yang Berhormat tidak setuju. Yang Berhormat ini hendak binakan sebuah universiti isolated daripada komuniti. Macam mana pandangan Yang Berhormat ini?

Tuan Yunof Edward Maringking: Inilah kawan, sudah balik dari England tidak tahu lagi apa yang berlaku di situ. Mereka di situ pun sudah mengomel tentang pollution. Jadi, kita kena rancang supaya jangan ini berlaku. Sedangkan Menteri Pengangkutan sendiri kelmarin ada membuat pengumuman di mana lapangan terbang di dalam sekitar 10,000 hektar tidak boleh buat pembangunan supaya jangan ada pollution. Jadi, inilah perancangan yang baik. Tetapi sebelum dibuat penyediaan tapak, harus ditetapkan dengan betul, dirancang betul-betul. Kita pandang jauh, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Baiklah.

Tuan Yunof Edward Maringking: Jadi, untuk penggulungan Tuan Pengerusi, kita memang bersyukur dan berterima kasih kerana Universiti Malaysia Sabah akhirnya akan menjadi kenyataan. Harap-haraplah begitu.

Tuan Radin Malleh: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi: Ya, Tenom bangun. Hendak beri jalan?

Tuan Yunof Edward Maringking: Berilah dia sekali.

Tuan Radin Malleh: Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya kepada kawan saya Yang Berhormat dari Tuaran, adakah Yang Berhormat sedar bahawa Yang Berhormat dari Batang Lupar tidak sedar walaupun beliau belajar di Buckingham, tidak sedar bahawa Cambridge University dan juga Oxford University bukan di industrial area?

Tuan Pengerusi: Kita bercakap berkenaan dengan universiti di Sabah ini. [*Ketawa*] Bukan universiti di Oxford, universiti di Cambridge.

Tuan Yunof Edward Maringking: Tetapi itu ada sangkut, Tuan Pengerusi, oleh kerana ini mengenai perancangan. Jadi, izinkan saya menjawab. Saya sudah katakan tadi dia sudah lama balik dari England. Dia ini orang baik juga. Selalu bawa jalan. Kita sama-sama pergi Oxford, pergi Cambridge naik kereta dia. Tetapi sekarang dia lupa bahawa zaman ini berubah. Dulu tentang pollution memang begitu teruk diperbahaskan tetapi sekarang alam sekitar, ozon pun sudah lebih nipis, jadi kita kenalah merancang betul-betul supaya jangan menghadapi masalah.

Jadi, kembali kepada perancangan lagi. Saya haraplah, supaya pihak Kementerian Pendidikan akan betul-betul serius untuk membangun atau menubuhkan sebuah Universiti Malaysia di Sabah dan prihatinlah tentang keperluan-keperluan terutamanya dari segi perkembangan ekonomi dan memang saya menyokong untuk peruntukan ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, Timbalan Menteri menjawab.

5.36 ptg.

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Dr. Fong Chan Onn]: Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan berbilang-bersang terima kasih kepada beberapa orang Ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh tentang perkara yang dibahaskan iaitu tentang Universiti Malaysia Sabah.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan berbilang-bersang terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kepong kerana telah mengucapkan syabas dan tahniah kepada Kerajaan Barisan Nasional yang telah tunaikan perjanjian kita.

Memang itulah prinsip Barisan Nasional. Segala perjanjian kita akan tunaikan. Kalau pengundi-pengundi dari Kepong beri kita satu chance, kita akan tunaikan semua perjanjian di kawasan Kepong juga.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong telah soalkan berkaitan dengan....

Dr. Tan Seng Giaw: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi: Ya, Kepong bangun Yang Berhormat. Dia tidak tahan. [*Ketawa*]

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, janjinya pihak kerajaan akan memperuntukkan lebih RM500 juta untuk universiti tersebut. Tetapi setakat ini belum ditunaikan lagi.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat ahli dari Kepong merupakan seorang yang mempunyai pendidikan, dia pun faham tentang perkataan dalam bahasa Inggeris, "Rome was not build in one day". Apa yang penting kita berpegang kepada prinsip, kita tunaikan perjanjian kita, kita ada rancangan yang tepat supaya segala projek yang kita laksanakan akan mempunyai keperluan masyarakat dan Ahli Yang Berhormat dari Kepong telah bangkitkan kenapa RM12 juta sahaja diperuntukkan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ini merupakan setup cost sahaja. Kerajaan akan menggunakan wang ini dalam tahun ini (1995) untuk membiayai segala perbelanjaan berkaitan dengan setup iaitu menyediakan pejabat, menyediakan kelengkapan dan sebagainya supaya di peringkat permulaan projek ini dapat dilaksanakan. Berkaitan dengan bila projek itu akan disiapkan, pelan induk untuk universiti tersebut sekarang dalam peringkat terakhir perancangan. Kementerian Pendidikan bercadang untuk menyiapkan projek itu di Teluk Sepang menjelang tahun 2000 iaitu dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh. Menjelangnya tahun 2000, Universiti Malaysia Sabah akan mempunyai jumlah enrolment yang melebihi 1,700 orang pelajar. Ertinya dalam masa 5 tahun, Universiti Malaysia Sabah akan dimajukan sehingga ia menjadi sebuah universiti sebenar-benarnya. A complete university.

Tentang kursus-kursus yang.....

Datuk Joseph Pairin Kitingan: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi: Ya, Keningau bangun, Yang Berhormat.

Tentang kursus-kursus yang akan dimulakan, peringkat awalnya Universiti Malaysia Sabah akan tawarkan kursus-kursus di bidang sains dan teknologi, sains, sosial sains, perniagaan dan ekonomi dan juga kita mengadakan pusat-pusat seperti pusat matrikulasi untuk menyediakan pelajar-pelajar memasuki universiti tersebut. Di peringkat kedua, Universiti Malaysia Sabah akan juga menawarkan kursus di bidang kejuruteraan, di bidang pendidikan dan di bidang teknologi maklumat (information technology).

Ahli Yang Berhormat dari Kepong juga telah tanya tentang kursus-kursus yang baru yang akan dikendalikan oleh Universiti Malaysia Sabah. Memang ada di dalam rancangan kita supaya Universiti Malaysia Sabah akan menjadi pusat pendidikan di bidang-bidang pengkhususan seperti contohnya, UMS merancang mewujudkan satu institusi penyelidikan di bidang ethnography dan pembangunan. Kedua, di bidang biologi tropika; dan ketiga di bidang psikologi dan kesihatan sosial; dan keempat di bidang penyelidikan marin (marine research). Jadi, semua bidang itu merupakan bidang-bidang yang baru di negara kita. Tentang sama ada kita akan tawarkan kursus perubatan, ini memang dalam kajian universiti tersebut.

Ahli Yang Berhormat dari

Tuan Yunof Edward Marinking: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi : Ya, Tuan bangun Yang Berhormat.

Tuan Yunof Edward Marinking: Tuan Pengerusi, Sabah memang terkenal kaya dengan hasil perhutanan tetapi kini sudah berkurangan. Jadi, bolehkah Timbalan Menteri memberi jaminan kemungkinan mengadakan penyelidikan atau kampus ataupun fakulti pendidikan perhutanan di adakan di universiti di situ oleh kerana saya rasa ini belum diadakan di dalam negara kita, walaupun pengurusan perkayuan begitu penting dalam negara kita?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Terima kasih Ahli Yang Berhormat dari Tuaran atas cadangan. Memang Kementerian Pendidikan boleh mengambil perhatian tetapi sekiranya Ahli Yang Berhormat dari Tuaran memasuki Barisan Nasional, kita akan memberi perhatian yang lebih hebatlah. Tetapi saya sudah note. Sudah jawab.

Tuan Yunof Edward Marinking: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Hendak beri jalan lagi atau tidak? Dia bangun pula.

Tuan Yunof Edward Marinking: Ini Barisan Nasional tidak habis mahu membawa masuk. Jadi, dia bawa semua pembangkang nanti tidak ada pula pembangkang. Dia tidak buat kerja lagi. Jadi, tidak perlulah buat jemputan. Kita tahu apa yang hendak dibuat.

Tuan Pengerusi: Dia kata “kalau”, bukan dia jemput. Dia kata “kalau” tadi. *[Ketawa]*

Tuan Yunof Edward Marinking: Ini indirectly, dengan izin, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi : Sila, sila, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Tuaran memang dia sensitif sedikit, memang ada asasnya. Tetapi dia rasa sensitif sedikit. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Keningau juga telah bangkitkan soalan-soalan yang tajuknya ada sama kaitan dengan tajuk-tajuk yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kepong tentang peruntukan yang kecil dan saya sudah terangkan. Ini merupakan set-up cost sahaja dan tentang bila projek itu akan disiapkan dan sebagainya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Keningau, memang branch campus UKM itu tidak ditutup tetapi sebagai langkah permulaan, kita telah tamatkan pengambilan pelajar-pelajar baru kepada kampus cawangan tersebut oleh kerana kita hendak memberi peluang dan ruang kepada Universiti Malaysia Sabah untuk dimajukan. Yang lebih penting juga ialah ini ada berkaitan dengan soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sipitang iaitu kita membolehkan pensyarah-pensyarah yang sedang berkhidmat di kampus cawangan tersebut untuk membuat pilihan sama ada mereka ingin terus berkhidmat dengan UKM atau berpindah perkhidmatan mereka kepada universiti yang baru ini.

Ini adalah wajar kerana kalau kita tidak memberi pilihan kepada pensyarah-pensyarah tersebut, apabila kita lambat lantik mereka, mereka akan rugi dari segi seniority jika dibandingkan dengan pensyarah-pensyarah yang lain di Universiti Malaysia Sabah. Memang dalam proses pembinaan kita, terpulanglah kepada pakar-pakar yang terlibat dalam projek tersebut supaya mereka boleh tentukan cara

yang terbaik sekali dalam proses pembinaan dan memang Kementerian Pendidikan dan juga pihak-pihak yang berkenaan akan memberi keutamaan kepada masyarakat tempatan supaya mereka boleh memberi sumbangan mereka dalam proses pembinaan.

Ahli Yang Berhormat dari Tuaran juga membangkitkan bahawa kursus-kursus yang dikendalikan haruslah merupakan kursus-kursus profesional; seperti saya telah terangkan tadi memang itulah tujuan Kementerian Pendidikan malah tujuan Kementerian Pendidikan ialah memajukan Universiti Malaysia Sabah sehingga ia merupakan, dengan izin, a pioneering institute di Malaysia di bidang-bidang yang baru seperti marine science, tropical biology dan sebagainya.

Ahli Yang Berhormat dari Tuaran juga telah mempersoalkan pelaksanaan projek ini dan bertanya bilakah projek ini akan menjadi realiti. Di sini, saya merayu kepada Ahli Yang Berhormat dari Tuaran, tengoklah, projek itu telah menjadi realiti, "Rome was not built in one day". Tetapi dalam masa 4-5 tahun, kita akan nampak dengan jelas bahawa Barisan Nasional merupakan sebuah kerajaan yang jujur, yang selalunya akan menunaikan segala perjanjian demi untuk kepentingan rakyat. *[Tepuk]*

Tuan Pengerusi : Sudah habis, Yang Berhormat? Yang Berhormat beri jalan kepada dia atau apa?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Sudah habis.

Tuan Pengerusi : Sudah habis. *[Ketawa]* Sudah habis, Yang Berhormat .

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM12,780,000 untuk Maksud B.26 di bawah Kementerian Pendidikan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM12,780,000 untuk Maksud B.26 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Maksud B.28 [Jadual] -
Maksud P.28 dan P.32 [Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.3) 1995] -**

Tuan Pengerusi: Kepala B.28 dan P.28 dan P.32 di bawah Kementerian Kewangan terbuka untuk dibahas. Ya, Kepong.

5.49 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, menyentuh Maksud B.28, PERWAJA baru-baru ini, Ketua Pengurusnya Tan Sri Eric Chia telah mengumumkan hendak meletakkan jawatan. Saya nampak beliau telah membuat beberapa usaha untuk membolehkan PERWAJA berfungsi sebagai satu kompleks, satu syarikat raksasa untuk mengeluarkan bahan-bahan besi waja di negara ini. Memang saya pun tidak tahu sebab-sebab beliau hendak letak jawatan.

Bolehkah kementerian menerangkan sama ada dengan perletakan jawatan Tan Sri Eric Chia ini, seorang ketua pengurus baru dilantik untuk jawatannya dan juga sebab-sebab Tan Sri Eric Chia mengundurkan diri daripada satu kompleks yang dibina oleh inisiatifnya?

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat adakah sangkut dengan....

Dr. Tan Seng Giaw: Ada, memang sangkut kerana ini pinjaman....

Tuan Pengerusi: ...duit ini bayaran faedah.....

Dr. Tan Seng Giaw:pinjaman PERWAJA .

Tuan Pengerusi: di atas pinjaman PERWAJA, Terengganu.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, memang.

Tuan Pengerusi: Tan Sri Eric Chia berhenti atau tidak berhenti, itu tidak bersangkut.

Dr. Tan Seng Giaw: Memang ada kena-mengena, Tuan Pengerusi, kerana dia membuat banyak cadangan termasuk syarikat-syarikat

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat , tidak sangkut itu.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, saya akan membangkitkan masalah yang bersangkut-paut dengan PERWAJA. Sebab Tan Sri Eric Chialah yang mengadakan satu penyelidikan atau satu kajian dengan Standard and Industrial Research Institute of Malaysia (SIRIM) untuk mengadakan satu kajian ke atas tepung besi, salah satu sisa industri besi waja dari PERWAJA Terengganu.

Saya diberitahu satu perjanjian telah pun diadakan di antara SIRIM dengan PERWAJA Terengganu untuk mengkajinya. Ini memang relevan, Tuan Pengerusi, memang relevan kepada kilang PERWAJA. Tuan Pengerusi pun tahu sebab Tuan Pengerusi dari semasa ke semasa pergi ke Terengganu dan menyaksikan ...

Tuan Pengerusi: Tidak sangkut itu.

Dr. Tan Seng Giaw: Memang sangkut [*Ketawa*] dan ini adalah satu inisiatif yan dibuat oleh bekas Ketua Pengurus untuk menggunakan tepung besi

yang menjadi sisa kepada industri tersebut. Kononnya kalau kajian ini berjaya tepung besi ini boleh digunakan untuk pelbagai kegunaan termasuk welding, untuk cutting, carving, lancing operation, juga untuk pharmaceutical, enrichment of food dan sebagainya.

Saya minta kementerian untuk menerangkan sama ada kajian itu telah dilaksanakan ataupun selepas perjanjian ini ada tempoh untuk melaksanakan kajian ini. Ini adalah satu perkara yang baik juga.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, perkara ini memang sangat kait-mengait dengan PERWAJA Terengganu, kerana dengan teknologi tinggi (hi-tech) ini memang mereka memerlukan kakitangan yang hi-tech juga, yang mempunyai pengetahuan mengenai teknologi tinggi. Tetapi dengan syarikat-syarikat seperti ini, penghijrahan 'brain', penghijrahan kakitangan itu sangat besar. Misalnya kakitangan yang bekerja dengan Syarikat PERWAJA Terengganu mereka bekerja di situ, mungkin satu dua tahun atau lima tahun sehingga mencapai satu tahap teknologi yang tinggi dan mereka itu berhijrah ke syarikat-syarikat yang lain. Ini memang satu amalan di negara ini bukan sahaja untuk hi-tech, bahkan untuk syarikat-syarikat yang lain iaitu mobiliti untuk kakitangan itu sangat besar dan apakah rancangan untuk melatih kakitangan dalam PERWAJA Terengganu dan untuk memastikan mereka ini tidak berhijrah kepada syarikat-syarikat yang lain dengan begitu mudah. Ini menjadikan satu masalah di kalangan syarikat raksasa seperti ini.

Tuan Pengerusi, mengenai Jabatan Hasil Dalam Negeri, pembinaan akademi percukain negara dan juga untuk komputer yang baru, bagi memodenkan satu sistem hasil push untuk Jabatan Hasil Dalam Negeri.

Saya hendak bertanya kepada kementerian itu, di manakah akademi ini diadakan kerana Butiran yang diberi di dalam Kertas Perintah 20 ini adalah tidak menyatakan di mana akademi percukaian negara ini akan diadakan dan apakah bentuk akademi percukaian negara? Memang negara ini yang semakin hari, semakin maju dan bilangan individu ataupun syarikat yang membayar cukai itu bertambah, bukan sahaja bertambah bahkan juga percukaian menjadi lebih sofistikated dengan teknologi yang moden, komputer yang moden dan sebagainya dan mengadakan satu akademi, memanglah sesuai untuk melatih kakitangan supaya menjadi lebih mahir di dalam bidang percukaian.

Sebenarnya kalau kita bandingkan jabatan-jabatan yang lain, Jabatan Hasil Dalam Negeri memang mempunyai mutu atau standard kakitangan yang tinggi, tetapi kadang-kala di dalam kehairahan untuk mengutip cukai itu, memang ada kadang-kala mengeluarkan notis ataupun surat yang salah juga. Walau bagaimanapun, bolehkah kementeriannya menerangkan di mana akan diadakan akademi percukaian negara dan jumlah kos untuk akademi tersebut?

Akhir sekali saya ingin menyentuh mengenai Composite Technology Research of Malaysia (CTRM) ini. Saya tidak menafikan bahawa kita mesti menambahkan peruntukan untuk penyelidikan. Pada biasanya peruntukan itu datang daripada pihak swasta, tetapi ini pihak kerajaan sendiri mengeluarkan kira-

kira RM29 juta untuk CTRM ini. Di dalam Butiran ini adalah tidak lengkap kerana saya pun tidak begitu faham mengenai pembangunan teknologi berasaskan bahan komposit. Bolehkah pihak kementerian menerangkan apakah yang dimaksudkan sebagai 'CTRM'? Memang pada prinsipnya penyelidikan dan pembangunan R&D adalah penting untuk negara ini bukan sahaja untuk MKD, untuk CTRM bahkan juga untuk syarikat-syarikat swasta. Walau bagaimanapun dengan peruntukan yang begitu banyak untuk penyelidikan, saya berharap pihak kementerian dapat menerangkan dengan Butiran yang lebih lengkap. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Kementerian menjawab.

5.58 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]: Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih juga kepada Yang Berhormat dari Kepong yang telah pun mengambil bahagian dalam perbahasan di bawah Maksud B. 28 - Perbendaharaan.

Sebagaimana yang kita sedia maklum bahawa tujuan dan objektif yang kita telah bincangkan dahulu mengenai Syarikat PERWAJA ini adalah untuk memenuhi kekurangan besi keluli pada masa itu, mewujudkan barang pengganti kepada import besi keluli, bagi mengurangkan jumlah import besi keluli, pemindahan kepakaran dan teknologi di negara terutamanya negara Jepun dan juga menubuhkan industri-industri di kawasan-kawasan kurang membangun.

Saya bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Kepong tadi bahawa Tan Sri Dato' Eric Chia telah pun membuat banyak perubahan kepada PERWAJA yang dahulunya tidak dapat berjalan dengan lancar. Apabila beliau mengambil tugas ini untuk menerajui PERWAJA, Tan Sri Dato' Eric Chia telah pun mengembangkan sayapnya dari beberapa syarikat-syarikat di bawah PERWAJA.

Seperti yang saya hendak maklumkan kepada Yang Berhormat dari Kepong bahawa syarikat-syarikat yang telah ditubuhkan semasa tempoh perkhidmatan Tan Sri Dato' Eric Chia ialah Perwaja Steel Sdn. Bhd., iaitu loji yang sedia ada. Selepas itu menubuhkan kilang pengurangan langsung dan telah pun siap pada tahun 1994, kilang penggulung telah pun siap pada tahun 1994, Perwaja Rolling Mill and Development Sdn. Bhd.. Ini loji jejaring yang dikatakan semalam oleh Yang Berhormat dari Kepong akan siap pada akhir tahun 1995 ini. Loji peleburan besi akan siap pada tahun 1996, loji rusuk dan section akan siap pada tahun 1996.

Selain daripada itu, Tan Sri Dato' Eric Chia juga telah mewujudkan Syarikat Perwaja Steel Conditioning Sdn. Bhd., loji pemprosesan dawai. Ini pun akan siap pada tahun 1995, loji pemprosesan paku yang juga akan siap pada tahun 1995. Perwaja Reality and Development Sdn. Bhd., Skim Perumahan Perwaja yang telah pun dibina iaitu perumahan untuk kakitangan di Kemaman dan Gurun. Perwaja Haulage Sdn. Bhd., pengangkutan trak, Perwaja Steel Sdn. Bhd., DR Plant, Rolling dan sebagainya, Perwaja Rolling Mill Sdn. Bhd. and Perwaja Development Sdn. Bhd., ini membuat wire match plant, upgrading steel making

shop, Beam and Section Mill Plant yang akan siap pada tahun 1996, Perwaja Steel Conditioning Sdn. Bhd., Wire Furnishing Plant, Perwaja Reality Development Sdn. Bhd., Perwaja Group Housing Scheme di Kemaman dan Gurun.

Jadi, sepertimana Yang Berhormat kata tadi, kerajaan berterima kasih kepada kegigihan dan leadership quality yang ada pada Tan Sri Dato' Eric Chia. Beliau dilantik pada tahun 1988 sebagai Pengarah Urusan Perwaja untuk membangunkan semua projek yang telah dijalankan oleh beliau. Dalam tempoh masa 6 tahun, Tan Sri Dato' Eric Chia telah dapat membangun projek-projek berkenaan. Walau bagaimanapun, beberapa kali Tan Sri Dato' Eric Chia telah pun meminta kepada kerajaan untuk beliau mengundurkan diri kerana beliau hendak berkhidmat di tempat lain ataupun berkhidmat dengan diri sendiri dan untuk membuka investmentnya sendiri. Pada akhirnya, selepas berkali-kali beliau meminta kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk beliau dilepaskan, akhirnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melepaskan beliau. Kita catatkan semua kegiatan beliau yang telah dijalankan.

Mengenai tepung besi R&D dan bila akan bermula dan sebagainya. Sepertimana Yang Berhormat dari Kepong sedia maklum bahawa perkara ini ialah yang dikatakan heavy industries dan kita memerlukan R&D dan Siding sedang menguji pendapatan-pendapatan daripada ujian-ujian yang berkenaan.

Mengenai penghijrahan kakitangan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kepong, saya rasakan kalau kita lihat dari segi semangat kekitaan yang ada pada kakitangan Perwaja boleh kita katakan ala-Jepun, di mana mereka

pada pagi hari akan bersenam, akan menaikkan bendera, akan menyanyikan lagu korporat mereka, pakai uniform dan sebagainya. Saya rasakan Tan Sri Dato' Eric Chia sungguh mengambil berat tentang work ethic yang ada kerana kita tahu bahawa pekerja-pekerja kita selalunya tidak begitu berminat. Kadang-kadang perkara ini menyebabkan kesusahan dari segi Personel Managers untuk menguruskan personelnya, tetapi Tan Sri Dato' Eric Chia telah menanamkan semangat yang sebegitu rupa. Ini adalah merupakan satu kebanggaan kepada Perwaja sendiri, di mana saya rasakan beliau telah pun membuat perumahan dan sebagainya di Kemaman dan di Gurun. Orang-orang lain semua takjub dengan keupayaan beliau pergi sampai ke peringkat bawah untuk mendengar permasalahan-permasalahan yang disuarakan oleh kakitangan beliau. Inilah salah satu semangat yang diuji. Saya rasakan kalau kita mengatakan penghijrahan kakitangan ke tempat lain apabila mereka telah meningkat keupayaan, untuk Perwaja ini, saya rasa amat berkurangan kalau dibandingkan secara relatifnya dengan korporat-korporat yang lain.

Mengenai JHDN, Yang Berhormat dari Kepong menanya di bawah Maksud P.32, pagi tadi baru saya dapat lokasinya kebetulan, iaitu lokasinya ialah di Bangi, berdekatan dengan Kolej MRSM, MARA, iaitu berdekatan bertentangan dengan tol hendak masuk ke Kajang daripada highway.

Sebagaimana yang kita sedia maklum bahawa institusi yang akan dibuat atau dibina ini bukan sahaja untuk kita sendiri, oleh kerana dasar kerajaan ialah untuk menyemarakkan lagi interchange of ideas dengan negara-negara jiran, kita

berharap nanti dasar kerajaan yang menyemarakkan pendidikan bagi negara kita untuk membantu negara-negara lain akan juga berhasil. Di sini saya bandingkan dengan pusat latihan seperti INTAN misalnya, Pusat Latihan Kastam misalnya dan pusat latihan yang akan kita bina. Kita juga menjemput kakitangan-kakitangan daripada negara ASEAN untuk bersama-sama berkecimpung dan bertukar-tukar fikiran untuk mendapatkan manfaat daripada apa yang telah kita pelajari dan apa yang telah kita buat.

Mengenai push yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, saya juga menyokong bahawa kita hendaklah bersetanding, sepertimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat semalam hendak mengadakan internet dan sebagainya. Kalau dahulu jabatan kerajaan menggunakan type-writer, sekarang kita ada komputer. Selepas ada komputer, kita hendakkan perisiannya pula, software yang canggih, dan selepas itu kita akan adakan internet, saya rasa ini akan menuju ke arah itu kesudahannya nanti.

Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Kepong yang telah memberikan idea-idea yang bernas. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM11,600,000 untuk Maksud B.28 di bawah Kementerian Kewangan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM11,600,000 untuk Maksud B.28 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM29,061,867 untuk Maksud P.28 dan RM7,100,000 untuk Maksud P.32 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga bagi tahun 1995 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM29,061,867 untuk Maksud P.28 dan RM7,100,000 untuk Maksud P.32 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.3) 1995.

Maksud B.35 [Jadual] -

Maksud P.37 dan P.40 [Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.3) 1995] -

Tuan Pengerusi: Kepala B.35 dan P.37 dan P.40 di bawah Kementerian Dalam Negeri terbuka untuk dibahas. Batang Lupar.

6.01 ptg.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin membahaskan Maksud B.35 - Kementerian Dalam Negeri. Peruntukan RM3,736,930 adalah dikehendaki untuk menampung perbelanjaan mengurus Pasukan Petugas Anti Dadah. Dipindah daripada Jabatan Perdana Menteri ke Kementerian Dalam Negeri.

Tuan Pengerusi, sebagaimana kita menerima hakikatnya, iaitu gejala dadah masih menjadi satu gejala yang boleh mendatangkan kemudaratan kepada negara

kita dan perlu diambil tindakan khusus untuk mengatasi dan membendunginya. Ini untuk menjamin belia-belia negara kita tidak terjerumus dengan gejala ini.

Tuan Pengerusi, dadah sepertimana yang kita banyak melibatkan anak-anak bangsa Melayu. Ini sangatlah menyedihkan, tetapi dalam masa setahun ini persoalan dadah sedikit-sedikit sahaja terkeluar dalam media cetak ataupun media televisyen (elektronik) tetapi banyak benda-benda lain sudah mengambil alih the forefront sebagai publisiti, adakah ini bermakna gejala dadah ini sudah berkurangan, semenjak tahun 1993, 1994, 1995 adakah tindakan pihak-pihak polis, tindakan pihak pasukan petugas khas anti dadah telah memberi kesan kepada penagihan dadah di negara kita.

Bagaimana pula kesan daripada segi undang-undang dan tindakan kita yang positif daripada membendung keadaan gejala dadah di negara ini. Kalau tidak, kenapakah kempen-kempen dadah ini jarang-jarang sekali didengar selain apa yang berlaku di Jalan Chow Kit, mungkin hendak membersih Jalan Chow Kit tetapi saya dengar penagih-penagih dadah berpindah daripada Jalan Chow Kit ke rumah-rumah berasingan di luar-luar bandar di outskirts, dengan izin, jadi bagaimanakah tindakan pihak polis tugas khas dadah untuk mengesan mereka ini, lari daripada Jalan Chow Kit dan berpindah ke tempat lain pula. Dan bagaimanakah kedudukan statistik yang ada pada masa sekarang.

Tuan Pengerusi, daripada Maksud B.35 saya berpindah kepada perkara yang lain, saya pun tidak bercakap panjang sangat, bukan macam Kepong. Maksud P.37 ini tambahan sebanyak RM28,303,500 dikehendaki untuk membiayai

projek mempertingkatkan sistem pengkomputeran dan projek Image Retrieval and Identification System (RIS) bagi passport antarabangsa Malaysia.

Tuan Pengerusi, passport Malaysia ini memang mahal, orang curi passport Malaysia ganti gambar baru dijual daripada RM30,000 sampai RM50,000 harganya. Saya ada seorang dua kawan mengatakan passport di jual di luar negeri dengan harga yang sedemikian. Jadi, saya memang menyokong apa-apa tindakan untuk mempertingkatkan kualiti passport, untuk mempertingkatkan satu sistem passport ini supaya kurang pengubahsuaian untuk digunakan oleh mereka yang tidak bertanggungjawab untuk diguna dengan tindakan ataupun perbuatan yang kurang baik, mungkin akan mencemarkan nama negara kita.

Tuan Pengerusi, yang saya ingin bertanya di sini ialah soal mempertingkatkan sistem ini. Soalan komputer ini, Tuan Pengerusi, dua macam, satu software dan satu hardware. Kita biasanya apabila hendak membeli komputer ataupun membeli apa sahaja oleh pihak kerajaan ialah dengan menggunakan tender oleh kerana kita terpaksa akur patuh dengan arahan Treasury Instruction, umpamanya. Tetapi saya telah diberitahu, komputer kalau hendak buat menggunakan tender, specification tender itu akan dipenuhi pihak penender. Apabila benda itu diinstall nanti didapati komputer tidak memuaskan ataupun mencukupi kehendak-kehendak jabatan, ini telah berlaku semasa pengkomputeran ROC dahulu iaitu pada tahun 1993 kalau tidak salah saya, dibeli RM4 juta lebih selepas itu peningkatan dengan RM4 juta lebih. Jadi, saya berhubung dengan pihak-pihak syarikat yang tertentu, saya ada juga terlibat dengan komputer ini

sedikit, jadi mereka kata, kadang-kadangnya pihak company yang buat tender komputer ini ditender in such a way to satisfy a requirements jabatan kerajaan yang tertentu tetapi belum memuaskan untuk keperluan jabatan itu.

Jadi, dengan sendirinya apabila jabatan itu menggunakan komputer ini nanti, baru dia mendapati yang komputer itu tidak memuaskan dan tidak mencukupi. Apabila tidak mencukupi dia up-grade ataupun mempertingkatkan. Soalan mempertingkatkan, Tuan Pengerusi, dengan sendirinya sistem lama terpaksa dialih dan diganti dengan sistem baru.

Jadi, dengan sendirinya apa yang saya katakan di sini ialah sepatutnya komputer terutama sekali software system sepatutnya jangan menggunakan TI, negotiate Tuan Pengerusi, secara berunding dengan pihak supplier. Hardware kita boleh supply kerana kita boleh angkat macam kerusi meja benda itu, simpan di sana tetapi soalan software ini kadang-kadang tidak mencukupi keperluan jabatan yang berkenaan.

Jadi, saya bertanya dengan pihak Kementerian Kewangan sama ada benda ini boleh disesuaikan, oleh kerana komputer ini benda yang unik, hari ini dia up-to-date, besok hari sudah out-of-date. Jadi, benda ini berubah dalam masa satu hari dia berubah, there is no such thing computer is up-to-date. Hari ini besok semuanya sudah habis ceritanya.

Jadi, hari ini kita pakai Window 95, besok barangkali Window sembilan puluh berapa lagi, kita tidak tahu. Jadi, saya berharaplah pihak kerajaan memikirkan cara mengatasi soalan komputer yang tidak perlu, kalau kita telah buat

tidak perlu di up-grade lagi untuk tujuan yang sama, tujuan yang asal, dalam keadaan yang sedemikian bolehlah kita mendatangkan hasil kepada kerajaan secara indirect iaitu sekali supply boleh diguna bertahun-tahun, kalau perlu pun sekurang-kurangnya empat tahun. Lima tahun selepas itu kita hendak up-grade semula, tetapi kalau benda yang diguna untuk satu perkara sahaja, Tuan Pengerusi, tidak perlulah.

Tuan Pengerusi, saya berharap kerajaan boleh memikirkan soalan ini sama ada boleh ataupun tidak saranan yang saya sebut itu diimplementasikan, tidak payahlah tender, TI itu kita sendiri yang buat, kita sendiri boleh ubah asalkan mendatangkan hasil kepada jabatan kerajaan dan masyarakat yang membuang duit kerajaan.

Tuan Pengerusi, yang ketiga, Maksud P.40, sudah lima belas minit, saya boleh tunggulah sampai besok. Ini tambahan sebanyak RM45,414,000 adalah dikehendaki untuk membiayai bayaran kemajuan projek Penjara Sungai Buloh, projek pembelian rumah swasta bagi Penjara Kota Kinabalu.

Pihak wakil-wakil daripada Sabah sepatutnya berterima kasih kepada kerajaan, dari Sungai Buloh pergi ke Kota Kinabalu, Kuching dilupa pula, tidak berterima kasihkah macam itu?

Tuan Pengerusi, saya menyokong soalan pembinaan dan pembangunan penjara kerana sebagaimana yang kita tahu sekarang, orang tidak bercerita lain, dia cerita hal human rights, keselesaan bukan sahaja manusia sejagat, manusia yang

bebas macam kita tetapi manusia bila dia masuk ke dalam penjara itu mesti diberi kemudahan yang indah.

Tuan Yunof Edward Maringking: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Ya, Tuan bangun.

Tuan Yunof Edward Maringking: Tuan Pengerusi, saya minta penjelasan daripada Ahli Yang Berhormat dari Batang Lumar, dia kata berterima kasih tentang penjara. Tentang adanya peruntukan ini kita bersyukur dan memang berterima kasih kepada Kerajaan Persekutuan, tetapi yang kita tidak berterima kasih ialah walaupun dengan peruntukan yang begini banyak belum tentu cukup untuk menampung keperluan rakyat asing yang dipenjarakan.

Tuan Pengerusi, jadi ini kita belum boleh berterima kasih lagi, harus diperbanyakkan lagi tindakan-tindakan untuk mengelakkan orang-orang dipenjara terutama pendatang asing.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Nanti sekejap, kita ada satu Usul Yang Berhormat. Ada satu Usul hendak memanjangkan mesyuarat hari ini. Majlis bersidang semula sebagai Majlis Mesyuarat.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBAHKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar]:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga pukul 8.45 malam.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Dr. Ibrahim bin Saad]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Usul yang menyatakan Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 8.45 malam hendaklah dipersetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan tangguhkan sehingga pukul 8.45 malam.

**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN
(1995)(NO.2)(1955)**

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMB.) (BIL.3) 1995

Perbahasan disambung semula.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

Tuan Pengerusi: Batang Lupar, sila.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tadi, Tuan Pengerusi, bila kita mula membahaskan peruntukan untuk hari ini wakil dari Tanjong bercakap begitu garang, begitu ghairah dan begitu radang. Selepas itu bangun rakan saya dari Tuaran, dia rasa sedih kerana keadaan yang begitu tidak sedap di hati dia, jadi dalam hati saya - terima kasih kepada rakan saya ini at least to give sense to senseless and orderly to the orderliness. Tetapi sekarang, kawan saya ini inconsistency dia macam-macam. Dari tadi orang sudah beri tahu, buat universiti kita bermula daripada tiang, dari foundation, Yang Berhormat. Cerita Aladdin memang boleh buat, zoom - satu kali, bangunan siap. Ini semua imaginasi orang. Apa benda yang kita hendak buat, kita buat dengan preparation, foundation dahulu, lepas itu tiang, dinding, lepas itu isi benda di dalam. Jadi, dalam keadaan demikian kita bermula dengan peruntukan ini. Kalau Yang Berhormat tengok peruntukan untuk Kota Kinabalu, pembelian rumah swasta bagi penjara Kota Kinabalu, jadi, dengan sendirinya peruntukan ini untuk mengisi kekosongan yang

mungkin diperlukan pada ketika ini dan mungkin pada ketika ini ia sudah mencukupi.

Kalau tidak mencukupi, kerajaan kita mesti pragmatik, sangat pragmatik. Dia akan mengikut keadaan, kita akan bina apa yang perlu. Jadi, dalam keadaan yang demikian itulah sebab saya kata terima kasih, kerana baru-baru ini kita tengok di Kota Kinabalu, bukan kita katakan perkara yang jahat itu berlaku di sana sahaja Yang Berhormat, kerana banyak masalah lanun, masalah-masalah pelarian dan baru-baru ini orang ditangkap kerana membuat pasport dan I/C palsu dan sebagainya, Jadi, kita kena pertingkatkan pula kerana kalau tidak diperbaiki kedudukan mereka ini, Yang Berhormat sendiri atau pun rakan yang berdekatan dengan Yang Berhormat itu - shouting and yelling di sini nanti mengatakan 'inhuman treatment'. Jadi, kita perlu mengelakkan perkara-perkara yang sedemikian.

Dalam keadaan yang demikian kita mesti berterima kasih kepada kerajaan yang peka, kerajaan yang sedia memberi bantuan dengan apa cara sekalipun, walaupun penjara, Yang Berhormat.

Jadi, penjara kita sekarang bukanlah penjara zaman dahulu, penjara yang kata orang - bukan di negara kita tetapi di negara jiran, kalau kita masuk dalam penjara itu hendak duduk pun tidak boleh, berdiri pun susah, hendak 'guring' lebih lagi. Jadi, keadaan macam ini orang kata sudah banyak - misalnya Amnesty International, NGO-NGO yang peka dengan perkara ini dan macam-macam lain. Jadi, kita tidak hendak dicaci, oleh itu Penjara juga kita kena perbaiki dan

kemudahan dipertingkatkan. Jadi, ini mesti di buat untuk memperbaiki nama negara kita di luar negara. Jadi, kalau kurang baik, Yang Berhormat sendiri yang akan buat, kerana pembangkang memang selalu buat macam ini. Mungkin Yang Berhormat tidak buat, tetapi orang lain buat - rakan-rakan Yang Berhormat.

Tuan Yunof Edward Maringking: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Tuanan bangun.

Tuan Yunof Edward Maringking: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya sentuh tadi tentang Penjara, barangkali sahabat saya dari Batang Lupar tidak tengok apa yang diperuntukan di Bawah Maksud 40 - ini pembelian rumah swasta dan untuk pengetahuan Ahli dari Batang Lupar, saya tahu di mana rumah ini. Ia dekat rumah mertua saya dan ia dilakukan oleh pihak swasta yang sudah terbengkalai begitu lama. Dan sekarang kerajaan pula datang untuk membantu, saya tidak tahu kenapa? Tidakkah RM45 juta ini boleh membuat satu kondominium di kawasan Penjara untuk menampung keperluan Penjara dan juga kakitangan.

Jadi, saya tidak tahulah kalau Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar tidak tahu keadaan sebenar - baiklah buat siasatan dahulu, terima kasih.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Sebenarnya Tuan Pengerusi, saya tahu, tetapi fakta Yang Berhormat Tuanan ini salah sedikit. Kalau fakta yang kita tengok RM45,400,000.00 lebih ini - untuk Penjara Sungai Buloh dan Projek Pembelian Swasta di Kota Kinabalu. Jadi, bukan semuanya untuk Kota Kinabalu ini. Itu yang pertama - salah satu faktanya. Kedua, saya minta maaf, tanya dengan

Timbalan Menteri Kewangan yang mengagihkan RM500 juta untuk membiayai projek yang tergendala - untuk pihak swasta sendiri, tetapi ini secara indirectly bukan sahaja menolong orang Sabah dalam projek yang telah tergendala, tetapi mendatangkan hasil kepada kerajaan.

Yang Berhormat patut berterima kasih, dengan rumah yang terbengkalai yang mungkin didiami oleh penghisap dadah, pelarian dan sebagainya yang dibina menjadi satu tempat yang indah dan baik. Dan menolong pihak swasta di Sabah membina benda yang terbengkalai. Kalau saya macam Yang Berhormat, 10 kali terima kasih, kalau kecil tapak tangan, nyiru saya tadahkan.

Tuan Pengerusi: Ada yang lain-lain lagi, Yang Berhormat? Cukuplah, tentang itu cukuplah.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Ada Tuan Pengerusi, tetapi satu soalan tentang penjara ini, walau bagaimana bentuk penjara pun yang kita hendak binakan, tetapi pegawai yang menjadi kakitangan dalam penjara itu mesti dibina dari segi moral, agama dan pendirian mereka. Kerana banyak perkara yang berlaku dan apakah jaminan kerajaan supaya orang yang masuk dalam penjara, mula-mula jadi pencuri, keluar - bila habis term penjaranya, bukan sahaja pencuri, tetapi juga menjadi penghisap dadah. Jadi, mestilah diambil kira tentang pegawai-pegawai penjara - beri latihan yang betul supaya Penjara itu jangan menjadi 'dadah centre' - kata orang dari United Nation.

Jangan jadi 'dadah centre' dan pegawai-pegawainya betul-betul menjalankan tugas mereka. Jadi, saya berharap latihan yang diberi kepada pihak

Pegawai Penjara bukan sahaja dari segi disiplinnya, bukan sahaja dari segi macam mana hendak berbaris, macam mana hendak salute, macam mana hendak terima gaji - dahulu terima gaji pun kena beri tabik, angkat tangan, lepas itu angkat macam ini (*sambil menadahkan tangan*). Lepas terima duit baru sign. Jadi, macam itulah. Jadi, bukan itu sahaja, tetapi disiplin dirinya, keutuhan disiplin dalaman - mesti diberi latihan, diberi pengetahuan keagamaan supaya jangan mereka ini menjadi pengedar dadah dalam penjara. Orang yang dalam penjara itu bila keluar dengan harapan menjadi baik, jangan jadi penghisap ganja dan penagih dadah selain daripada bekas pencuri, bekas perompak dan bekas pembunuh.

Jadi, saya berharaplah latihan jasmani kepada pegawai penjara mesti dipertingkatkan di samping kita mempertingkatkan bangunan-bangunan penjara itu supaya penjara itu tidak dihantui oleh pegawai-pegawai itu.

Ini saya bukan mengecilkan tindakan Director-General Dato' Zaman sekarang. Dia memang baik. Saya ingat memang susah hendak cari pegawai macam dia, peka dan tahu apa dia buat. Bukan pendekatan yang baik, semua saya dengar, dia keluar dalam TV3, saya tengok, saya hendak pergi kerja pun tunggu sekejap sebab hendak dengar dia.

Jadi, oleh kerana itu, Tuan Pengerusi, apa yang saya sebut tadi dengan secara ikhlas, bukan macam Yang Berhormat Tuaran pun kadang-kadang tidak ikhlas. Ikhlas saranan saya ini diambil kira apabila membina penjara-penjara ini tadi.

Tuan Pengerusi, saya menyokong.

Tuan Yunof Edward Maringking: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Duduk, Yang Berhormat. Yang Berhormat Tuaran bangun hendak berucapkah? Dia sudah duduk. Tenom hendak berucapkah? Tidak. Sila, selepas itu Menteri menjawab.

6.31 ptg.

Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria [Jerantut]: Tuan Pengerusi, terima kasih di atas peluang yang diberikan kepada saya untuk memberikan sedikit sebanyak pandangan berkenaan dengan Maksud P.37 dan B.35.

Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Jabatan Imigresen kerana telah mengambil langkah untuk mempertingkatkan sistem pengkomputeran dan projek Image Retrieval and Identification System bagi Pasport Antarabangsa Malaysia.

Pada masa ini, saya difahamkan oleh pihak Pelancongan Malaysia bahawa sungguh susah untuk mendapatkan angka-angka ketibaan pelancong daripada Jabatan Imigresen. Kalau di Singapura, kita boleh dapatkan angka pelancong yang masuk ke Singapura by the day tetapi di Malaysia, untuk Semenanjung Malaysia kita dapati bahawa angka-angka ketibaan pelancong hanya boleh didapati setelah lebih kurang 3 minggu selepas sesuatu bulan itu berakhir di Semenanjung Malaysia. Tetapi di Sabah dan Sarawak, saya difahamkan angka untuk ketibaan pelancong tidak dapat sehingga dua, tiga bulan selepas beberapa bulan berakhir.

Saya berharap dengan adanya peningkatan pengkomputeran ini, maka angka-angka pelancong dapat diadakan secepat mungkin. Kalau tidak dapat dalam masa within the day, maknanya dalam sehari, dua dan selepas itu pun saya rasa sudah amat baik sekali.

Di bawah Maksud B.35, sebanyak RM3,736,970.00 dari segi untuk pengurusan Pasukan Petugas Antidadah. Apabila kita memperkatakan dadah, masyarakat akan fokus kepada Lorong Haji Taib, Chow Kit, kota Kuala Lumpur dan kota-kota besar yang lain. Sebenarnya saya rasa dari segi dadah ini, ia bukan hanya wujud di kota-kota besar dan di bandar-bandar besar. Penyakit penagihan dadah dan penyakit penjualan pengedaran dadah ini telah pun menular di kawasan-kawasan pedalaman, kampung dan di kawasan-kawasan FELDA. Di kawasan saya ada 14 kawasan FELDA dan salah satu penyakit sosial yang dihadapi oleh masyarakat FELDA ialah penyakit penagihan dadah ini.

Jadi, saya berharap kepada pasukan petugas Antidadah ini, bukan hanya concentrate atau menumpukan perhatian kepada kota Kuala Lumpur mahupun kota-kota besar yang lain tetapi menumpukan juga perhatian yang sama ke kawasan pedalaman dan kawasan-kawasan FELDA di mana wujudnya 99% orang-orang Melayu khususnya di kawasan FELDA, yang sekarang ini dengan adanya peningkatan hasil kelapa sawit dan juga getah, boleh jadi ada co-relation kepada peningkatan penagihan dadah.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Seharusnya saya rasa, pasukan petugas Antidadah ini mengambil berat oleh kerana pengedar-pengedar dadah ini telah pun pergi ke kawasan-kawasan kampung, desa dan kawasan-kawasan FELDA untuk memastikan mereka ini mendapat pasaran daripada anak-anak muda Melayu yang tinggal di tempat-tempat tersebut.

Jadi, saya berharaplah kepada pasukan petugas Antidadah yang telah pun ditukarkan dari Jabatan Perdana Menteri ke Kementerian Dalam Negeri agar berusaha bersungguh-sungguh untuk menangani masalah ini dan memastikan penularan penagihan dadah ini dapat disekat dan kalau boleh terus dihapuskan.

Itu sahajalah, Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Timbalan Menteri diminta jawab.

6.35 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Tuan Ong Ka Ting]: Tuan Pengerusi, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dan telah memberikan pandangan yang membina di dalam Perbekalan Tambahan yang berkaitan dengan Kementerian Dalam Negeri.

Yang Berhormat dari Batang Lupar dan Jerantut telah sama-sama membangkitkan hal dadah. Saya ingin menerangkan di sini bahawa gejala dadah dan juga kegiatan dadah buat masa kini masih dianggap serius di kalangan masyarakat Malaysia dan saya telah pun terangkan kerana lokasi negara kita, keadaan ekonomi, sempadan darat dan perairan semuanya faktor-faktor seumpama

itu, lokasi kita juga berdekatan dengan Segi Tiga Emas telah menyebabkan Malaysia ini terdedah kepada ancaman najis dadah ini.

Walaupun bagaimanapun, pihak penguatkuasa terutamanya Kementerian Dalam Negeri dengan adanya usaha kerajaan menempatkan semula PPAD di bawah Kementerian Dalam Negeri adalah bertujuan supaya penyelarasan penguatkuasaan, perancangan dan usaha-usaha mencegah ataupun memerangi dadah ini akan jadi lebih berkesan dan setelah PPAD ataupun Pasukan Petugas Antidadah ini ditempatkan di bawah Kementerian Dalam Negeri, walaupun baru beberapa bulan yang lalu, kita telah nampak kesan hasilnya.

Dengan kerjasama antara Cawangan Antidadah Polis dengan PPAD dan juga penguatkuasa-penguatkuasa yang lain, pihak kementerian dan juga pihak polis telah dapat terus menangkap ramai daripada pengedar-pengedar dadah, kita berjaya menumpaskan sindiket-sindiket yang boleh dikatakan besar. Baru-baru ini satu sindiket yang polis telah kenalpasti dan telah mencari ketuanya dalam setahun, dua yang lalu telah berjaya ditangkap. Saya rasa Yang Berhormat-Yang Berhormat pernah dengar insiden polis telah masuk ke Hotel Ming Court itu. Sebenarnya ketua sindiket itu telah ditangkap di hotel itu. Ketua sindiket inilah yang telah terlibat dalam pengedaran dadah bukan dalam kuantiti paket ataupun straw. Beliau ini bertanggungjawab terhadap transaction, dengan izin, sekali sebanyak sehingga 50 paun heroin base dari Thailand dan sebagainya.

Dengan tertangkapnya ketua sindiket ini dan juga beberapa penyokongnya, saya ambil contoh ini mengatakan walaupun mungkin kerana banyak sangat

insiden dan hal-hal yang lain berlaku dari segi publisiti macam tidak nampak sangat kegiatan penguatkuasaan ini. Sebenarnya bukan sahaja tidak diperlahankan bahkan dari masa ke semasa, ianya adalah dipertingkatkan dan tindakan untuk membersihkan bandar-bandar utama ini adalah tetap diteruskan. Itu tidak bermakna luar bandar seperti mana yang disarankan oleh Yang Berhormat Jerantut yang bimbang adakah kita sudah ketepikan luar bandar seperti FELDA dan sebagainya, tidak.

Kegiatan penguatkuasaan dan juga segala kempen antidadah itu tetap kita ambil berat terhadap semua kawasan dalam negara kita. Dalam beberapa bulan ini, kita juga ada membuat tangkapan terhadap pengedar dadah di luar bandar termasuk di kawasan FELDA juga.

Saya ingin memberi jaminan, usaha-usaha ini PPAD dan juga penguatkuasa yang lain akan terus kita jalankan dan sejauh manakah undang-undang pada masa kini berkesan, saya ingin menjelaskan di sini bahawa undang-undang yang kita gunakan itu memang sangat berkesan. Seperti saya telah sebut tadi, ketua sindiket yang telah kita tangkap di Kuala Lumpur itu, kalau tidak kerana baru-baru ini Parlimen telah meluluskan lanjutan Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) dalam sesi yang lalu, kalau tidak ada undang-undang itu, ketua sindiket ini mungkin terpaksa kita bebaskan kerana semua saksi takut sangat kepada ketua sindiket ini dan tidak ada seorang pun akan berani atau sanggup pergi ke Mahkamah untuk mendakwa ketua sindiket itu. Maka dengan adanya undang-undang pencegahan khas, kita berjaya menahan ketua sindiket ini ke dalam pusat pemulihan supaya beliau itu tidak dapat keluar.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Batang Lupar dan juga Yang Berhormat dari Jerantut telah sama-sama menekankan keberkesanan sistem

berkomputer Jabatan Imigresen ini. Suka saya menjelaskan di sini, apa yang kita minta dalam Perbelanjaan Tambahan ini ialah untuk memajukan satu sistem baru iaitu satu sistem yang kerajaan telah luluskan untuk membangunkan sistem ini di dalam Jabatan Imigresen, iaitu kita namakan sistem ini, shortformnya, IRIS. Maksudnya, dengan izin, ialah Image Retrieval and Identification System.

Sistem ini akan membolehkan Jabatan Imigresen untuk mengenalpasti pemegang pasport dan sistem ini akan mencetak pasport yang dilengkapi dengan electronic chips, maknanya electronic chips itu dimasukkan ke dalam pasport. Bukan lagi macam pasport sekarang ini yang mana gambarnya senang dikeluarkan untuk ditukar ganti dengan gambar yang lain.

Sistem ini mungkin dengan mata biasa kita tidak dapat tengok gambar pemegang sebenar, tetapi melalui sistem imigresen, kita boleh tengok gambar pemegang sebenar. Mungkin satu hari nanti, orang lain, dia ingat dia sudah memegang satu pasport, walaupun bukan dia punya, apabila dia keluar, gambar orang lain keluar dan orang itu akan dapat kita kesan dan tangkap. Sistem ini sedang diusahakan dan ianya perlukan perbelanjaan tambahan sebanyak RM23.5 juta setahun untuk menguruskan pasport dan mencetak pasport yang saya sebut tadi iaitu dilengkapi dengan electronic chip.

Kalau sekiranya berjalan dengan licin, Jabatan Imigresen berharap sistem ini boleh diperkenalkan pada tahun hadapan iaitu tahun 1996. Pada masa itu juga kita jangka pasport yang boleh dibaca dengan mesin secara komputer itu pun sudah siap sedia, iaitu readable passport machine. Ini satu lagi usaha yang

telahpun dijalankan. Mudah-mudahan pada tahun 1996 kita boleh gunakan sistem ini.

Sistem ini adalah satu sistem yang dicipta khas oleh seorang rakyat Malaysia. Kita tidak beli sistem ini daripada orang luar, tetapi orang kita sendiri sudah ada saintis yang begitu talented sudah mencipta sistem ini dan kita gunakan sistem ini yang dimajukan oleh syarikat di Malaysia kita sendiri.

Tuan Pengerusi, mengenai penjara yang telah.....

Dr. Maximus Johnity Ongkili: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Bandau bangun.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menyentuh tentang konsep electronic chip dari segi memperkukuhkan lagi keselamatan pasport-pasport kita. Saya ingin minta beberapa penjelasan.

Pertama, khususnya dikatakan tadi bahawa ini adalah buatan saintis negara kita sendiri. Maka saya ingin bertanya, sudahkah sistem ini diuji dari segi room for failure, dengan izin? Adakah ini telah diuji untuk menjamin keselamatan yang lebih bermutu atau lebih tinggi bagi pasport-pasport kita?

Kedua, dengan adanya pemprosesan dan pengeluaran sistem yang baru ini yang dikatakan bermula pada tahun 1996 nanti, adakah ini melambatkan lagi proses pengeluaran pasport-pasport yang dipohon kerana pada saat ini pun, khususnya di negeri-negeri yang terpencil seperti negeri Sabah, telah disentuh tadi oleh Yang Berhormat yang lain bahawa di tempat-tempat ini, kelambatan untuk

mengeluarkan passport-pasport ini adalah begitu ketara sekali. Adakah sistem yang baru ini mempercepatkan pengeluaran permohonan passport ataupun melambatkan?

Yang ketiga, Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri juga....

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, saya rasa soalan Yang Berhormat itu panjang sangat. Mungkin Yang Berhormat boleh soal kemudian, kalau ada peluang.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Pengerusi, sistem ini memang telahpun diuji dan dikaji dengan mendalam sebelum ianya diterima oleh kerajaan. Dari segi masa pemerosesan, saya rasa kalau kita tukar sebarang sistem daripada manual kepada komputer, ianya selalu memakan masa yang lebih singkat. Masa kini, Jabatan Imigresen sebahagian daripada kerja pemerosesannya masih terpaksa bergantung kepada paper work manual. Oleh sebab itu, kita mengambil masa yang lama, seperti mana Yang Berhormat dari Jerantut telah bangkitkan dengan mengatakan Sabah dan Sarawak mengambil masa. Ini semua berkaitan dengan centralised data system - hendak tahu rekod di ibu pejabat, ia mengambil masa.

Saya telah terangkan dua perkara yang lain, iaitu sistem IRIS itu adalah satu passport baru, tetapi sistem pengkomputeran dan readable passport machine itu memang satu usaha pengkomputerisasikan JIM sejak satu dua tahun kebelakangan ini. Sebenarnya, JIM sedang mengadakan satu centralised computer system. Dalam tahun ini pun, boleh dikatakan bahawa usaha itu sudah selesai dan menjelang tahun depan, apabila readable passport machine itu boleh digunakan,

kita boleh katakan sistem itu sudah on-line. Apabila on-line, semua pintu keluar masuk dan Ibu Pejabat Kuala Lumpur boleh menghubungi Sabah, Sarawak dan juga semua Jabatan Imigresen Negeri secara komputer. Saya rasa pemerosesan itu akan mengambil masa yang sangat singkat.

Dr. Tan Seng Giaw: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, Kepong bangun.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, penjelasan. Pertama, mengenai IRIS. Kalau ini berkesan, saya mengalu-alukan. Adakah ini bermakna kerja memalsukan pasport itu boleh dikurangkan ataupun dihapuskan sama sekali dengan sistem IRIS ini. Itu yang pertama.

Yang kedua, saya nampak kaunter-kaunter imigresen, misalnya di Lapangan Terbang Subang ada bertambah sedikit. Itu baik juga. Tetapi, dengan komputer yang moden sekarang, bolehkah proses itu dipercepatkan lagi? Kerana ada tambahan dan ada baik sedikit sekarang kerana kaunter itu sudah bertambah. Tetapi bolehkah kita gunakan alat-alat yang canggih ini, kita cepatkan lagi kerana misalnya, tiap-tiap kali penerbangan dari Singapura iaitu 747 Megatop, ia tiba di Subang, seramai 500 orang yang sampai dan walaupun ada kaunter yang bertambah, kita mesti berbaris panjang. Ini merupakan satu kelemahan.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Pengerusi, memang tujuan utama kerajaan gunakan sistem komputer dan sistem IRIS ini ialah untuk mempercepatkan semua urusan tidak kira di pintu keluar masuk ataupun di pejabat-pejabat, kaunter-kaunter imigresen. Dan saya sebut tadi mesin readable pasport itu apabila boleh

digunakan, mudah-mudahan bila-bila masa dalam tahun 1996. Orang Malaysia keluar masuk, pasport mereka tidak payah lagi pegawai imigresen tekan butang, cari ini, cari itu - hanya pasport itu dibacakan oleh mesin dan terus sudah clear. Orang itu boleh keluar, boleh masuk dan sebagainya. Saya rasa itu tentu akan melicinkan lagi urusan dan begitu juga bagi pemerosesan ataupun pembaharuan pasport atau permohonan pasport yang baharu. Ini semuanya adalah bertujuan ke arah satu negara yang maju, satu negara yang berwawasan, segala keberkesanan itu akan dipertingkatkan.

Mengenai penjara yang telah pun disentuh, tetapi saya dengar tadi nampaknya Yang Berhormat dari Batang Lupar begitu mahir. Begitu bangkit, beliau jawab dan Yang Berhormat dari Sabah pun, apa-apa yang dibangkitkan itu sudah dijawab. Cuma saya hendak jelaskan sedikitlah yang 216 unit rumah swasta untuk Kota Kinabalu itu memakan belanja RM6.5 juta untuk membeli rumah itu dan bukan satu jumlah yang besar. Dengan adanya Akta Penjara yang baru yang telah diluluskan dalam sesi Parlimen yang lalu, Akta Penjara ini telah mempunyai banyak peruntukan untuk melicinkan lagi pengurusan dan pentadbiran penjara. Ini juga termasuk dari segi disiplin. Bagaimana pentadbir penjara boleh mendisiplinkan kakitangan penjara termasuk mengawal keselamatan di dalam penjara, termasuk program-program pemulihan, latihan di dalam penjara - semua itu akan dapat diperbaiki di bawah akta ini kerana akta ini telah dikemaskinikan.

Apa-apa kelemahan yang terdapat pada masa dulu, kuasa Ketua Pengarah tidak begitu jelas untuk mendisiplinkan kakitangan dan beberapa kegiatan yang

dianggap berfaedah itu tidak boleh dijalankan kerana akta itu tidak memberi kuasa. Kali ini sudah kita jelas dan saya yakin dengan adanya Akta Penjara yang baru dan dengan adanya satu pasukan sepertimana Yang Berhormat dari Batang Lupa telah puji, kepimpinan penjara pada masa ini adalah sekumpulan pemimpin penjara yang jujur, yang benar-benar hendak mempertingkatkan prestasi dan imej penjara. Saya rasa penjara Malaysia pada masa-masa yang akan datang tentu akan dapat satu prestasi yang lebih baik.

Saya rasa secara ringkasnya itulah sahaja perkara-perkara yang penting yang disentuh mengenai Kementerian Dalam Negeri. Saya mengucapkan sekali lagi terima kasih dan sekiranya saya ada tertinggal apa-apa yang belum dijawab, saya beri jaminan ianya akan diberi perhatian. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Masalah bahawa wang sejumlah RM3,736,970 untuk Maksud B.35 di bawah Kementerian Dalam Negeri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM3,736,970 untuk Maksud B.35 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM28,303,500 untuk Maksud P.37 dan RM45,414,000 untuk Maksud P.40 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga bagi tahun 1995 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM28,303,500 untuk Maksud P.37 dan RM45,414,000 untuk Maksud P.40 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.3) 1995.

Maksud B.42 [Jadual] -

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Kepala Bekalan B.42 di bawah Kementerian Perpaduan Negara terbuka untuk dibahas sekarang. Bandau.

6.55 ptg.

Dr. Maximus Johnity Ongkili [Bandau]: Terima kasih Tuan Pengerusi, kerana memberi peluang kepada saya untuk memberi sumbangan sedikit mengenai Maksud B.42 ini.

Tuan Pengerusi, sepertimana yang tertulis di dalam penjelasan bagi Maksud B.42 ini, sejumlah RM3 juta adalah dikehendaki untuk memberi bantuan kepada persatuan orang-orang buta bagi pembinaan semula Pusat Latihan Gurney. Memanglah Tuan Pengerusi, kita sokong sekali tindakan kerajaan untuk memberi bantuan kepada persatuan-persatuan khususnya bagi tujuan ini iaitu Persatuan Orang-orang Buta Malaysia berkaitan dengan pembinaan semula Pusat Latihan Gurney. Namun demikian, harus pihak kementerian mengambil perhatian bahawa bukan sahaja Pusat Latihan Gurney yang harus diberi perhatian, tetapi keseluruhan pusat latihan orang buta bukan sahaja di peringkat pusat tetapi di peringkat negeri yang sedia maklum adalah masih kekurangan sekali.

Saya juga ingin menyentuh seperti di negeri Sabah di mana hanya satu pusat sahaja yang ada dan itu pun semua sekali tidak mencukupi untuk membantu bukan sahaja persatuan-persatuan yang ada tetapi kumpulan orang-orang buta ini.

Selain daripada itu Tuan Pengerusi, kerajaan haruslah mengambil tindakan juga untuk mengenal pasti orang-orang yang perlu dibantu, yang termasuk dalam golongan ini kerana masih ramai orang buta yang tidak menerima bantuan pertolongan dari segi menggunakan mereka ini sebagai resources. Seringkali pendekatan untuk membantu orang-orang buta ialah melihatkan mereka sebagai masalah masyarakat. Walhal, tindakan yang diambil haruslah untuk melihat mereka sebagai sumber negara, sebagai resources, dengan izin, yang boleh dipakai. Kalaulah pendekatan seperti itu digunakan, maka saya percaya Tuan Pengerusi, bahawa fokus dan juga cara kita untuk membantu mereka akan berubah juga. Misalnya tumpuan haruslah diberi untuk memberi dengan izin, skill development kepada mereka ini. Juga membantu mereka keluar daripada dengan izin, depressed situation. Inferior, dengan izin, kepada masyarakat yang lain dan saya percaya ini penting sekali dari segi pembangunan psikologi dan pembangunan insan keseluruhan supaya semata-mata rakyat yang termasuk dalam golongan buta ini tidak dilihat sebagai orang yang tidak mampu, perlu handout, dengan izin, tetapi mereka dipandang sebagai sumber yang boleh digunakan, boleh dilatih dan dengan itu boleh membantu menyumbang kepada pembangunan negara keseluruhan.

Maka dalam konsep ini, Tuan Pengerusi, saya berharaplah pihak kementerian pada masa membina semula Pusat Latihan Gurney bahawa sifat-sifat bantuan dan pembangunan bagi golongan buta ini diambil kira dan selain daripada itu supaya pusat-pusat seperti ini diperluaskan khususnya bagi negeri-negeri yang terpencil yang masih lagi perlu perhatian kerajaan khususnya di peringkat luar bandar di mana masih banyak orang buta yang belum mendapat bantuan ataupun golongan yang diberi bantuan itu cukup sedikit sekali kerana fasilitas ataupun infrastructure, dengan izin, yang ada di peringkat negeri sama ada di negeri Sabah

mahupun di negeri Sarawak tidak mencukupi untuk menampung keperluan golongan buta ini.

Sekian, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Timbalan Menteri diminta jawab.

6.59 ptg.

Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Datuk Peter Tinggom Anak Kamarau]: Tuan Pengerusi, bagi permulaannya saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Bandau yang telah menyentuh sedikit-sebanyak berkenaan dengan peruntukan RM3 juta yang telah diberi kepada Persatuan Bagi Orang Buta Malaysia iaitu Pusat Latihan Gurney.

Yang Berhormat menyentuh tentang bantuan kurang sekali dan juga orang-orang buta ini patut difikirkan resources yang perlu supaya dapat skill development

Jadi, saya suka menjelaskan berkenaan dengan bantuan ini. Bantuan ini hanya untuk membantu iaitu Pusat Latihan Gurney apabila persatuan ini minta bantu. Jadi, RM3 juta ini ialah untuk mempertingkatkan kemudahan dan perkhidmatan untuk orang cacat penglihatan terutama dari segi program latihan. Jadi, apabila orang-orang buta ini telah ditempatkan di pusat latihan ini, mereka dapat menjalankan latihan secara berkesan bagi melengkapkan orang buta dengan kemahiran yang mencukupi khususnya teknologi moden supaya mereka dapat menjadi pekerja yang produktif dan dapat menyumbangkan tenaga bakti di dalam pasaran buruh yang mencabar.

Di sini saya suka menerangkan iaitu di tempat pusat ini bilangan pelatih yang dapat diterima antara 80 dengan 100 orang buta. Kemajuan projek ini iaitu 80%. Jadi, hasil daripada latihan di Pusat Gurney ini, iaitu sehingga akhir tahun

1994 seramai 1,102 orang buta telah ditempatkan dalam berbagai-bagai pekerjaan. Sektor swasta 867 orang, sektor awam/kerajaan 208 orang dan di universiti 27 orang. Maknanya, Pusat Latihan Gurney ini memang banyak memberi makna kepada orang-orang buta di negara kita ini. Jadi, ambil bandingan pada masa ini di dalam pusat latihan ini, dari Sabah cuma 2 orang, dari Sarawak 5 orang, dari negeri-negeri lain pada masa ini seramai 76 orang. Maknanya, Pusat Latihan Gurney ini memang diperluaskan supaya negeri yang memerlukan ataupun persatuan di negeri masing-masing boleh minta supaya orang-orang buta yang difikirkan perlu dapat dimasukkan di Pusat Latihan Gurney ini. Jadi, apa yang disentuh oleh Yang Berhormat dari Bandau tadi memang tujuan kerajaan bukannya Pusat Latihan Gurney tetapi pusat yang lain-lain pun, sekiranya diminta bantuan dari kerajaan pusat, tentu akan difikirkan.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Bandau bangun.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi bahawa dari segi jumlah yang dihantar di Pusat Latihan Gurney ini, 2 orang dari Sabah dan 3 dari Sarawak dan negeri-negeri lain ramai iaitu 76. Saya ingin bertanya mengapa begitu sedikit sekali daripada dua negeri di sebelah timur sana memandangkan sebenarnya keperluan masih banyak dari segi orang yang perlu dibantu. Adakah ini kerana

persatuan-persatuan tidak merujuk kepada Pusat Latihan Gurney ataupun kurang orang buta di kedua-dua negeri ini atau sebab-sebab yang lain?

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: Tuan Pengerusi, saya rasa perkara ini perlu sekiranya Yang Berhormat mahu tahu lebih lanjut lagi, Yang Berhormat boleh bertanya dengan persatuan yang ada di negeri Sabah kerana dalam jawapan di sesi yang lalu, saya pun telah memberitahu iaitu kebajikan ini ialah berkuasa sama dalam concurrent list, dalam Perlembagaan kita. Jadi, kalau kerajaan negeri tidak minta bantu, memang perkara ini ialah diusahakan oleh kerajaan negeri sahaja. Kalau minta bantu, saya fikir mana yang perlu, mana yang patut, tentu dibantu. Jadi, inilah bagi penjelasan yang saya dapat berikan berkenaan dengan RM3 juta yang telah diminta.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM3,000,000 untuk Maksud B.42 di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM3,000,000 untuk Maksud B.42 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Maksud P.44 [Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.3) 1995] -

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Kepala Pembangunan P.44 di bawah Kementerian Penerangan terbuka untuk dibahas sekarang. Kepong.

7.06 mlm.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, nampaknya bagi liputan radio dan radio pelancongan, juga radio bergerak, perbekalan tambahan diminta lebih daripada RM4 juta untuk pemodenan alat-alat studio dan kemudahan-kemudahan memancarkan FM sehingga di Semenanjung pancaran FM itu akan meningkat daripada 90% kepada 95%. Untuk Sabah dan Sarawak masing-masing akan meningkat daripada 60% kepada 85%. Kalau ini boleh dilakukan, kami tidak keberatan untuk mengatakan ini adalah satu langkah yang betul juga.

Walau bagaimanapun, saya tertarik kepada kenyataan Yang Berhormat Menteri Penerangan yang mengatakan bahawa dengan adanya radio 8 sekarang termasuk Radio Pelancongan Langkawi. Dengan sistem televisyen yang ada sekarang. Tetapi menurut Yang Berhormat Menteri Penerangan tidak cukup, penerangan bagi orang Malaysia ini tidak cukup dan juga ada kesalahan maklumat bagi orang-orang Malaysia.

Saya pun tidak tahulah macam mana dia mentafsirkan ada maklumat yang tidak betul bagi Malaysia kerana siaran itu daripada Radio Malaysia dan siaran televisyen. Kita boleh menyaksikan dengan sendiri kalau ada apa sahaja yang negatif dari aspek kerajaan, siaran itu diberhentikan dengan serta-merta.

Saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat memberi penerangan bagaimana pihak kementerian dapat mentafsirkan peratusan penduduk yang menerima maklumat yang dianggap tidak betul kerana semua pancaran itu daripada stesen-stesen kerajaan dan RTM.

Walau bagaimanapun, saya diberitahu bahawa pihak kementerian itu sudah menubuhkan satu stesen Radio Maklumat yang baru dan akan mula beroperasi pada tahun hadapan. Apakah peruntukan untuk stesen Radio Information? Apakah maksudnya? Kerana, kalau kita dengar radio sekarang, saya tiap-tiap hari dengar radio dan ada setengah-setengah program memang menyiarkan maklumat, bukan sahaja maklumat, ada rencana, ada komentar, komen dan sebagainya. Tetapi berita dan cerita DAP itu sangat kurangnya - sangat kurang....

Seorang Ahli: Tidak ada ceritakah?

Dr. Tan Seng Giaw: Ada banyak cerita - banyak.....

Seorang Ahli: Tidak ada nilai!

Dr. Tan Seng Giaw: Nilai tinggi, seperti sekarang saya bincangkan dengan nilai yang tinggi. Saya berharap dengan adanya information radio station ini, information dari pihak DAP pun boleh diberi kepada orang ramai.

Walau bagaimanapun dengan ulang tahun ke-50 Jabatan Penerangan ini, memang ada program-program yang baru termasuk perbincangan diadakan dengan Malaysia East Asia Satellite (MEASAT). Kalau perbincangan diadakan, apakah program-program yang akan diadakan untuk program ini? Kalau tidak silap saya menurut kenyataan Yang Berhormat Menteri Penerangan iaitu Stesen Radio Penerangan (Information Radio Station) ini akan menggunakan Bahasa Malaysia sahaja, tetapi beliau telah menerangkan bahawa maklumat yang salah disebarkan bukan sahaja kepada orang Malaysia, bahkan kepada seluruh dunia.

Saya pun tidak mahulah mendengar maklumat yang salah. Apabila saya pergi ke luar negara saya pun ada menerangkan keadaan, kadang-kala ada orang yang jahil mengenai masalah ataupun perkembangan kemajuan yang wujud di Malaysia. Walau bagaimanapun, kalau kita hanya menggunakan Bahasa Malaysia untuk menyebarkan maklumat atau penerangan ini melalui satelit, saya tidak sangkalah kecuali di Indonesia ataupun di Brunei ramai yang tidak faham. Kalau di Amerika Syarikat, England atau Eropah memang mereka tidak boleh faham Bahasa Malaysia, walaupun kita galakkan mereka untuk mempelajari bahasa itu.

Tuan Pengerusi, banyak maklumat yang salah terdapat di negara-negara Eropah dan di Amerika Syarikat serta juga di Amerika Latin. Saya mencadangkan supaya kita tidak adakan radio seperti ini, sebab kalau kita dengar pelbagai stesen radio yang didapati di antarabangsa mereka memang bersaing, satu persaingan yang sengit di dalam wave band. Sedikit sahaja kalau kita tengok sama ada The Voice of America, Radio Beijing ataupun Radio Indonesia, mereka sangat bergiat dalam bidang ini, kerana hendak menyebarkan penerangan yang baik untuk Indonesia, memang wave band dia itu sangat kompetitif.

Kalau kita tambahkan radio penerangan Malaysia, itu adalah baik juga, tetapi saya berharaplah berita dan cerita DAP pun dimuatkan atau disiarkan juga untuk membayangkan keadaan yang sebenarnya bukan sahaja di dalam negara bahkan di luar negara.

Tuan Pengerusi, mengenai masalah satelit iaitu radio satelit dari luar negara, bagaimanakah pihak Kementerian Penerangan mengawal selia semua

pancaran dari luar negara? Memang satelit radio daripada luar negara semakin hari semakin bertambah, adakah sistem ataupun langkah-langkah yang berkesan untuk mengawal selia semua program radio satelit daripada luar Malaysia ini? Bilakah radio satelit Malaysia sendiri akan beroperasi supaya kita dapat bersaing dengan negara-negara lain juga? Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Yang Berhormat dari Bandau.

7.15 mlm.

Dr. Maximus Johnity Ongkili [Bandau]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh beberapa perkara sahaja yang ada kaitan dengan Maksud P.44 ini di bawah Kementerian Penerangan, yang mana dibahagikan kepada empat bahagian seperti mana dalam kertas penjelasan.

Pertamanya, sepertimana yang disentuhkan bahawa kira-kira RM301,000 adalah bagi menggantikan alat-alat studio di beberapa stesen Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Saya berharap oleh kerana alat-alatnya sudah tua, perlu diganti dan bukan sekadar kerana menggantikan dengan yang moden, tetapi adalah untuk mempertingkatkan mutu kualiti penyiaran sama ada dari segi suara mahupun dari segi mutu keseluruhannya.

Kedua, peruntukan sebanyak RM1.1 juta adalah untuk liputan radio VHF dan FM. Ini kita mengucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana tujuannya ialah untuk meningkatkan liputan siaran FM radio khususnya bagi Sabah dan Sarawak daripada 60%-85% dan bagi Semenanjung 90%-95%.

Tuan Pengerusi, sebenarnya Radio FM ini amatlah diperlukan, misalnya di negeri Sabah, kerana ia hanya dinikmati di kawasan-kawasan bandar di tanah rata sahaja. Di sebelah bukit tidak ada sama sekali, penduduk-penduduk di sana tidak menikmatinya kerana selepas terdapat bukit atau gunung yang tinggi, maka pancarannya tidak kuat dan tidak luas. Oleh itu mereka pun tidak dapat menikmati penyiaran ini daripada kerajaan. Saya percaya masalah ini juga dihadapi di negeri Sarawak, di mana keadaan landscape, dengan izin, dan gunung-ganang menjadi penghalang kepada penyiaran Radio RM khasnya.

Kita juga berharap bahawa kerajaan akan mengambil tindakan untuk memperbanyakkan lagi pancaran-pancaran di beberapa kawasan di mana ada masalah untuk menikmati Radio FM ini, kerana di beberapa tempat yang lain, mereka menikmati, tetapi tidak terang, tidak jelas dan banyak gangguan. Jadi, kita berharaplah daripada peningkatan 60% ke 85% ini bagi Sabah dan Sarawak bukan sahaja dari segi luas kawasan yang akan dapat menerimanya, tetapi kualitinya juga bagi pancaran tersebut.

Tuan Pengerusi, dikatakan juga di sini bahawa RM455,980 adalah dikehendaki untuk membiayai sebahagian perbelanjaan bagi membeli peralatan studio radio pelancongan Langkawi.

Sepertimana yang disentuhkan oleh Yang Berhormat dari Kepong tadi, ini satu inovasi yang baru dari segi radio pelancongan. Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, adakah kerajaan bercadang untuk menubuhkan beberapa lagi studio pelancongan di negeri-negeri lain, khususnya di mana negeri tertentu atau kawasan tersebut bukan sahaja di Pulau Langkawi, tetapi di mana ada potensi pelancongan di mana mutu perkhidmatan pelancongan yang sedia ada perlu dipertingkatkan lagi?

Saya ingin bertanya bagi negeri Sabah dan Sarawak di mana antara tempat-tempat yang dikenal pasti sebagai pusat destinasi bagi negara kita di peringkat antarabangsa.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu, mengenai dengan radio bergerak, kita juga berharap bahawa ini bukan sekadar di tempat-tempat di kawasan bandar, tetapi di mana ia boleh digunakan sesuai dengan keadaan pancaran begitu supaya di tempat-tempat luar bandar juga menjadi pusat lawatan bagi radio bergerak ini.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu, saya ingin menyentuh mengenai penggunaan bahasa bagi liputan-liputan radio mahupun dari segi radio pelancongan ataupun radio bergerak, khususnya bagi beberapa tempat, di mana suku kaum itu adalah berbeza-beza, bukan semuanya suku kaum Melayu. Dalam konteks ini, misalnya di negeri Sabah dan Sarawak, saya berpendapat bahawa peluang haruslah diperluaskan lagi supaya penggunaan bahasa-bahasa tempatan itu diteruskan dan diperluaskan lagi. Sebab sekadar pada saat ini dari segi liputan radio mahupun di Sabah ataupun di Sarawak peluang digunakan untuk beberapa bahasa sahaja. Ini biasanya untuk berita-berita sahaja. Memang ada juga saluran ataupun program-program yang ada, tetapi sama sekali tidak mencukupi dari segi membangun, mahupun bahasa tertentu ataupun budaya tertentu ataupun sebagai saluran untuk menyampaikan maklumat-maklumat pembangunan, khususnya maklumat yang berasas kepada pendidikan, kepada budaya, kepada motivasi, kepada pembangunan insan dan sebagainya, dan bukan pula sekadar sebagai satu saluran memperkukuhkan politik kerajaan.

Kita berharap bahawa perhatian ini akan diteruskan, misalnya di negeri Sabah dalam bahasa Murut, bahasa Bajau, bahasa Kadazan, bahasa Dusun. Saya percaya ada lagi bahasa-bahasa yang perlu diambil kira untuk dipanjangkan masa dalam beberapa program-program tertentu, khususnya seperti yang saya terangkan tadi berasaskan kepada pendidikan, pembangunan budaya dan motivasi.

Tuan Pengerusi, saya juga mencadang kepada pihak kementerian pada masa sekarang ini seringkali program-program radio itu begitu sedia-kala sahaja, tidak ada yang berubah dari setahun ke setahun, selain daripada sedikit daripada program yang baru dimasukkan. It becomes, dengan izin, monotonous. Misalnya, saya berpendapat, Tuan Pengerusi, bahawa pada masa cuti sekolah ini, pihak kementerian melalui radio harus membentuk beberapa rancangan ditujukan kepada pelajar-pelajar semasa cuti supaya masa lapang mereka itu digunakan dengan baik. Barangkali ada program-program tentang pendidikan, tentang kesusasteraan, tentang budaya, tentang motivasi, tentang cara-cara belajar, tentang review beberapa buku begitu semuanya. Jadi, ada berguna kepada pelajar-pelajar, khususnya dalam masa cuti sekolah ini. Biasanya tidak ada program yang khusus dari segi mengambil peluang masa seperti itu untuk membentuk remaja kita dan pelajar-pelajar kita.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, juga dari segi kualitas ataupun kualiti program-program yang disiarkan pada masa sekolah. Pada beberapa hari yang lalu kita mengucapkan syabas kepada pihak Jabatan Penerangan dan RTM dari segi tumpuan yang diberi kepada gerhana matahari, khusus ditumpukan di sebelah

Kudat, di sebahagian kawasan saya di Bandau. Tindakan Jabatan Penerangan untuk memberi maklumat kepada orang-orang kampung secara bergerak bahawa berjaga-jaga dengan bagaimana melihat gerhana matahari, menjaga mata, kita ucap terima kasih. Namun demikian, saya percaya langkah-langkah seperti itu perlu diteruskan dengan program-program yang juga mempunyai mutu yang tinggi sepertimana yang ditumpukan pada masa sesi gerhana matahari tersebut dalam segi ulasan melalui radio khasnya.

Jadi, dari segi itu, berita-berita juga haruslah dengan berita-berita yang berkualiti, berasas kepada pembangunan, bukan sekadar mempengaruhi pihak rakyat kepada sesuatu pendirian politik. Mislanya, dua hari lalu gerhana matahari menjadi tumpuan dalam radio di peringkat negeri Sabah. Tetapi pada masa yang sama juga banyak masa diberi kepada satu political events, di mana seorang daripada pemimpin dalam parti PBS lompat pergi Barisan Nasional, walaupun saya lihat pihak UMNO tidak juga yakin untuk menerimanya, dengan cepat diberi liputan yang luas sekali di dalam radio. Jadi, perkara-perkara seperti ini, walhal barangkali masa diberi banyak lagi untuk liputan laporan Parlimen mahupun daripada pihak kerajaan ataupun pandangan daripada pihak pembangkang perlu diberi perhatian, khususnya dari segi keseimbangan, kualiti, program dan juga terutama dari segi mutu, tetapi juga dari segi variety of programme, dengan izin, yang akan membentuk masyarakat kita ke arah matlamat-matlamat kerajaan, seperti Wawasan 2020. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Minta kementerian jawab.

7.27mlm

Timbalan Menteri Penerangan [Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed]:
Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kepong dan Bandau yang membahas peruntukan tambahan B.44, Kementerian Penerangan. Kedua-dua Yang Berhormat telah mengucapkan syabas kepada Kementerian Penerangan. Ini bagi saya merupakan satu komplimen. Namun demikian, beberapa dakwaan yang disebut oleh kedua-dua Ahli Yang Berhormat tersebut sukalah saya ketepikan, misalnya yang mendakwa bahawa salah maklumat yang disebut oleh Menteri Penerangan oleh Yang Berhormat dari Kepong. Sebenarnya adalah tidak benar sama sekali.

Tuan Pengerusi, Kementerian Penerangan sedang mengarah kepada pembentukan masyarakat bermaklumat seluruh negara. Oleh kerana itulah, kita dari semasa ke semasa memohon peruntukan tambahan agar liputan daripada sama ada penyiaran radio mahupun televisyen akan menjangkau setiap inci sama ada Sabah, Sarawak mahupun Semenanjung. Kualiti daripada program yang didakwa monotonous, bagi pandangan kementerian adalah tidak betul, sebab dari semasa ke semasa satu kajian terperinci dibuat bersesuaian dengan selera masyarakat dan bersesuaian dengan tuntutan transformasi yang sedang berlaku di negara ini di segi budaya mahupun sosial.

Kementerian Penerangan sama sekali tidak melayani mana-mana parti politik untuk mendapat liputan. Apatah lagi DAP, tentulah liputan yang kita ingin siarkan mesti bersesuaian dengan selera masyarakat dan yang mempunyai mutu yang boleh membangun masyarakat sendiri. Oleh itu, kalau kita melihat bahawa rancangan-rancangan sama ada radio mahupun TV, tidak menyiarkan dan meliputi mana-mana parti politik di negara ini, termasuk UMNO.

Ini jelas dapat kita lihat daripada

Dr. Tan Seng Giaw: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat hendak minta penjelasan?

Dr. Tan Seng Giaw: Ya.

Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, kalau minta penjelasan, minta pendek sahaja, masa kita terlalu suntuk hari ini. Kalau boleh kementerian pun minta jawab ringkas kerana kita ada empat lagi kementerian yang perlu diselesaikan.

Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed: Bolehkah saya selesaikan dahulu?

Tuan Pengerusi, bagi menjawab Ahli Yang Berhormat dari Bandau, Jabatan Penyiaran telah mengenal pasti kawasan-kawasan di Sabah, Sarawak dan Semenanjung yang terlindung, seperti yang telah disebutkan tadi, yang terlindung daripada siaran. Dan hari ini, usaha sedang dilakukan untuk membetulkan keadaan dan ini akan diteruskan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh.

Megenai radio satelit yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong, teknologi radio satelit adalah satu perkara baru dan ia memerlukan masa untuk fine-tunekan teknologi ini. Jadi, soal radio satelit di rantau ini tidak timbul dan berkaitan dengan persoalan radio penerangan, ianya belum mempunyai peruntukan lagi dan hanya dalam peringkat perancangan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM5,283,000 untuk Maksud P.44 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga bagi tahun 1995 di bawah Kementerian Penerangan hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wag sebanyak RM5,283,000 untuk Maksud P.44 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bi.3) 1995.

**Maksud B.46 [Jadual] -
Maksud P.46 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.3) 1995] -**

Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Perbekalan B.46 dan Kepala Pembangunan P.46 di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar terbuka untuk dibahas.

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli Yang Berhormat, saya suka mengingatkan, oleh kerana kita kesuntukan masa, saya hanya dapat memberikan seorang Ahli membahas selama sepuluh minit dalam

jawatankuasa ini. Saya minta kementerian yang menjawab seboleh ringkas yang mungkin. Terima kasih.

7.35 mlm.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, sebenarnya tidak banyak Maksud lagi, saya percaya pada pukul 8.45 malam kita boleh siapkan semua.

Walau bagaimanapun, mengenai Maksud B.46 dan P.46 ini adalah penting, yang pertamanya mengenai Akademi Sains Malaysia, satu endowment funds RM12.4 juta itu. Saya menganggap Akademi Sains Malaysia adalah perlu bagi memajukan sains di Malaysia dan juga profesion di Malaysia dan saya tahun lepas ada membincangkan hal ini dengan panjang lebar. Walau bagaimanapun, saya hendak memberi peringatan kepada kementerian supaya jangan membenarkan unsur-unsur politik daripada memasuki Akademi Sains Malaysia kerana unsur-unsur politik dari sebarang pihak pun tidak begitu sihat untuk akademi yang semata-mata untuk mempertingkatkan mutu standard sains di Malaysia. Itu yang pertama.

Yang keduanya, mengenai ahli-ahli akademi dan juga anugerah-anugerah akan diberi kepada ahli-ahli akademi ini, saya berharap pihak kementerian akan memastikan semua kriteria yang digunakan untuk memilih anggota akademi ataupun anugerah yang bakal diberi kepada mereka itu berdasarkan kepada kriteria-kriteria yang sihat, yang benar-benar tidak berat sebelah dan tidak mengenalkan agama, bangsa ataupun bulu, warna - tidak. Kita mesti semata-mata untuk sains sahaja, untuk mutu dan standard sains sahaja. Itu yang diharapkan dan

patutnya dari masa ke semasa kita mesti mengadakan satu laporan kepada Dewan Rakyat mengenai aktiviti Akademi Sains Malaysia ini yang saya minati. Dengan mutu Akademi Sains Malaysia yang tinggi kita akan mewujudkan saintis-saintis yang lebih bermutu tinggi.

Tuan Pengerusi, mengenai kajian sains angkasa, ini ada kena-mengena dengan planetarium juga. Memang saya berpendapat bahawa sama ada planetarium ataupun kajian sains angkasa adalah terpenting bagi kita semua kerana Malaysia adalah salah satu negara di dalam planet bumi ini dan juga di dalam cekErawala kita, kita mesti memahami apa sahaja yang berlaku di angkasa luar dan baru-baru ini orang ramai menunjukkan minat untuk menyaksikan gerhana yang ada setengah-setengahnya pergi ke Kudat untuk menyaksikan gerhana total. Ini satu gejala yang baik yang menunjukkan ada orang Malaysia yang sangat berminat mengenai hal angkasa luar.

Tuan Pengerusi, di sini, walaupun mula sahaja bahagian kajian sains angkasa ini diadakan di Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, saya berharap bahagian ini akan berkembang ke arah yang betul dan saya diberitahu bahawa bahagian kajian ini adalah untuk mengawal semua aktiviti di luar angkasa dan untuk membantu pihak kerajaan supaya mengadakan dasar sains luar angkasa yang tepat, yang cocok dengan zaman sekarang.

Tuan Pengerusi, perkembangan kemajuan sains angkasa ini bagi Malaysia adalah penting sepertimana yang saya sebutkan tadi, bukan sahaja untuk mengetahui apakah teknologi yang baru, yang digunakan oleh pihak negara-negara

yang maju bahkan juga untuk membantu kita kerana di dalam usaha untuk teknologi angkasa luar banyak yang boleh digunakan untuk bidang-bidang yang lain. Sepertimana kita boleh saksikan di Shah Alam sekarang, dengan pameran alat-alat luar angkasa dan juga teknologi angkasa, walaupun ada sepuluh tahun ketinggalan, bukan teknologi yang terkini. Walau bagaimanapun, banyak kita boleh menyaksikan teknologi yang canggih, yang digunakan untuk bidang-bidang yang lain termasuk perubatan dan kita di Malaysia mesti mengetahui apakah teknologi ini, apakah perkembangan luar angkasa supaya kita dapat menikmati teknologi dan juga mengadakan satu dasar sains luar angkasa yang tepat, yang sejajar, yang boleh membantu negara kita supaya kita maju ke tahap negara yang maju. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Minta jawapan.

7.38 mlm.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Abu Bakar bin Daud]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya mengucapkan terima kasih kepada wakil dari Kepong, kerana 'kepong' ini 'very frightening word', dengan izin. Terima kasih di atas pandangan seorang ahli intelektual tetapi dia masuk ke dalam politik, dia nampak politik sahaja. Dia takut ini dipolitikkan semua, apa-apa yang hendak dibuat untuk kebaikan manusia di Malaysia untuk menuju kepada satu wawasan, hendak improve akademi sains, ahli-ahli intelektual sains semua. Kalau dia hadir dalam satu penubuhan di Istana Hotel, semua ahli-

ahli sains di dunia datang, ahli-ahli akademi datang hendak penubuhan itu, dia tahu siapa, ini bukan orang politik.

Inilah hasrat kerajaan hendak memolekkan dan hendak meningkatkan ilmu pengetahuan untuk faedah rakyat jelata kerana kita menerima mandat daripada rakyat, bukan macam parti pembangkang seperti DAP. Dia nampak politik sahaja - prejudis.

Minta maaf, Tuan Pengerusi, saya ingat kepada kata-kata seorang Ahli Pujangga “Can do with confidence through generate trust” - no prejudice, iaitu meyakinkan rakyat. Dia ini orang muda juga saya ingat, jadi, semua yang hendak diminta tambahan ini adalah untuk kebaikan - akademik sains hendak award, hendak memberi hadiah kepada ahli-ahli sains nanti, di mana kriteria-kriteria pemilihannya akan dibuat oleh orang-orang yang profesional - tidak terlibat politik. Barisan Nasional yang ada hari ini menggunakan politik untuk kebaikan manusia, rakyat. Kita tengok semua begitu adil, semua orang mendapat hak, semua orang suka tinggal dalam Malaysia. Cuma inilah benda yang dimainkan oleh parti-parti Pembangkang seperti DAP pada hari ini - dalam bandar.

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat Kepong, bangun.

Dato' Abu Bakar bin Daud: Saya tidak beri jalan, tidak ada masa.

Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Tidak ada masa, Yang Berhormat.

Dato' Abu Bakar bin Daud: No time. Jadi, kita inilah dan Bahagian Angkasa Lepas juga (BAKSA) hendak ditambah. Inilah peruntukan yang kita minta kerana jabatan ini dipindahkan daripada Jabatan Perdana Menteri. Jadi, jangan bimbanglah, unsur-unsur politik tidak akan digunakan untuk mengotorkan mutu sains di Malaysia ini. Ini saya beri jaminanlah, Tuan Pengerusi. Anggota-anggota pemilihan yang akan dibuat dan dibentuk nanti untuk memilih orang-orang yang hendak menerima hadiah ini - RM2 juta satu tahun untuk 5 tahun yang memerlukan RM10 juta. Ini akan dipilih sesiapa yang layak untuk menerima, tetapi saya ingat wakil Kepong tidak layak kerana fikiran dia saya ingat terikut-ikut orang-orang yang mengotorkan suasana keharmonian hidup rakyat Malaysia yang berbilang kaum ini.

Jadi, kajian angkasa lepas juga kini sedang dipergiatkan, insya-Allah Malaysia akan menghantar alatnya nanti dalam tahun 1997 dan kerana itulah diperlukan tambahan-tambahan ini untuk kita memperkuatkan lagi kegiatan-kegiatan dan aktiviti-aktiviti di Kementerian Sains. Itulah secara ringkas yang dapat saya sampaikan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM17,576,140 untuk Maksud B.46 di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM17,576,140 untuk Maksud B.46 diperintah jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM3,792,100 untuk Maksud P.46 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga bagi tahun 1995 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan dan disetujui.

Wang sebanyak RM3,792,100 untuk Maksud P.46 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.3)1995.

Maksud P.47 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.3) 1995] -

Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kepala Pembangunan P.47 di bawah Kementerian Pengangkutan terbuka untuk dibahas. Kepong.

7.45 mlm.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, sebenarnya tidak payah hadkan masa, kerana tidak banyak lagi Maksud yang.....

Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Teruskan, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak payah Tuan Pengerusi, saya percaya kalau tidak hadkan masa....

Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat teruskan berucap, kita tengok macam mana perjalanan mesyuarat.

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak payah Tuan Pengerusi, projek LRT Fasa 1 sepanjang 12 kilometer dari Ampang ke Jalan Sultan Ismail telah pun dilaksanakan dan konsesi bagi projek tersebut telah pun diberi kepada Syarikat STAR dan juga kepada Kuala Lumpur Transit Group Sdn. Bhd, (KLTG) dan Fasa 2 sekarang sudah pun bermula yang diberi kepada satu syarikat iaitu anak syarikat Renong - Projek Usahamasa Transit Ringan Automatik Sdn. Bhd (PUTRA).

Tuan Pengerusi, saya nampak satu pinjaman mudah (soft loan) pun diberi oleh pihak kerajaan. Pinjaman dari kerajaan RM550 juta diberi kepada pihak kontraktor dan RM1.23 bilion telah dipinjam daripada berbagai-bagai bank termasuk Bank Bumiputra, DCB Bank dan Arab Malaysian Bank dan sebagainya dan saya hendak bertanya bilakah Fasa 1 ini, service akan bermula? Adakah test-runnya akan bermula pada tahun ini, untuk satu LRT yang lewat lebih satu dekad.

Tuan Pengerusi, menurut jadual sekarang bilakah LRT, sama ada Fasa 1 atau pun Fasa 2 akan disiapkan, termasuk fasa dari Jalan Loke Yew ke Bukit Jalil melalui Stadium Sukan Komanwel. Adakah sistem ini akan siap sedia sebelum SUKOM, 1998?

Itulah saya yang hendak saya bangkitkan, walaupun saya tidak begitu puas hati dengan cara memberi kontrak kepada ketiga-ketiga konsortium tersebut. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Menteri minta jawab.

7.48 mlm.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Tuan Chor Chee Heung]: Tuan Pengerusi, terutama sekali ucapan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kepong yang begitu prihatin terhadap, bukan sahaja Kementerian Pengangkutan bahkan semua kementerian, seperti yang dapat kita lihat pada petang yang mulia ini.

Tuan Pengerusi, mengenai soft loan sebanyak RM77 juta kepada Syarikat Sistem Transit Aliran Ringan Sdn. Bhd. ini adalah untuk.....

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, Kepong bangun.

Dr. Tan Seng Giaw: Minta penjelasan, Tuan Pengerusi, RM550 juta bukan RM77 juta sahaja.

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Pengerusi, minta maaf, sebenarnya tambahan yang kita minta ialah RM77 juta sahaja walaupun jumlah pinjaman pada keseluruhannya adalah RM550 juta. Walau bagaimanapun, pinjaman yang diberikan kepada syarikat ini adalah untuk membantu supaya syarikat dapat meneruskan projek LRT ini dengan secepat mungkin. Mengenai pertanyaan Yang Berhormat dari Kepong, suka saya menjelaskan di sini perkhidmatan LRT Fasa 1 iaitu dari Ampang ke Jalan Sultan Ismail, perkhidmatan LRT akan bermula pada Jun, 1996 dan untuk Fasa 2 pula iaitu melibatkan satu perjalanan sepanjang 11.8 kilometer ini akan dijangka beroperasi pada Jun, 1998. Saya percaya jika kerajaan

sentiasa memonitorakan perkembangan kerja-kerja yang dijalankan oleh kontraktor saya percaya perkhidmatan akan bermula sebelum SUKOM (Sukan Komanwel).

Saya percaya ini adalah dua pertanyaan sahaja yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kepong dan sekali lagi saya ingin mengucapkan terima kasih kepada beliau. Sekian.

Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM137,000,000 untuk Maksud P.47 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga bagi tahun 1995 di bawah Kementerian Pengangkutan hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM137,000,000 untuk Maksud P.47 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.3) 1995.

Maksud B.50 [Jadual] -

Maksud P.50 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.3) 1995] -

Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kepala Bekalan B.50 dan Kepala Pembangunan P.50 di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan terbuka untuk dibahas.

[Tiada perbahasan]

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM19,967,704 untuk Maksud B.50 di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM19,967,704 untuk Maksud B.50 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM5,000,010 untuk Maksud P.50 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga bagi tahun 1995 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan dan disetujui.

Wang sebanyak RM5,000,010 untuk Maksud P.50 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.3) 1995.

Maksud B.51 [Jadual] -

Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kepala Bekalan B.51 di bawah Kementerian Luar Negeri terbuka untuk dibahas. Kepong.
7.52 mlm.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, kita ada dua Maksud sahaja dan akan dihabiskan dalam beberapa minit sahaja.

Tuan Pengerusi, saya telah pun membuat soalan Jawab Mulut untuk mengetahui sumbangan-sumbangan kerajaan kepada badan-badan antarabangsa di luar negara tetapi setakat ini, saya tidak mendapat jawapan.

Walau bagaimanapun, baru-baru ini Bangsa-Bangsa Bersatu telah mengadakan ulang tahun ke-50. Saya pun ada menyaksikan dan mendengar ucapan-ucapan daripada ketua-ketua negara di seluruh dunia yang hanya dihadkan

masa 5 minit sahaja untuk berucap. Ini kali yang pertama saya menyaksikan ketua-ketua, Presiden dan Perdana Menteri di mana had masa dikenakan ke atas mereka sebanyak 5 minit sahaja untuk berucap bagi setiap ketua negara. Seperti mana yang terdapat di dalam Dewan yang mulia ini, ada had masa. Kita ada lebih 45 minit lagi untuk berbincang dua Maksud sahaja.

Walau bagaimanapun, saya mendapat tahu badan-badan seperti Bangsa-Bangsa Bersatu hampir bankrap kerana berhutang berbilion-bilion dollar Amerika. Ini merupakan satu badan, walaupun memainkan peranan juga tetapi sumbangan kepadanya dari negara yang lain termasuk Amerika Syarikat. Amerika Syarikat yang memberi sumbangan yang terbesar di dunia untuk Bangsa-Bangsa Bersatu tetapi nampaknya pada beberapa tahun ini, sumbangan dari Amerika tidak begitu banyak kerana Amerika masih berhutang kepada Bangsa-Bangsa Bersatu kecuali Malaysia.

Hampir tiap-tiap tahun kita memberi sumbangan, tidak ada tunggakanlah. Semua sumbangan diberi dan saya hendak mengetahuilah apakah amaun sumbangan kepada badan-badan seperti Bangsa-Bangsa Bersatu dan badan-badan dunia yang lain seperti OIC, NAM (Non-aligned Nations) dan sebagainya dan apakah faedah yang didapati daripada PBB ataupun daripada badan-badan yang lain.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Saya suka juga menyaksikan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pergi ke badan-badan seperti PBB ini untuk menyampaikan pendirian dan pendapat

Malaysia. Itu baik sebab kita hendak menyaksikan ketua-ketua negara kita untuk tampil ke hadapan untuk memberi maklumat ataupun kenyataan yang membayangkan keadaan dan hasrat Malaysia di dunia. Itu baik.

Walau bagaimanapun, selain daripada peluang untuk menyertai ucapan, apakah faedah yang didapati oleh Malaysia dari badan-badan seperti Bangsa-Bangsa Bersatu? Sekian.

Tuan Pengerusi: Ya, kementerian menjawab.

7.56 mlm.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Dr. Leo Michael Toyad]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Kepong yang telah menyentuh serba-sedikit mengenai Kementerian Luar Negeri dan sumbangan-sumbangan negara kita kepada badan-badan antarabangsa dan penglibatan-penglibatan Malaysia dalam forum antarabangsa ini.

Saya merasa bangga juga mendengar bahawa Yang Berhormat dari Kepong pun juga berasa bangga di atas peranan ketua kita, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Peranan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita sebagai suara dalam Bangsa-Bangsa Bersatu dan sebagai badan-badan antarabangsa untuk memberi pandangan-pandangan negara kita dan pendirian kita terhadap isu-isu semasa dan juga perkara yang menyentuh negara kita dan juga negara-negara yang masih membangun.

Ini adalah satu perkara yang penting untuk kita bahawa perhubungan antarabangsa perlu diadakan supaya kita sebagai sebuah negara yang ingin melihat kedamaian, kestabilan dan juga pembangunan industri keseluruhannya.

Jadi, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sebenarnya peruntukan ini tidaklah termasuk peruntukan yang telah diperuntukkan dalam Budget biasa dan ini adalah tambahan yang kita belanjakan untuk hubungan pelbagai hala kita kepada agensi-agensi antarabangsa yang kita terlibat iaitu termasuk badan perhubungan serantau kerjasama ASEAN iaitu di mana kita menyumbangkan kepada Tabung ASEAN ke Sekretariat ASEAN kita dan inilah satu forum yang diberi satu keutamaan oleh negara kita untuk rantau ini.

Tambahan ini adalah juga untuk pertubuhan antarabangsa seperti program penghantaran balik secara sukarela untuk pelarian Rohingya dari Bangladesh ke Myanmar dan juga Tabung Rayuan Chechen dan juga bantuan kemanusiaan dari negara kita kepada mangsa gempa bumi di Columbia dan juga kepada Palestine National Authority (PLO) dan juga termasuk kegiatan yang memberikan bantuan kepada OIC untuk Bosnia-Herzegovina termasuk Pertubuhan Persidangan Islam bagi Mesyuarat Zaire dan juga badan seperti Commonwealth Coordinating Group of Technology Management.

Jadi, badan-badan seperti ini yang di mana kita dapat faedah dalam perhubungan pertukaran teknologi dan juga pengurusan dan ini boleh dikatakan perbelanjaan yang patut dan perlu dalam kita merapatkan hubungan dan faedah-faedah secara langsung dan tidak langsung dalam forum antarabangsa.

Dengan itu, saya tekankan apa Yang Berhormat nyatakan tadi bahawa kita sedar faedah-faedah penglibatan kita dalam persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu dan juga badan-badan antarabangsa ini perlu untuk kita mewujudkan perhubungan supaya dalam pembangunan khususnya dalam pembangunan sosio-ekonomi secara sejagat.

Itu sahaja untuk huraian saya dari kementerian. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM11,438,400 untuk Maksud B.51 di bawah Kementerian Luar Negeri jadi sebahagian daripada jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak Rm11,438,400 untuk Maksud B.51 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Maksud B.54 [Jadual] -
Maksud P.54 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.3) 1995] -**

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B.54 dan P.54 di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar terbuka untuk dibahas. Ya, Kluang.

8.00 mlm.

Tuan Ho Seong Chang [Kluang]: Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Pengerusi yang memberi peluang kepada saya untuk membahas peruntukan bagi Maksud B.54, Kementerian Pembangunan Luar Bandar di bawah tajuk RISDA iaitu tambahan sebanyak RM45 juta adalah dikehendaki untuk membiayai program bantuan tanam semula getah berikutan kenaikan kadar batan tanam semula getah.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih dan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada kementerian dan juga pihak RISDA yang selama ini membantu dan menjaga kepentingan pekebun getah di seluruh negara kita ini.

Di Dewan yang mulia ini, saya cuma ingin hendak menarik perhatian kementerian dan juga pihak RISDA tentang sistem pelaksanaan kerja pembangunan tanam semula RISDA yang telah dijalankan mulai dari 1hb. Januari 1995.

Untuk makluman Tuan Pengerusi, di bawah sistem ini, kerja pembangunan kawasan tanam semula dan pemasaran kayu getah diberi kuasa kepada Koperasi Pekebun Kecil (KPK) di tiap-tiap daerah melalui tawaran terus atau surat wakil kuasa.

Pada dasarnya, kementerian berharap melalui peraturan baru ini, beberapa matlamat akan dicapai iaitu;

- (i) memastikan pembangunan tanah dapat dijalankan mengikut jadual;
- (ii) melindungi kepentingan pekebun getah daripada kerenah orang tengah dan kontraktor pembangunan ladang;
- (iii) mengawal kos pembangunan tanah yang kian meningkat serta menjamin pekebun kecil ataupun pekebun getah mendapat harga kayu getah yang berpatutan; dan
- (iv) supaya koperasi pekebun kecil dapat memainkan peranan yang aktif dalam pembangunan tanah semula RISDA ke arah perkhidmatan yang berkualiti di samping menjaga kepentingan pekebun kecil ataupun pekebun getah.

Tetapi, dalam pelaksanaan sistem ini, timbul pula masalah dan juga kelemahan. Apabila permohonan tanam semula pekebun kecil diluluskan, beliau harus menandatangani surat wakil kuasa kepada koperasi pekebun kecil. Dengan perjanjian, koperasi akan menebang pokok getah dan menjual kayu getah serta

memegang wang bantuan kali pertama dari pihak RISDA, kemudian menolak kos kerja pembangunan tanah pekebun tersebut dan bakinya barulah dikembalikan kepada pemohon.

Mengikut perjanjian, pekebun kecil harus dikenakan bayaran perkhidmatan pengurusan dan khidmat nasihat sebanyak RM100 seekar sekiranya segala kerja-kerja pembangunan tanah dan penjualan kayu getah dibuat tanpa kebenaran koperasi pekebun kecil.

Tuan Pengerusi, saya menerima banyak aduan daripada pekebun kecil bahawa bukan sahaja kerja pembangunan tanah yang dijalankan oleh pihak koperasi pekebun kecil mengambil masa yang lebih panjang jika dibandingkan dengan mereka yang sanggup mengusahakan sendiri dan lebih serius lagi ialah harga kayu getah tua yang dijual oleh pihak koperasi adalah jauh lebih rendah jika dibandingkan dengan mereka yang menjualkan kayu getah sendiri.

Oleh kerana timbul banyak ketidakpuashatian di antara ramai pekebun getah terhadap pelaksanaan sistem baru ini, bukan sahaja matlamat-matlamat yang dicita-citakan oleh kementerian dan juga pihak RISDA tidak dicapai, bahkan ia juga akan merugikan kepada sebahagian besar pekebun getah di negara ini.

Maka di sini, saya ingin mencadangkan kepada kementerian dan juga pihak RISDA supaya dapat melonggarkan peraturan ini dengan memberi pilihan kepada pekebun getah, iaitu bagi mereka yang mampu ataupun sanggup mengusahakan kerja tanam semula diberikan kebenaran untuk mengerjakan sendiri. Kepada mereka yang tidak sanggup membuat sendiri ataupun ingin menyerahkan kuasa

kepada koperasi, maka Koperasi Pekebun Kecil boleh mengambil alih kerja melalui sistem yang dicadangkan sekarang ini.

Tuan Pengerusi, oleh kerana ia melibatkan semua pekebun getah di seluruh negara, saya sangat berharap supaya kementerian dan juga pihak RISDA dapat menimbangankan cadangan saya ini dengan teliti demi kepentingan semua pekebun getah di negara kita ini dan juga menjaga imej RISDA pada keseluruhannya.

Jadi, Tuan Pengerusi, itu sahajalah mesej yang saya ingin sampaikan kepada pihak kementerian dan pihak RISDA.. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, Sipitang.

8.06 mlm.

Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob [Sipitang]: Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil bahagian untuk membincangkan perkara di bawah Maksud Bekalan B.54, butiran projek 030002 iaitu Projek-projek Kecil Luar Bandar, Pembangunan Luar Bandar dan Program Peningkatan Rakyat Termiskin.

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada kementerian dan kerajaan kerana prihatin tentang keperluan penduduk luar bandar dan juga kesejahteraan rakyat. Ini sebagai satu pembelaan kerajaan kepada mereka yang berada di luar bandar dan mereka yang kurang bernasib baik, iaitu kumpulan rakyat termiskin yang kita maksudkan.

Beberapa keperluan penduduk luar bandar telah disuarakan dan banyak telah dilaksanakan oleh pihak kementerian. Beberapa perkara yang penting yang telah disebutkan, yang pertama adalah jalan-jalan luar bandar dan juga projek-

projek kecil luar bandar. Saya ingin meminta kementerian menjelaskan apakah rancangan untuk membina jalan-jalan luar bandar dan jalan-jalan kampung?

Telah banyak juga diluluskan pembinaan jalan-jalan kampung dan jalan-jalan luar bandar tetapi ia perlu dikaji dan diperbanyakkan lagi untuk memastikan bahawa mereka yang berada di luar bandar ini dalam keadaan selesa.

Salah satu jalan yang tidak dimasukkan iaitu untuk pembinaan jalan-jalan di kawasan pertanian ataupun projek-projek luar bandar, misalnya di bawah FELDA ataupun FELCRA. Kawasan pertanian yang saya maksudkan bukanlah kawasan pertanian swasta yang memang ada peruntukan, tetapi kawasan pertanian tanah milik orang-orang kampung yang mana dengan adanya jalan ini, boleh mengeluarkan hasil pertanian di luar-luar bandar.

Selama ini, bila kita memohon untuk meminta jalan-jalan ke kawasan pertanian, jawapan yang diberi oleh pegawai mengatakan bahawa kawasan tersebut tidak ada rumah. Memang kawasan itu tidak ada rumah, yang ada cuma kebun-kebun dan kawasan tanah pertanian. Jadi dengan adanya jalan ini, kalau dibina, bolehlah orang-orang kampung yang mempunyai tanah di kawasan tersebut, yang pertama, boleh memajukan tanah-tanah tersebut atau membina pondok-pondok untuk mereka mengerjakan tanah. Yang kedua, untuk memudahkan mereka mengeluarkan hasil-hasil pertanian mereka ke kawasan bandar daripada tanah-tanah mereka yang di hujung kampung.

Tuan Pengerusi, perkara yang kedua ialah mengenai dengan pemulihan ataupun program peningkatan rakyat termiskin. Kita mengucapkan syabas kepada

kementerian kerana prihatin dan faham tentang keperluan. Satu rancangan bersepadu untuk merekodkan bilangan mereka yang miskin telah pun dijalankan dan inilah satu cara yang baik untuk memastikan mereka yang kurang bernasib baik di negara ini.

Mengenai dengan cara untuk mendaftar rakyat termiskin ini.....

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat berucap di atas dasar. Berucaplah di atas tajuk-tajuk yang telah pun ditetapkan untuk meminta wang.

Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Tuan Pengerusi, ini fasal hendak minta wanglah ini, kita hendak terangkan keperluannya.

Tuan Pengerusi: Tajuk-tajuk yang ditentukan.

Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Di bawah butiran 030002 iaitu Program Peningkatan Rakyat Termiskin.

Tuan Pengerusi: Jadi, bercakaplah di atas wang itu.

Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Peruntukan tambahan?

Tuan Pengerusi: Ya.

Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Jangan berucap di atas dasar, Yang Berhormat.

Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Mengenai dengan peruntukan, kita memanglah mengharapkan peruntukan yang ada ini untuk diberikan kepada program-program rakyat termiskin. Tetapi mengenai dengan pendaftaran rakyat termiskin ini, kita mintalah supaya kementerian melibatkan semua jabatan-jabatan

dan juga Ahli-ahli Parlimen dan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri untuk mengenal pasti mereka yang miskin ini supaya tidak ketinggalan.

Satu perkara lagi, Tuan Pengerusi, iaitu mengenai dengan peruntukan ini boleh juga diberi untuk pembangunan bekalan elektrik luar bandar kerana apa yang terdapat pada sebelum ini banyak kampung-kampung yang kita minta di bawah projek kecil luar bandar terutama sekali di Sabah, bila kita tanya Lembaga Letrik Sabah, dia kata, “Tanya GPPS”. Bila kita tanya GPPS, dia kata, “tanya Lembaga Letrik Sabah”. Jadi kita menjadi masalah. Jadi kawasan yang prioriti tidak diluluskan dan yang diluluskan pula kawasan yang kurang prioriti. Jadi, saya mohon kementerian supaya dapat merancang satu badan ataupun satu jawatankuasa untuk mengkaji perkara ini agar kampung-kampung yang prioriti ini tidak ketinggalan dan cepat dilaksanakan.

Saya mohon menyokong, Tuan Pengerusi.

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi: Ya, ramai yang hendak berucap. Sila Tanjong Karang.

8.13 mlm.

Tuan Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya juga ingin mengambil bahagian dalam perbahasan bagi Maksud B.54 sahaja iaitu tambahan sebanyak RM934,500 dikehendaki untuk membiayai, mengurus

bahagian pembasmi kemiskinan dan menolong rakyat termiskin yang dipindahkan dari Jabatan Perdana Menteri ke Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Pertama sekali, saya mengucapkan syabas dan tahniah di atas kesedaran ini yang mana projek PPRT ini telah dipindahkan daripada JPM ke KPLB kerana rata-rata kita tahu ramai yang miskin ini adalah terdiri daripada penduduk-penduduk luar bandar dan amat sesuai sekali bahawa jabatan ini diletakkan di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Tuan Pengerusi, walau bagaimanapun, agensi-agensi yang memberi bantuan kemiskinan ini bukannya Jabatan Perdana Menteri sahaja. Ada berbagai-bagai agensi lain iaitu seperti Kementerian Pertanian sendiri ada melalui Jabatan Haiwan, LKIM, Projek Barat Laut Selangor, di Jabatan Agama juga ada memberi peruntukan-peruntukan kepada rakyat termiskin. Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat juga ada memberi peruntukan ini. Oleh itu, kita harap apabila jabatan ini telah dipindahkan kepada KPLB maka hendaklah KPLB mengambil tindakan yang lebih aktif dan cergas di mana kalau boleh dibuatkan satu jawatankuasa penyelarasan supaya peruntukan-peruntukan yang disediakan ini dari berbagai-bagai jabatan dan agensi ini dapat disatukan supaya tepat sampai kepada sasarannya. Kerana kita tidak mahu masih terdapat lagi berbagai-bagai agensi yang memberikan peruntukan-peruntukan kepada orang-orang yang miskin ini tetapi bilangannya semakin hari semakin banyak.

Sepatutnya kemiskinan ini kita ingin membasmi tetapi daripada rekod-rekod yang kita dapati, kadang-kadang semakin bertambah orang yang miskin. Kalau

perkara ini kita tidak dapat atasi, kita rasa kluatir bahawa matlamat kerajaan untuk membasmi kemiskinan sukar untuk dicapai. Begitu juga agensi ini bukan sahaja patut diadakan di peringkat kementerian, di peringkat negeri dan juga di peringkat daerah patut juga diwujudkan. Sekarang ini semuanya terletak di Pejabat Daerah. Berbagai-bagai aktiviti terpaksa dibuat oleh pejabat daerah ini termasuklah untuk monitor, dengan izin, mengenai bantuan-bantuan dan juga pencapaian di dalam usaha kerajaan membasmi kemiskinan.

Di peringkat daerah ini, Tuan Pengerusi, kadang-kadang kita sedih, bila kita tanya siapa yang menjadi pengerusi, semuanya Pegawai Daerah, kadang-kadang ADO (Pembangunan). Semua aktiviti yang dibuat oleh kerajaan terletak di bahu Pegawai Daerah. Kalau boleh kita ingin wujudkan satu pegawai khas ataupun urusetia khas yang dilengkapi dengan kakitangan dan komputer-komputernya supaya senarai mereka yang miskin ini bukan sahaja setakat kita hendak tahu siapa yang miskin, kita mesti beri bantuan tetapi mereka yang telah diberi bantuan ini juga kita mesti monitor sama ada apa yang kita beri ini telahpun menjadikan hasil ataupun tidak. Seandainya mereka ini kita dapati telah terlepas daripada belunggu kemiskinan maka nama mereka ini mestilah dikeluarkan daripada senarai PPRT. Perkara ini hanya boleh dibuat kerana ramai bilangan peserta PPRT ini. Kalau setakat hendak membuat *ad-hoc* ataupun sekadar hanya dua tiga orang pegawai membuat kerja sambilan, sudah tentu matlamat ini tidak tercapai. Oleh itu, kita memohon semoga pihak KPLB yang akan menjalankan usaha-usaha membasmi

kemiskinan ini akan memberi perhatian dan menjalankan tugas ini dengan penuh serius.

Tuan Pengerusi, yang kedua saya ingin menyarankan mengenai bantuan yang diberi. Kadang-kadang kita lihat bantuan yang diberi ini tidak kena sasarannya. Sebagai contoh, kalau yang miskin ini adalah seorang nelayan, kadang-kadang kita dapati diberi bantuan untuk bela ayam, memang tidak sesuai. Orang yang bekerja di sawah sebagai contoh, diberi enjin sangkut untuk pergi ke laut. Bantuan-bantuan rumah sebagai contoh pun diberi tidak kena kepada sasarannya. Oleh itu, kita harap bantuan-bantuan yang diberi ini mestilah berdasarkan kepada mereka yang benar-benar layak untuk menerima bantuan dan bentuk bantuan yang diberi ini bukan sekadar material.

Sebagai contoh, kalau di Tanjong Karang ini, sawah padi banyak. Kadang-kadang orang miskin ini dia suka menjadi petani. Kalau PPRT boleh memberikan peruntukan untuk menyewa sawah sebagai contoh, satu musim boleh mendapat untung lebih kurang RM1,000 ataupun RM2,000. Kalau beri peluang kepada orang miskin ini membuat sawah dengan diberi sewa melalui bantuan daripada kerajaan, kalau beri petani ini menyewa sawah selama tiga musim ataupun tiga tahun, saya yakin petani ini boleh terkeluar daripada belenggu kemiskinan.

Begitu juga mengenai bantuan ini kita harap daripada segi mental juga mesti dipertingkatkan kerana kita tidak mahu apabila ada projek PPRT ini ramai kadang-kadang orang di luar bandar ini sepatutnya dia kaya, tetapi oleh kerana mereka memikirkan ini hak kerajaan, inilah masa mereka untuk mengambil

kesempatan mendapat peruntukan-peruntukan dan habuan-habuan daripada kerajaan, maka ramai yang mengaku miskin. Oleh itu semangat daripada segi ingin berdikari mestilah juga ditekankan. Pembangunan insan itu disedarkan juga dari segi keagamaan. Kadang-kadang dia tidak patut mendapat hak, saya ambil contoh apabila sampai waktu hari raya, apabila Jabatan Agama Islam hendak memberikan kepada fakir miskin, kadang-kadang ramai yang mengaku miskin. Jadi, nilai-nilai keagamaan ini patut ditanamkan supaya mereka insaf dan mereka sedar bahawa apa yang mereka dapat itu adalah hak mereka dan mereka ini dibantu bukan untuk selama-lamanya tetapi hanya sebagai tongkat untuk melepaskan mereka daripada belunggu kemiskinan.

Jadi, Tuan Pengerusi, itu sahaja yang saya ingin sampaikan. Saya ucapkan terima kasih.

Tuan Pengerusi: Kepong. Minta jangan panjang sangat.

8.18 mlm.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, tidak panjang. Saya tertarik kepada kementerian ini juga kerana konflik di antara yang selesa dan yang serba kekurangan akan berterusan dan kita mesti berusaha untuk mengurangkan jurang di antara yang selesa dan yang serba kekurangan.

Saya ada mengikuti kenyataan yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat Menteri dari semasa ke semasa. Pertama, Tuan Pengerusi, mengenai banciaan

yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri yang sedang diadakan dan akan diselesaikan pada hujung tahun ini. Dalam beberapa tahun ini saya nampak definisi miskin ialah keluarga dengan lima ahlinya mendapat kurang daripada RM400 sebulan dan bagi golongan yang termiskin pendapatannya kurang daripada RM200 sebulan. Adakah ini angka yang tetap? Sebab taraf kehidupan meningkat, inflasi dan sebagainya. Adakah angka ini akan ditambahkan? Kerana kalau kita tambah misalnya daripada RM400 sebulan kepada RM500 sebulan, maka ini bermakna bilangan yang miskin akan bertambah dengan banyak.

Ini masalah, Tuan Pengerusi. Saya pun tidak tahu sama ada Yang Berhormat ada rancangan atau hitungan yang diselaraskan untuk perkembangan atau kemajuan ekonomi negara ini. Mengikut angka yang diberikan oleh pihak kementeriannya, sekarang kita ada 114,000 keluarga termiskin dan di Sarawak 30,000. Adakah ini angka yang tepat atau angka ini tidak boleh membayangkan keadaan-keadaan sebenar? Bilakah daftar orang miskin dapat dikeluarkan untuk orang ramai?

Yang kedua, Tuan Pengerusi, adakah rancangan yang lebih efektif, lebih berkesan untuk mengurangkan daripada kadar kemiskinan 13% kepada 0.8% itu yang diumumkan oleh pihak kementeriannya? Untuk mencapai hasrat ini memang langkah-langkah yang lebih berkesan mesti diadakan termasuk memupuk dan membantu orang-orang miskin ini berhijrah ataupun keluar daripada sektor pertanian kepada sektor-sektor yang lain termasuk pembuatan.

Tetapi saya nampak susah sedikit kerana kalau dia berasa sebagai nelayan ataupun sebagai petani tetapi kita hendak ubahkan fikiran mereka sebagai menyesuaikan diri dengan sektor pembuatan misalnya. Ini memang susah. Tuan Pengerusi pun tahulah, begitu susah untuk menggalakkan mereka menukarkan fikiran. Jadi, inilah masalah.

Yang ketiganya, mengenai Institute For Rural Advancement (INFRA) yang kosnya RM40 juta. Bolehkah Yang Berhormat menerangkan apakah yang dimaksudkan dengan Institute For Rural Advancement (INFRA) ini kerana saya dapati bukan sahaja mereka akan mengadakan institut, bahkan juga mereka hendak mengadakan majlis membasmi kemiskinan? Adakan institut, adakan majlis, adakan daftar, ketiga-tiga ini yang nampaknya yang masih baru lagilah supaya pada tahun 2000 masalah kemiskinan akan diselesaikan, dituntaskan? Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi : Ya, Yan. Selepas itu Menteri menjawab.

7.24 mlm.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin [Yan]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya pun bercakap pendek sahaja kerana masa terhad.

Tuan Pengerusi, saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Menteri Pembangunan Luar Bandar kerana telah menjalankan tugas yang begitu baik dan saya kira kementerian ini, tidak kiralah Menteri, Timbalan Menteri dan pegawai-pegawainya akan mendapat pahala yang banyak di akhirat kerana sentiasa menolong orang miskin. Bila kita tolong orang miskin, Tuan Pengerusi, doa

mereka itu akan Tuhan makbulkan. Jadi, teruskanlan dan perbanyakkanlah peruntukan untuk Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Kerana bila saya hendak datang di Dewan Rakyat ini ramai orang kampung sebelum itu saya melawat satu kampung penempatan semula nelayan. Mereka kata, eloklah Yang Berhormat kalau pergi ke Kuala Lumpur tolong beritahu Menteri, kirim salam dekat Tan Sri Tuan Yang di-Pertua, *[Ketawa]* hatta depa bersyukur banyak atas nikmat yang Kerajaan Barisan Nasional beri di Sungai Udang itu.

Jadi, Tuan Pengerusi

Tuan Pengerusi : Cakap di atas pokok, ya. *[Ketawa]*

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: Yang itu hendak ambil nafas, Tuan Pengerusi. Saya kena serang teruk semasa Tuan Pengerusi tidak ada tadi.

Tuan Pengerusi : Ambil nafas, janganlah jadi ustaz pula.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: Ya, ya. *[Ketawa]* Jadi, Tuan Pengerusi, sama ada kita bersetuju atau tidak bersetuju, orang-orang miskin ini perlu kita bela kerana negara kita sedang membangun begitu pesat. Kalau kita tidak membela nasib orang miskin ini bermakna jurang di antara orang miskin dan orang yang senang ini akan begitu jauh sekali. Jadi, dengan membela nasib orang miskin ini, mempertingkatkan ekonomi, memberi rumah kepada mereka, menghidupkan balik maruah mereka sebagai orang miskin, mempertingkatkan maruah mereka ini dengan tersendirinya mereka akan berasa begitu bersyukur.

Tuan Pengerusi, setakat hari ini kita dok beri. Kita beri rumah. Saya berterima kasih banyak tetapi rumah ini saya minta kalau boleh Menteri tambah

duit sedikit. Fasal rumah yang dia beri sekarang ini harga RM3,000. Paku sekilo pun sekarang ini sudah naik dua tiga kali ganda. Itu paku. Simen lagi, kemudian bumbung dia Tuan Pengerusi, tidak cukup. Kadang-kadang buat rumah yang RM3,000 lebih hendak tidur malam pun tidak selamat. Dinding dia renggang, takut! Bukan takut apa? Takut orang mai samun. Sungguhpun mereka miskin, tetapi ada jugalah.

Jadi, saya hendak minta kementerian tambah peruntukan untuk rumah. Beri rumah itu selesa, kesian dekat depa itu, Tuan Pengerusi. Kadang-kadang ibu rumah sahaja ada, bilik tidak ada, anak dengan emak bergelimpang sekali tidur dekat situ. Jadi, hak ini Tuan Pengerusi, kadang-kadang kesian. Saya pergi tengok depa. Biasa saya melawat secara mengejut, tengok keadaan mereka hidup, cara-cara di sebelah malamlah. Allah, tengok kesian juga, Tuan Pengerusi. Meleleh juga air mata saya sebagai Wakil Rakyat ini - kesian. *[Ketawa]* Jadi, saya berharap kalau saya kesian, Menteri pun lebih kesianlah, mintalah lebih, sekurang-kurangnya RM5,000 untuk rumah ini, untuk rumah sahaja.

Lagi satu, Tuan Pengerusi, dari segi kita beri, okay. Saya, Tuan Pengerusi, sebagai Pengerusi FAMA, kita ada juga peruntukan membantu orang miskin. Tetapi saya gunakan secara membangunkan ekonomi mereka. Okay, kementerian beri dekat Sungai Udang, KEDA dia beri rumah. Saya beri balik dekat depa, ini dia peruntukan, makcik dan pakcik pergi tanam pokok sahaja. Tanam pokok ini, Tuan Pengerusi, pokok bunga fasal sekarang ini kerajaan hendak indahkan bandar.

Kepong hendak beri pokok bunga banyak. Bandar Kuala Lumpur hendak pakai bunga banyak dan sebagainya.

Jadi, Tuan Pengerusi, pokok bunga ini memang perlu dan kita tengok banyak syarikat-syarikat dok buat nursery tanam pokok bunga. Jadi, saya kerah mereka ini, sekarang tanam pokok bunga banyak-banyak. Walaupun PAS kata makan duit bunga, tetapi mereka ini bukan jenis faham. Ini tanam pokok bunga. Jadi, depa tanam.

Jadi, Tuan Pengerusi, tanam pokok bunga ini bukan kerja yang susah. Orang buta pun dia boleh tanam pokok, cuma yang jenis balok, yang segan buat kerja, dia tidak mahulah. Dia kata, tanam tidak hidup pokok pasal tangan dia hangat, macam-macam alasan dia beri. Tetapi yang inilah saya cadang, kita bina mereka dari segi ekonomi. Kalau hendak suruh mereka berniaga, depa tidak erti, Tuan Pengerusi. Kadang-kadang dia kata harga RM2.00, orang beri dia RM5.00 dia ambil RM4.00. Jadi, orang itu marah pasal dia kira pun tidak boleh, maklumlah jenis orang lama.

Jadi, yang ini kita bantu mereka dari segi macam ini, macam bela ayam. Bela ayam bukannya susah. Beri dia ternak ayam, itik dan sebagainya. Hak ini Tuan Pengerusi, orang jenis miskin boleh buat. Macam tadi kawan kita suruh tanam padi, memang betul! Depa boleh tanam padi. Jadi, saya mencadangkan kementerian beri banyak dari segi ini, bantuan ekonomi untuk depa berdikari. Insya Allah satu hari nanti Tuan Pengerusi, macam kita cuba di Negeri Sembilan - berjaya! Orang yang tanam pokok bunga, kita kutip 20 orang, kita cuba-cuba, 5

orang berjaya dan akhirnya mereka jadi perih. Perih maknanya, dia suruh orang kampung tanam, dia beli pula, peraih. Di Kedah kata perih. Dia beli dan dia jual kepada syarikat yang dok buat landskap ini. Jadi, yang ini Tuan Pengerusi, saya mencadangkan tahun ini kalau boleh kita minta Menteri Kewangan, dia perbanyakkan luar bandar ini Tuan Pengerusi kerana mereka inilah tangan-tangan yang menyokong Barisan Nasional semasa pilihanraya. DAP, PAS dan Semangat 46, mereka tidak mahu. Karut, celaru, cakap tidak serupa bikin. Depa kata, bukan saya kata. Ini saya hendak beritahu, Tuan Pengerusi.

Lagi satu, Tuan Pengerusi, saya mintalah kalau boleh KEDA janganlah dimansuhkan. Saya difahamkan KEDA hendak dimansuhkan. Tuan Pengerusi, dekat sinilah tempat orang miskin hendak bergantung. Boleh sedikit lagi, Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi: Ya, sedikit lagi.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Dekat sinilah orang miskin hendak bergantung. Kalau kita pergi tarik, tutup KEDA, dekat manalah mereka hendak bergantung. Kita tidak bolehlah hendak privatise KEDA dan agensi-agensi yang tolong orang miskin ini. Apabila kita privatis ataupun kita buat corporatise dan sebagainya, depa hendak kira untung. Kesianlah yang letih-letih di kampung. Bila kita turun pergi ke kampung, kita tengok kesian Tuan Pengerusi - menangis! Esok hendak raya, malam ini emak dok ketang ke dada lagi, Tuan Pengerusi. Baju.....

Tuan Pengerusi: Ketang ke dada itu apa dia?

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: ‘Ke tang ke dada’ itu Tuan Pengerusi, dia pakai kain sampai ke dada sahaja. *[Ketawa]* Ini Pembangkang marah pula, ini bahasa kampung, mereka tidak faham marahlah pada saya. Kasihan mereka ini susah, kasihan kadang-kadang pak itu pun pakai kain, sidai kain tuala atas bahu, esok hendak Hari Raya Tuan Pengerusi. Saya tahulah sebab saya datang dari sana. Jadi, kementerian ini bagus sangatlah, saya harap Yang Berhormat Menteri tolong jangan tutup KEDA di Kedah, kasihan sangat mereka sentiasa ‘teriak’ sehari dua ini, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi, saya pun hendak beri peluang Yang Berhormat Menteri jawab selama 15 minit. Jadi, saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Pengerusi dan saya harap Yang Berhormat Menteri akan kaji dan bangun minta duit banyak lagi, tolonglah rakyat kita yang miskin, yang telah banyak berjasa kepada negara kita.

Tuan Pengerusi, saya menyokong. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat Menteri sila menjawab.

8.33 mlm.

Dato’ Haji Annuar bin Haji Musa: Tuan Pengerusi, bagi pihak kementerian mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat, yang telah menyentuh beberapa perkara yang berkaitan.

Nampaknya masa begitu singkat, saya akan jawab semua seberapa ringkas yang boleh dan kalau tidak puas hati perbahasan boleh kita sambung di masa Ucapan Belanjawan nanti.

Pertama, mengenai bantuan tanaman semula RISDA. Peruntukan RM45 juta adalah tambahan bagi membolehkan rancangan menanam semula 40,000 hektar setahun dapat dicapai. Oleh kerana peruntukan itu tidak mencukupi, setelah dibincangkan dalam jemaah Menteri dan bersetuju diberikan peruntukan tambahan. Perkara yang dibangkitkan ialah masalah demand terhadap kayu getah, yang menjadi rebutan di antara koperasi yang diserahkan tanggungjawab untuk menyelaraskan urusan mengawal penawaran ataupun supply kayu getah ini dengan tuan-tuan punya tanah.

Saya amat menyedari perkara ini dan kita dapati ini berlaku kerana sekarang ini permintaan terhadap kayu getah semakin meningkat kerana jumlah kilang-kilang perabot terutamanya di negeri Johor begitu tinggi sekali. Jadi berlaku beberapa pendekatan di mana masing-masing cuba menaikkan harga dan ada kalanya harganya rendah. Sebab itu kita berpandapat kawalan terhadap demand and supply kayu getah ini mestilah diadakan secara teratur. Sebab itulah RISDA cuba memperkenalkan cara yang dilaksanakan sekarang. Walau bagaimanapun berdasarkan kepada apa Yang Berhormat sebutkan tadi, saya bersetuju barangkali ada beberapa kaedah pelaksanaan yang boleh diperbaiki. Saya cuma dapat menyatakan kementerian mengalu-alukan pandangan Yang Berhormat dan saya akan membuat kajian yang lebih teliti.

Matlamatnya hendaklah difahami bahawa harga kayu getah tidak boleh lagi dibiarkan berasaskan kepada pasaran bebas begitu sahaja, kerana ianya perlu dikawal dan ada masanya penebangan pokok terlalu banyak, kayu berlebihan,

harga turun, sesetengah daripada petani atau pekebun kecil mengalami masalah. Ada masanya demand terlalu tinggi, supplynya pula rendah menyebabkan harganya pula melonjak tinggi, sedangkan pihak industri tidak dapat mempunyai bekalan kayu yang mencukupi, sebab itu kita cuba regulate penawaran ini, bukan sahaja di Johor, tetapi negara. Jika ada cara pelaksanaannya tidak kemas saya mengucapkan terima kasih, saya akan minta buat penelitian lanjut atas cadangan Yang Berhormat.

Ada juga disebut tadi tentang jalan luar bandar. Ini sebenarnya tidak disebutkan dalam perkara-perkara yang dibentangkan. Walau bagaimanapun, sepintas lalu suka saya menjelaskan tentang soal prioriti jalan dan sebagainya.

Untuk makluman Yang Berhormat, kira-kira dua minggu daripada sekarang saya akan mengundang sekali lagi Ahli-ahli Yang Berhormat ke kementerian, di mana Yang Berhormat akan dibekalkan senarai-senarai jalan yang telah dicadangkan oleh negeri masing-masing. Senarai ini akan diberikan pada Yang Berhormat Ahli-ahli Parlimen dan Yang Berhormat diminta mengemukakan prioriti atau melengkapkan senarai berkenaan. Langkah ini saya buat bagi membolehkan Ahli-ahli Parlimen memberikan input menentukan prioriti dan senarai yang dikemukakan itu sempurna. Ini lebih-lebih lagi saya percaya selepas Belanjawan esok, aspek jalan luar bandar akan menjadi program utama, yang kita berikan penekanan.

Mengenai perkara PPRT, saya mengucapkan terima kasih. Ramai yang menyebut tentang perkara PPRT, saya ingin menyebutkan dalam Dewan yang

mulia ini dan saya amat sedar tugas ini adalah amat berat dan tanggungjawab ini adalah besar. Apabila ianya dipindahkan daripada JPM ke KPLB dan kementerian sedang mengambil beberapa langkah untuk memperkenalkan beberapa pendekatan dan kaedah-kaedah baru bagi meningkatkan keberkesanan pelaksanaan Program Pembasmian Kemiskinan, termasuklah antara yang disebutkan tadi ialah tentang cara mendaftar.

Untuk makluman Yang Berhormat, mulai bulan Januari akan datang saya akan memperkenalkan Sistem Maklumat Rakyat Termiskin (SMART) yang bersepadu. Semua kutipan maklumat ini dapat diwujudkan di tiap-tiap daerah secara terus melalui talian komputer dan mulai 1hb. Januari tidak perlu lagi ada mereka yang merasakan, mereka tidak terdaftar kerana kementerian akan mula memperkenalkan open system. Siapa-siapa sahaja rasa dia termiskin dan didapati tertinggal, dia boleh terus ambil borang, terus daftar dan terus dimasukkan dalam senarai termiskin. Ini akan dimulakan apabila sistem SMART siap dan saya akan terus melaksanakan sistem pendaftaran terbuka. Juga disebut tentang soal banyak agensi yang terlibat dalam Program Pembasmian Kemiskinan. Ini memang benar dan kita bersetuju.

Saya mengucapkan terima kasih atas cadangan kepada Yang Berhormat, yang sebenarnya memang sekarang ini satu bentuk jawatankuasa tiga peringkat sedang digubal. Proses perlantikan ahli-ahlinya sedang saya lakukan dan akan selesai dalam masa sebulan lagi di mana Jawatankuasa Pembasmian Kemiskinan di peringkat nasional akan dibentuk dan Jawatankuasa Pembasmian Kemiskinan di

peringkat negeri dan di peringkat daerah akan diwujudkan, yang antara lain akan menyelaraskan semua agensi yang terlibat dengan program-program pembasmian kemiskinan.

Begitu juga tentang senarai projek sama ada ianya boleh dimonitor atau tidak, kesan selepas pelaksanaan. Sistem SMART akan menekankan soal follow-up dan kajian semula ke atas kesan yang dilakukan di mana salah satu dari kaedah yang akan kita kenalkan ialah melaksanakan Program PPRT secara pakej. Dalam pakej ini tindakan susulan dibuat secara terus-menerus sehinggalah mereka itu keluar daripada garis termiskin barulah dia akan dikeluarkan daripada senarai SMART. Ini sistem yang akan kita jalankan.

Mengenai pandangan Yang Berhormat berhubung adanya kumpulan sasaran yang tidak kena ataupun bantuan tidak sampai kepada kumpulan sasar. Saya sedar memang ada perkara ini berlaku. Sebagai untuk memperkemaskan sistem pelaksanaan ini, kementerian akan memperkenalkan 'bottom-up system', di mana perancangan pelan tindakan akan dilakukan sendiri di peringkat district, tidak lagi 'top down system', yang mana kita sediakan pakej, kita offer ke bawah. Kita dapati sistem itu ada kelemahan, kita tukarkan di mana pelan-pelan tindakan pembasmian kemiskinan akan dibuat melalui satu garis panduan yang disediakan oleh kementerian.

Kementerian akan mengadakan bengkel-bengkel dan sedang pun berjalan sekarang ini di beberapa district, kemudian pelan tindakan itu disiapkan dengan input para peserta dan pemimpin tempatan. Setelah pelan-pelan ini diterima,

barulah pelaksanaannya dibuat. Ini untuk memastikan kumpulan sasar yang kita rancangkan itu kena dan diharapkan peserta itu sendiri memberitahu apa yang dia boleh lakukan. Jadi tidak timbul soal bantuan diberikan tidak sesuai dengan keadaan diri mereka.

Ahli Yang Berhormat juga menyebut tentang Program Bina Insan. Sukacita saya memaklumkan program ini akan menjadi program utama kementerian tahun hadapan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, kita tidak ada masa.

Dato' Haji Annuar bin Haji Musa: Ya.

Tuan Pengerusi: Ya, sila teruskan.

Dato' Haji Annuar bin Haji Musa: Jadi, Program Bina Insan ini akan kita lakukan sebanyak 30 pusat di seluruh negara telah pun dikenal pasti. Semua JKK seluruh negara akan diberikan latihan dan semua kumpulan rakyat termiskin juga akan dimasukkan ke dalam kumpulan untuk diberi latihan Bina Insan ini.

Soal definisi Yang Berhormat dari Kepong tadi sebut adakah ini tetap? Jawabnya tidak tetap, kita boleh review daripada semasa ke semasa tidak semestinya statik pada RM205 sebulan sahaja.

Mengenai susah atau tidak susah hendak ubah sikap, kerajaan yakin tidak terlalu susah untuk mengubah sikap. Kita rasa lebih susah mengubah sikap ahli-ahli DAP daripada mengubah sikap orang-orang miskin. Jadi itu DAP tidak payah risau, kita akan buat.

Tentang pengwujudan 'INFRA'. Ini adalah sebuah pusat R&D bagi memastikan perancangan pembangunan luar bandar tidak lagi dilakukan secara *ad-hoc*. Sebaliknya ada sebuah institut yang akan menumpukan perancangan luar bandar secara lebih tersusun agar pelaksanaannya berkesan bagi masa-masa akan datang.

Mengenai rumah PPRT yang patut dinaikkan harga, insya-Allah, akan ditimbang bila sampai masanya.

Tentang rumah PPRT yang patut dinaikkan harga, insya-Allah, akan ditimbang bila sampai masanya [*Tepuk*].

Projek ekonomi patut dibanyakkan. Ini saya ambil perhatian, saya ucapkan terima kasih.

Soal penutupan KEDA, walaupun proses penutupan mengenai itu pernah dibincangkan, tetapi suka saya menegaskan, fungsi pembangunan luar bandar yang dijalankan oleh Lembaga Kemajuan Wilayah tidak akan ditamatkan, cuma fungsi yang telah tertunai dan terlaksana sahaja diberhentikan. Sama ada Lembaga Kemajuan Wilayah akan dibawa dalam bentuk yang mana, dalam bentuk yang baru, itu masih lagi dalam perancangan.

Jadi, Tuan Pengerusi, itu sahaja secara ringkas yang dapat saya beri jawapan. Saya harap kalau sekiranya ada perkara-perkara lain yang tidak berpuas hati, Ahli-ahli Yang Berhormat adalah dialu-alukan untuk berunding terus dan bercakap dengan saya atau berhubung dengan kementerian pada bila-bila masa sahaja Yang Berhormat ada kelapangan. Terima kasih. Assalamualaikum.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM934,500 untuk Maksud B.54 di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM934,500 untuk Maksud B.54 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM51,072,350 untuk Maksud P.54 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga bagi tahun 1995 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM51,072,350 untuk Maksud P.54 jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.3) 1995.

Fasal 1 dan 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

“Bahawa Dewan ini, mengikut subskesyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak Ringgit Malaysia tiga ratus lima puluh sembilan juta, tujuh ratus dua puluh sembilan ribu, tiga ratus empat puluh tujuh (RM359,729,347) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 1995, untuk menampung sejumlah Ringgit Malaysia tiga ratus lima puluh sembilan juta, tujuh ratus dua puluh sembilan ribu, tiga ratus empat puluh tujuh (RM359,729,347) bagi Maksud-maksud dan Butiran-

butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Ketiga, 1995 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 20 Tahun 1995 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan keduabelas penyata tersebut”.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Bacaan Kali Yang Ketiga

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1995) 1995 telah ditimbang dalam Jawatankuasa dan telah disetujui tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

USUL

Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan iaitu Jawatankuasa telah menimbang Usul yang diedarkan kepadanya dan bersetuju dengan Usul itu. Seterusnya saya mencadangkan supaya Usul yang berbunyi:

“Bahawa Dewan ini, mengikut subskesyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak Ringgit Malaysia tiga ratus lima puluh sembilan juta, tujuh ratus dua puluh sembilan ribu, tiga ratus empat puluh tujuh (RM359,729,347) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 1995, untuk menampung sejumlah Ringgit Malaysia tiga ratus lima puluh sembilan juta, tujuh ratus dua puluh sembilan ribu, tiga ratus empat puluh tujuh (RM359,729,347) bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Ketiga, 1995 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 20 Tahun 1995 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan keduabelas penyata tersebut.

hendaklah disetujui.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.,

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berormat, masalahnya ialah bahawa Usul seperti mana yang dibacakan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini, mengikut subskesyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak Ringgit Malaysia tiga ratus lima puluh sembilan juta, tujuh ratus dua puluh sembilan ribu, tiga ratus empat puluh tujuh (RM359,729,347) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 1995, untuk menampung sejumlah Ringgit Malaysia tiga ratus lima puluh

sembilan juta, tujuh ratus dua puluh sembilan ribu, tiga ratus empat puluh tujuh (RM359,729,347) bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Ketiga, 1995 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 20 Tahun 1995 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan keduabelas penyata tersebut.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, jam 8.45 malam seperti Usul kita tadi, mesyuarat ditangguhkan hingga pukul 4.00 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 8.45 malam.

